

Bil. 19

**Khamis
25 April 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** [Ruangan 1]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):**

Skandal Penyelewengan Perwaja—Penyerahan Kuas Oleh
BPR Kepada Price Waterhouse
—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 19]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT** [Ruangan 22]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 [Ruangan 22]
Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan)
1996 [Ruangan 53]
Rang Undang-undang Bank dan Institusi-Institusi
Kewangan (Pindaan) 1996 [Ruangan 81]
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996 [Ruangan 104]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 57]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, S.M.J., D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, S.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

Yang Berhormat TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25 April 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji
Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PUSAT PENGAJIAN TINGGI—
KESAN PENSWASTAAN

1. **Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam)** minta Menteri Pendidikan menyatakan isu penswastan Pusat-pusat Pengajian Tinggi:

- (a) sudahkah kementerian membuat kajian implikasi dan kesan-kesan dari penswastan ini terutamanya kepada pelajar, ibu bapa, tenaga pengajar dan pihak-pihak lain; dan
- (b) adakah penswastan ini akan menimbulkan beban kepada keluarga-keluarga yang kurang mampu untuk membiayai anak-anak mereka terutamanya dengan peningkatan kos-kos pengajian pada masa ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan kerajaan ialah mengkorporatkan institusi

pengajian tinggi awam dan bukan menswastakannya. Kajian mengenai telah pun dibuat oleh pihak konsultan dan kerajaan yakin usaha tersebut akan menjadikan institusi pengajian tinggi awam lebih berwibawa dan berdaya maju untuk menangani cabaran-cabaran abad ke-21.

- (b) Bagi membantu pelajar yang kurang mampu, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mewujudkan satu tabung pinjaman khas untuk membantu pelajar-pelajar di samping mengekalkan skim biasiswa yang sedia ada sekarang.

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Pendidikan tentang apakah perkembangan yang terbaru berkenaan dengan permohonan Kolej Era Baru oleh Dong Jiao Zhong?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggunakan peluang ini untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini berkaitan dengan permohonan untuk menubuhkan Kolej Era Baru. Dua hari dahulu dalam satu jawapan telah disalahtafsirkan oleh pihak mass media sebagai berkata Kementerian Pendidikan telah menolak permohonan itu. Saya ingin menerangkan bahawa sebenarnya Kementerian Pendidikan masih dalam proses mengkaji permohonan tersebut dan sampai pagi ini saya sudah sahkan dengan pegawai-pegawai bahawa kita tidak menolak permohonan itu dan tidak pernah mengeluarkan surat menolak permohonan itu dan keadaan itu pun telah diakui oleh pihak Dong Jiao Zhong.

Sebenarnya Kementerian Pendidikan masih dalam kajian permohonan itu dan saya dengan persetujuan Menteri Pendidikan sendiri telah mengarahkan pegawai-pegawai yang terlibat supaya kita teruskan proses perbincangan di antara

pegawai-pegawai yang terlibat di Kementerian Pendidikan dengan pihak penganjurnya supaya pegawai kita boleh menerangkan kepada pihak penganjurnya tentang syarat-syarat dan dasar Kementerian Pendidikan dan juga untuk membolehkan pegawai kita memahami dengan lebih tepat tentang keperluan, cadangan dan sebagainya.

Kami yakin melalui proses dialog itu kami akan dapat satu persefahaman yang kedua-dua pihak iaitu Kementerian Pendidikan dan juga pihak penganjurnya dapat bersetuju dan inilah cara Barisan Nasional dan cara kerajaan. Kita hendak menjaga kepentingan semua kaum dalam konteks satu masyarakat berbilang kaum. Kita yakin melalui proses ini kita akan terus tentukan bahawa segala kepentingan setiap kaum dapat dijaga dan dipertahankan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, di samping kecurigaan mengenai kos pembelajaran yang dibangkitkan dalam persoalan ini, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu soal peluang dan kuota yang mungkin kita dapat mempertahankan kuota bumiputera memasuki institusi pengajian tinggi apabila pendidikan tinggi diswastakan nanti. Dan juga apakah implikasi mutu pendidikan yang dibuat dan adakah kemampuan kementerian membuat kawal selia supaya mutu ini dijaga?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pendidikan sudah beberapa kali terangkan bahawa selepas pengkorporatan universiti-universiti tempatan, kuasa kawalan berkaitan dengan dasar-dasar yang penting, termasuklah isu berkaitan dengan pengambilan pelajar dan sebagainya adalah di bawah satu lembaga dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan sendiri. Jadi melalui formula ini, saya berasa soalan-soalan seperti itu tidak timbul kerana Kementerian

Pendidikan melalui pengerusinya iaitu Menteri Pendidikan terus mempunyai kuasa untuk menentukan dasar-dasar yang penting seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 24.....

Seorang Ahli: Apa dia tu?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan kerana satu jawapan bertulis telah diberikan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang permohonan New Era College di mana dinyatakan dengan jelas, "tidak dapat menimbang permohonan daripada Dong Jiao Zhong untuk menubuhkan New Era College". Tetapi tadi saya telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini merupakan satu penipuan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bertanya kepada Timbalan Menteri ataupun macam mana?

Tuan Lim Guan Eng: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bertanya kepada Timbalan Menteri atau macam mana?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, kerana ini adalah point of order.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat membangkitkan point of order?

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara ini berkaitan dengan jawapan bertulis, jadi Yang Berhormat kenalah berhubung dengan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya boleh merujuk kepada Yang Berhormat Menteri tetapi saya rasa kerana ini adalah berkaitan dengan Parlimen bahawa jawapan yang diberikan oleh Menteri mestilah benar (*Disampuk*) tetapi sekarang Timbalan Menteri telah bercanggah dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya tidak boleh buat apa-apa ruling berkaitan jawapan yang sudah dibuat. Kalau Yang Berhormat membuat andaian bahawa maklumat itu tidak betul, kita ada prosedur yang tertentu, seperti biasa, bukan membangkitkan.....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu, bolehkah saya minta di bawah Peraturan Mesyuarat 25 bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri Pendidikan menggunakan Peraturan Mesyuarat 25 untuk membuat satu 'Penerangan Sendiri'.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 'Penerangan Sendiri' terpulang kepada dia sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kerana ini merupakan satu perkara penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang

Berhormat boleh tulis surat kepada dia. Saya sebagai Yang di-Pertua hari ini tidak boleh berbuat apa-apa berkaitan dengan persoalan yang sudah dibangkitkan. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi kalau jawapan yang diberikan adalah palsu, ada percanggahan dengan Yang Berhormat Menteri, macam mana kita hendak menegakkan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jawapan yang kita anggap palsu atau pembohongan dalam Dewan ini seperti biasa, kita boleh buat Usul. Yang Berhormat pun pernah buat Usul itu di dalam Dewan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, kalau macam ini, saya akan buat Usul. Saya buat Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26.1 (p). Di bawah Peraturan Mesyuarat 26.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silap! Yang Berhormat akan membuat Usul seperti biasa.

Tuan Lim Guan Eng: Di bawah Peraturan Mesyuarat 26. Kerana di sini tidak payah notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita tergendala sekarang. Saya beri Yang Berhormat peluang untuk mengikut Peraturan Mesyuarat apa Yang Berhormat fikirkan patut dibuat. Bukan untuk berucap sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ini masa soal jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan! Saya tahu, tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua mencadangkan saya membuat Usul. Saya hendak membuat Usul di bawah 26.1(p). Kerana di sini, saya baca Peraturan Mesyuarat 26.1(p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita faham. Itu terpulang kepada Yang Berhormat, tetapi, bukan kena pada Peraturan Mesyuarat dalam masa soal jawab ini Yang Berhormat berucap tentang Usul itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini boleh dibangkitkan bila-bila masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita sudah faham Yang Berhormat. Saya buat satu keputusan membenarkan Yang Berhormat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya yang difikirkan patut oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Selepas soal jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak boleh membenarkan sekarang ini Yang Berhormat untuk membawa dalam perkara soal jawab atau di mana-mana peringkat permesyuaratan. Perkara yang perlu dibuat ialah secara bertulis seperti biasa.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baik, saya akan bawa selepas soal jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bila-bila masa Yang Berhormat boleh buat satu Usul bertulis berkaitan dengan perkara Yang Berhormat tidak bersetuju.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, di sini tidak payah secara bertulis. Ini adalah tanpa notis.

Beberapa Ahli: (Bersorak)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkara itu perkara biasa, kita kena bertulis, kita kena masukkan dalam Order Paper.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini boleh ditimbulkan sekarang juga di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya berbohong. Ini satu perkara besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sudah tergendala Yang Berhormat, cukuplah itu!

Tuan Lim Guan Eng: Sebab itu satu isu yang penting kepada kaum Cina dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hendak sambung berkaitan dengan perkara itu?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terangkan! Sebenarnya, pihak DAP hendak mempolitikkan isu ini sahaja. Kementerian Pendidikan tak keliru, hanya sekumpulan surat khabar yang telah salah tafsir jawapan.

Sebenarnya, dalam jawapan tulisan, Kementerian Pendidikan telah menjawab; 'tidak dapat dipertimbangkan buat masa ini'—buat masa ini. Sekarang kita sudah bincang dan tadi saya dengan jelasnya telah menerangkan dengan persetujuan Menteri Pendidikan, kita sudah arahkan pegawai kita teruskan proses perbincangan dengan pihak penganjur supaya mereka dapat dengan jelasnya memahami dasar-

dasar kerajaan dan juga kita dapat memahami tentang keperluan kolej tersebut dan selepas berdialog, berbincang, diharapkan kita boleh mendapat satu persetujuan yang boleh diterima oleh Kementerian Pendidikan mengikut dasar yang kita telah tentukan.

Itulah cara Barisan Nasional, itulah cara kerajaan (*Tepuk*) kerana kita hendak menjaga kepentingan setiap kaum termasuk isu-isu berkaitan dengan pendidikan dalam konteks masyarakat berbilang kaum tetapi pihak DAP dia tak faham tentang keadaan itu, dia mahu politikkan isu itu sahaja. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya! Cukuplah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya tidak boleh menerima apa-apa point of order di dalam masa soal jawab ini. Yang Berhormat, kita tidak boleh mengendalakan masa soal jawab ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, keistimewaan sama ada Ahli Parlimen atau Menteri atau Timbalan Menteri dan mengikut tradisi dan konvensyen Parlimen, apabila tiba-tiba timbul masalah itu yang bersangkutan paut dengan keistimewaan, masa untuk timbulnya ialah apabila perkara itu berlaku. Dan di sini peristiwa ini berlaku sekarang, ini perlu ditimbulkan sekarang juga dan bila boleh ditimbulkan pada bila-bila masa tak perlu memberitahu, sebenarnya ini pun ada disebut dalam peraturan Peraturan Mesyuarat.

Oleh kerana apa yang diucapkan dalam atau dikata dalam Dewan yang mulia ini bersangkutan paut dengan keistimewaan, tak boleh satu hari kata tidak ditimbang dan ini bererti di tolak, dua hari dahulu

kata—akan ditimbang semula. Ini main-main sahaja! Ini jawapan bukan di ..(*Pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tanjong, saya tidak tahu Yang Berhormat maksudkan bermain-main saya atau siapa, tetapi saya tidak boleh menerima komen seperti itu Yang Berhormat. (*Tepuk*) Saya telah memutuskan. Kalau ada pihak di antara siapa pun di dalam Dewan ini yang tidak berpuas hati dengan ahli-ahli yang lain, kita ada prosedur yang tertentu. Kita tidak perlu tergendalakan soal jawab ini. Jadi, saya harap perkara itu sudah selesai di situ.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng.

(*Soalan 2—Y.B. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang) tidak hadir*)

FELDA—PENSWASTAAN ANAK SYARIKAT

3. Tuan Haji Mustafa bin Muda (Hulu Terengganu) minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan mengenai anak-anak syarikat FELDA yang telah diswastakan iaitu:

- (a) berapa buahkah anak-anak syarikat FELDA yang telah diswastakan; dan
- (b) senaraikan anak-anak syarikat yang berdaya maju dan mendapat keuntungan

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Datuk Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini tidak ada satu pun anak-anak syarikat FELDA yang diswastakan dalam erti kata penswastakan sebenar. Apa yang

sebenarnya berlaku ialah perbadanan-perbadanan FELDA telah dijadikan syarikat. Struktur pemegangan ekuitinya tidaklah berubah iaitu di kalangan syarikat-syarikat itu sendiri, FELDA dan peneroka-peneroka melalui Koperasi Permodalan FELDA.

Kini terdapat 14 buah syarikat di dalam FELDA yang beroperasi sebagai syarikat swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sebelum ini syarikat-syarikat tersebut telah lama beroperasi sebagai perbadanan FELDA di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956.

- (b) Semua syarikat FELDA berdaya maju dan pada keseluruhannya mencatatkan pencapaian yang memuaskan dari segi aktiviti dan prestasi kewangan.
- (c) Keuntungan perbadanan syarikat FELDA dinikmati oleh peneroka secara langsung melalui dividen menerusi pelaburan wang mereka di dalam Koperasi Permodalan FELDA (KPF). KPF memegang 51% ekuiti di dalam Syarikat FELDA Holdings Sdn. Berhad iaitu syarikat induk kumpulan syarikat-syarikat FELDA.

Pada tahun 1994 KPF membayar 15% dividen atau RM14 juta atas pelaburan peneroka. Syarikat turut mengagihkan keuntungan dengan membiayai kegiatan-kegiatan pembangunan sosio ekonomi di rancangan-rancangan FELDA. Selain itu, peneroka mendapat khidmat syarikat Felda dengan kadar kos terendah.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara 14 buah syarikat yang telah Yang Berhormat Menteri beritahu tadi, saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk

menyenaraikan syarikat-syarikat tersebut sama ada di papan utama ataupun di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur.

Datuk Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kita akan melihat kepada perkembangan semasa, memang kita mengharapkan apabila syarikat-syarikat ini boleh disenaraikan, maka itulah tujuan kita.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. FELDA Plantation Sdn. Bhd. adalah sebuah anak syarikat Felda yang mempunyai beribu-ribu ekar tanah sama ada kelapa sawit mahupun getah dan tidak dipenuhi oleh peneroka-peneroka. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah dan apakah kemungkinan FELDA Plantation ini akan diswastakan melalui, boleh jadi management buy out oleh pihak pengurusan yang ada sekarang ini?

Dato' Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum lagi mempunyai rancangan untuk menswastakan sama ada melalui, management buy out atau sebaliknya syarikat FELDA Plantation Sdn. Bhd.

TARIF TINGGI PENGGUNAAN TELEFON— MOTIF KEUNTUNGAN

4. **Tuan Ibrahim Pateh Mohamad (Tanah Merah)** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah kerajaan sedar bahawa tarif penggunaan telefon yang dikenakan oleh Syarikat Telekom Malaysia Bhd. tinggi berbanding dengan negara-negara maju yang lain. Apakah dengan memberi lesen kepada syarikat lain untuk mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi kita, kerajaan dapat menjamin perkhidmatan yang lebih murah dan berkesan akan dinikmati oleh pengguna.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarif perkhidmatan telefon di Malaysia adalah kompetitif dibandingkan dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara maju yang lain. Dari segi bayaran sewa tahunan untuk pelanggan kediaman, bayaran yang dikenakan ialah RM240 dibandingkan dengan RM578 bagi Switzerland, RM476 bagi Jepun dan RM322 bagi United Kingdom. Manakala bayaran panggilan tempatan, bayaran yang dikenakan untuk tempoh 3 minit di Indonesia ialah RM0.12 dan RM0.18 di Filipina berbanding dengan RM0.09 sahaja yang dikenakan di Malaysia mulai bulan Jun tahun ini. Sementara itu, Australia, Switzerland dan United Kingdom, masing-masing mengenakan RM0.50 dan RM0.77 untuk 3 minit panggilan bagi panggilan tempatan.

Untuk panggilan jauh dalam negeri, kadar yang dikenakan untuk 3 minit panggilan bagi dalam jarak jauh 100 km di Malaysia ialah RM1.17 berbanding dengan yang dikenakan di Indonesia sebanyak RM1.41, Australia RM2.76, Perancis RM1.98 serta Amerika Syarikat RM1.78.

Akhir sekali, untuk panggilan antarabangsa, kadar panggilan seminit yang akan dikenakan oleh Telekom Malaysia ke negara-negara Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom adalah lebih murah berbanding di kalangan negara-negara ASEAN dan setanding dengan kadar yang dikenakan di Singapura.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan konsep harga maksimum ataupun price capping, dengan izin di mana pengusaha-pengusaha telekomunikasi negara boleh menetapkan harga perkhidmatan mereka mengikut kehendak pasaran di bawah had harga maksimum yang telah ditetapkan oleh

pihak kerajaan. Ini adalah bertujuan untuk menggalakan pertandingan dan meningkatkan kecekapan syarikat-syarikat telekomunikasi dan seterusnya akan membawa kepada penurunan harga dan memberi manfaat kepada pengguna-pengguna.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasional pihak Telekom ketika bertindak dalam menaikkan tarif telefon kerana ini adalah satu ironi terhadap kempen kerajaan mencegah inflasi, malah bukan sahaja mencegah tetapi objektif yang lebih unggul iaitu inflasi sifar?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan pihak Telekom Malaysia ialah tariff rebalancing, ada yang naik, ada yang turun. Tetapi, pada keseluruhannya eksesais ini selepas dijalankan oleh pihak Telekom Malaysia, ia cuma mendatangkan faedah lebihan untung sebanyak RM9 juta sahaja. Jadi, eksesais ini bukan untuk menaikkan keuntungan oleh pihak Telekom Malaysia, tetapi untuk menjadikan perkhidmatan telekom ataupun telekomunikasi di Malaysia lebih kompetitif di rantau ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Telekom Malaysia membenarkan tarif murah iaitu potongan tarif dari pukul 6 petang hingga 6 pagi tetapi perkhidmatan atau sumbangan ini tidak dapat dinikmati oleh pengguna-pengguna yang menggunakan cardphone untuk memanggil dari telefon awam IDD. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya potongan tarif murah ini dapat dinikmati oleh pengguna-pengguna kad supaya melalui IDD telefon awam?

Dato' Chan Kong Choy: Pihak Telekom Malaysia akan mengkaji perkara ini dan memastikan kemudahan ini akan dapat dinikmati oleh semua.

**KELAS BAHASA MANDARIN
DI SEKOLAH
RENDAH KEBANGSAAN**

5. Dato' Yap Pian Hon (Serdang) minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah sekolah dan bilangan murid yang telah mengikuti kelas bahasa Mandarin di sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Dari manakah guru-guru bertanggungjawab untuk kelas tersebut diperolehi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 306 buah sekolah dan seramai 35,216 orang murid sedang mengikuti kelas bahasa Mandarin di sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Kebanyakan guru yang mengajar bahasa Mandarin di SRK adalah guru-guru dari sekolah kebangsaan sendiri yang tertugas sebagai guru bahasa yang mempunyai latar belakang dalam Mandarin.

Selain dari itu, sebilangan kecil guru yang mengajar bahasa Mandarin tersebut ada juga dari sekolah-sekolah SRJK(C) yang berdekatan. Dalam keadaan itu, Kementerian Pendidikan mendapat izin daripada guru besar dan tentukan bahawa sekolah-sekolah SRJK(C) itu dapat lepaskan guru-guru satu, dua jam seminggu untuk mengajar bahasa itu dan dalam keadaan itu Kementerian Pendidikan cadangkan bahawa sekolah kebangsaan yang dapat masa itu hantar guru-guru mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk mengajar Bahasa Malaysia di sekolah SRJK(C) yang berkenaan.

Melalui formula ini, kita harap bukan sahaja tidak menimbulkan masalah untuk sekolah-sekolah, tetapi juga kita akan tingkatkan semangat kerjasama di antara sekolah-sekolah yang berlain aliran itu.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat

Timbalan Menteri Pendidikan, adakah kerajaan berminat memberi latihan perguruan bahasa Mandarin kepada golongan lulusan TAR College ataupun kolej-kolej yang lain seperti yang datang dari Taiwan dan sepertinya untuk memberikan satu bekalan guru bahasa Mandarin yang mencukupi? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kelayakan asas untuk membolehkan seseorang calon memasuki maktab perguruan untuk mengikuti kursus perguruan asas ialah SPM dan untuk membolehkan calon tersebut memasuki aliran bahasa Mandarin, kita perlukan calon tersebut mempunyai kredit dalam bahasa Cina di peringkat SPM. Itulah kelayakan yang asas dan melalui skim yang baru di mana kita sudah cadangkan gaji yang baru untuk lepasan maktab perguruan, nampaknya skim itu mendapat sambutan baik dari semua calon termasuklah calon-calon yang mempunyai kelayakan bahasa Cina di peringkat SPM.

Kementerian Pendidikan yakin melalui formula ini, kita bukan sahaja mengawal tetapi juga akan mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah kita.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 35,216 orang murid-murid yang telah mengikuti kelas bahasa Mandarin ini, adakah bilangan yang dikenal pasti bilangan bangsa lain daripada kaum Cina yang telah mengikuti kursus bahasa ini umpamanya kaum Melayu, India dan sebagainya dan daripada jumlah guru-guru yang ada itu, berapakah jumlah yang terdiri daripada orang Melayu atau India yang terlibat dengan pengajaran bahasa Mandarin ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Pendidikan melancarkan program bahasa Mandarin sebagai satu mata pelajaran pilihan di sekolah kebangsaan, memang

tujuan Kementerian Pendidikan ialah untuk membolehkan bukan sahaja pelajar-pelajar kaum Cina, tetapi juga pelajar-pelajar kaum lain—kaum Melayu atau India—kalau mereka minat untuk mengikuti kelas bahasa Mandarin sebagai mata pelajaran pilihan untuk sekolah-sekolah kebangsaan tersebut.

Tetapi sekarang, saya tidak ada butir-butir berkaitan dengan pecahan kaum bagi pelajar-pelajar sekolah kebangsaan yang mengikuti mata pelajaran bahasa Mandarin itu. Demikian juga dengan keadaan guru-guru, memang tidak ada guru-guru bukan Cina yang mengajar bahasa Mandarin, memang ada. Tetapi saya tidak ada butiran dan saya akan jawab secara bertulis.

LAPANGAN TERBANG SRI AMAN—LANGKAH PENJAGAAN

6. Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjaga lapangan terbang Sri Aman supaya ia dapat diguna semula apabila ada permintaan pada suatu hari kelak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat landasan terbang yang lama di Sri Aman, bagaimanapun, pada ketika ini tiada sebarang syarikat penerbangan yang menggunakan padang terbang berkenaan, sama ada berjadual atau tidak berjadual.

Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelenggarakan landasan tersebut sekiranya keputusan dibuat untuk lapangan terbang tersebut beroperasi. Walau bagaimanapun, keputusan ini hanya dibuat sekiranya mendapat permintaan-permintaan dari syarikat-syarikat penerbangan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Sri Aman ialah ibu pejabat Batang Lupar. (*Ketawa*) Soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen. Memang telah beberapa tahun landasan kapal terbang di Sri Aman tidak dipakai dan berkemungkinan tidak akan dipakai beberapa tahun yang akan datang oleh kerana jalan raya mungkin akan diperbaiki. Soalan saya, siapakah yang punya tanah untuk landasan terbang ini dan adakah kerajaan berhasrat untuk menjual kepada individu, kalau perlu? (*Disampuk*)

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu Yang Berhormat adalah begitu minat untuk membeli landasan terbang lama. Walau bagaimanapun, landasan di Sri Aman ini merupakan landasan kapal terbang di luar bandar. Dalam negara ini terdapat beberapa landasan dalam keadaan begini yang mana semuanya tidak beroperasi.

Tetapi ini bukan bermaksud bahawa landasan seumpama ini tidak boleh beroperasi langsung pada bila-bila masa. Apabila kita dapat permintaan, maka ianya akan dibuka. Tetapi buat masa ini, Kerajaan Pusat sebagai tuan tanah tidak mempunyai cadangan untuk menjual landasan ini kepada sesiapa yang berminat atau sesiapa yang berkenaan.

INDAH WATER KONSORTIUM (IWK)—KEDUDUKAN DI DALAM AKTA PEMBETUNGAN

7. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah status Indah Water Konsortium (IWK) seolah-olah sebuah badan berkanun kerajaan kerana tidak mengambil kira agensi kerajaan tempatan dan kerajaan negeri sebelum mereka melaksanakan semula tugas; dan

- (b) apakah kedudukan Indah Water (IWK) dalam Akta Pembedungan sehingga membolehkan IWK menghantar bil sebaik sahaja pengambilalihan tugas dikuatkuasakan sedangkan pihak berkuasa tempatan sendiri tidak pernah menghantar bil pembedungan sebelum ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tuan Yang di-Pertua, Indah Water Konsortium ataupun IWK bukanlah sebuah badan berkanun kerajaan. Ia adalah sebuah syarikat swasta yang telah diberikan kontrak oleh Kerajaan Malaysia bagi mengadakan perkhidmatan pembedungan untuk seluruh negara seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993.
- (b) Di dalam akta tersebut, kontraktor perkhidmatan pembedungan diberi kuasa mengikut seksyen 30 akta tersebut untuk mengutip caj pembedungan bagi perkhidmatan pembedungan yang diberikan oleh kontraktor berkenaan.

Sebelum ini, kebanyakan pihak berkuasa tempatan tidak mengenakan bil atau pun caj pembedungan kerana mereka tidak mengadakan perkhidmatan pembedungan yang menyeluruh. Perkhidmatan pembedungan diswastakan agar perkhidmatan yang menyeluruh dengan piawaian yang tinggi dapat diadakan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohmamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya sejak Indah Water Konsortium mengambil alih sistem pembedungan di seluruh negara, kerajaan

telah mendengar banyak rintihan dan rasa tidak puas hati penghuni-penghuni dalam bandar. Adakah kerajaan dengan menggunakan pengetahuan dan maklumat-maklumat ini mempunyai pandangan bahawa sudah cukup alasan yang munasabah bahawa perkhidmatan Indah Water Konsortium ini patut ditamatkan.

Jika kerajaan tidak berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan tersebut, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk menanggung pengambilalihan oleh IWK ke atas semua majlis tempatan di seluruh negara kerana tarikh-tarikhnya sudahpun ditetapkan sekarang?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan saya semasa menjawab soalan-soalan yang lalu dalam sesi ini juga, kita telah mengatakan bahawa sebuah Jawatankuasa telahpun dibentuk di peringkat kementerian dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang akan melihat semua masalah yang timbul.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, beliau juga prihatin bahawa masalah ini telah membangkitkan banyak kekeliruan dan masalah di kalangan masyarakat. Ini semua akan diambil perhatian oleh Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa ini akan berunding dengan pihak IWK, pihak EPU atau Unit Perancang Ekonomi supaya kita dapat satu formula untuk mengatasi masalah ini.

Bagaimanapun, ingin saya tegaskan bahawa sebelum ini kita tidak banyak perkhidmatan pembedungan yang dilaksanakan di negara kita. Dalam jangka masa 28 tahun sehingga tahun 2020, Indah Water Konsortium terpaksa membelanjakan lebih kurang RM28 bilion untuk kita memperbaiki sistem pembedungan ke seluruh negara.

Jadi, itulah sebabnya kita dapati sekarang ini banyak kekeliruan dan banyak masalah kerana dahulunya perkhidmatan pembedungan ini tidak dikenakan caj atau bil oleh pihak berkuasa tempatan dan sekarang ini ianya dikenakan bil.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak diperkatakan tentang IWK ini, jadi saya minta kalau boleh Timbalan Menteri pertamanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu ekuiti mutakhir syarikat IWK ini kerana dahulu, kalau tidak silap, kita kata bekas polis dan sebagainya adalah pemegang saham syarikat ini. Saya hendak tahu kedudukan mutakhir sekarang dan adakah pihak kementerian menasihati IWK ini supaya memulakan program mereka ini dahulu berperingkat-peringkat supaya masalah-masalah yang mereka hadapi ini dapat diatasi?

Kerana saya nampak baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mengatakan hendak tarik balik perkhidmatan IWK ini. Saya sokong kalau dia tidak buat kerja, tidak betul. Tetapi, kita juga kena beri peluang supaya mereka ini mematuhi kehendak kerajaan dan kehendak rakyat seperti yang diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat telah pun menjawab soalan saya apabila beliau mencadangkan supaya perkhidmatan ini ditamatkan dan selepas itu beliau mencadangkan supaya kita memberi masa untuk mereka memperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah yang dibuat oleh kementerian oleh kerana perkhidmatan pembedungan ini merupakan perkhidmatan yang agak luas dan besar dengan jumlah kapital atau pun jumlah modal yang besar, maka kita tidak boleh sewenang-wenangnya menarik balik atau menamatkan perkhidmatan mereka.

Tetapi kalau misalnya mereka ada membuat kesilapan-kesilapan, setiap kesilapan di bawah Akta Pembedungan ini ada dendanya dan kalau misalnya mereka membuang najis ke dalam sungai di bawah Akta Alam Sekitar, ada dendanya. Tetapi yang penting ialah kita mesti melihat supaya mereka memberikan perkhidmatan kepada masyarakat umum di negara kita ini.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi merupakan, kalau sudah tidak boleh dan tidak ada jalan untuk memperbaiki dan tidak ada jalan penyelesaian, saya rasa itulah yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan dan juga dari Machang.

JAWATAN PRESIDEN PBB— POTENSI WAKIL MALAYSIA

8. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah peluang bagi wakil Malaysia untuk menyandang jawatan Presiden Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu; dan
- (b) bagaimanakah Malaysia akan mendapat faedah sekiranya berjaya memperolehi jawatan tersebut.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapan kepada bahagian ini sebenarnya telah pun diberikan dalam Dewan ini dalam Mesyuarat pada 4hb April 1996 dahulu.
- (b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, jawatan ini adalah Presiden kepada satu badan utama dalam sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu yang dikenali dengan UNGA atau United Nation General Assembly yang tugasnya

ialah untuk membahas usul-usul dan merumuskan resolusi-resolusi serta usul-usul serta pendirian PBB atas pelbagai isu yang dibawa untuk dibincangkan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu semasa Mesyuarat Agungnya.

Jadi, jawatan ini memanglah jawatan penting dan ada pengaruhnya dan peranannya itu tentulah "high profile" dan kejayaan Malaysia dipilih menyandang jawatan tersebut sekaligus mencerminkan satu pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap kejayaan kita, terhadap keupayaan, terhadap sumbangan, dedikasi serta kredibiliti kita dalam menangani isu-isu antarabangsa, mahupun dalam menerajui negara kita yang hari ini sudah dilihat sebagai satu negara yang berjaya, yang dianggap sebagai boleh dicontohi terutama oleh negara-negara yang sedang membangun.

Sebagai Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu juga sedikit sebanyak kita akan berpeluang mempengaruhi perbincangan-perbincangan yang diadakan semasa membahas usul-usul yang penting, yang sensitif dan di samping itu juga akan dapat membantu untuk mengelakkan daripada perbincangan-perbincangan itu dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu yang ingin menguasai perbincangan itu untuk kepentingan mereka. Sebagai Presiden Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu pada kali ini, ia ada peranan yang penting. Kerana sebagai Presiden UNGA, ia akan menjadi pengerusi kepada empat buah jawatankuasa yang dianggap pada waktu ini adalah amat penting dan sudah semestinya perbincangan-perbincangan dalam jawatankuasa itu ada hubung kaitnya dengan masa depan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri. Empat jawatankuasa itu ialah; satu yang berkaitan dengan mengukuhkan

sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Yang keduanya, yang ada hubung kait dengan menstruktur semula Majlis Keselamatan PBB (Security Council). Yang ketiganya, yang ada hubung kait dengan hal keamanan dan keselamatan; dan yang keempatnya ialah yang berkaitan dengan pembiayaan PBB.

Jadi, saya percaya Yang Berhormat yang mengikuti berita-berita mengenai UN tentu amat memahami bahawa tajuk-tajuk yang saya sebutkan yang akan dibincang dalam empat jawatankuasa itu adalah amat penting bagi kita, bukan sahaja bagi kita, sebenarnya bagi semua negara yang menganggotai PBB dan sebagai pengerusi tentulah ia dikehendaki memainkan peranan yang penting bagi menjamin supaya perbincangan itu berjalan dengan sempurna dan kalau ada apa-apa perbalahan, apa-apa perkara yang menyebabkan bertelagah kepentingan pihak-pihak yang mengambil bahagian dalam perbincangan itu sudah semestinya pengerusi ada satu peranan yang penting yang mesti dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan mempengerusikan UNGA dalam tempoh usia PBB yang amat kritikal. Jadi, di samping penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin mendapat tahu apabila Malaysia berjaya memperolehi kerusi UNGA adakah kita yakin bahawa Malaysia akan dapat membentuk dan mempengaruhi fikiran, pendirian dan tindakan negara-negara lain yang terkeluar dari golongan sahabat kita untuk menyelesaikan masalah-masalah global yang penting sebagaimana yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi?

Dato' Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, peranan itu tidak semestinya terhad kepada Presiden UNGA semata-mata kerana tugas ini adalah tugas yang melibatkan bukan

sahaja pada peringkat perbincangan-perbincangan yang diadakan di PBB tetapi lebih-lebih lagi di dalam gerakan-gerakan diplomasi yang mesti kita laksanakan dengan jayanya dengan bekerjasama dengan negara-negara sahabat sama ada yang di dalam NAM umpamanya dan ini adalah penting.

Jadi, peranan kita tidak semestinya hanya kita tinggalkan kepada pengerusi dari Malaysia sahaja. Kita sudah semestinya akan mengambil peranan dalam perbincangan-perbincangan yang akan diadakan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan mahupun dalam Perhimpunan Agung kita juga mempunyai peranan yang penting yang kita kira akan membantu kerja pengerusi itu.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada faedah-faedah dan imej yang boleh diperolehi oleh Malaysia dengan menjadi Pengerusi United Nation General Assembly ini dan berdasarkan kepada dasar luar kita yang boleh dikatakan agak "high profile" sekarang, apakah Malaysia bercita-cita pada satu masa nanti untuk menonjolkan seorang tokoh dari negara ini misalnya untuk melobi jawatan Setiausaha Agung pula?

Dato' Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kita waktu ini tidak ada rancangan seumpama itu. Kalau di masa depan, kalau ada rakyat Malaysia yang berkelayakan, mungkinlah.

KADAR JENAYAH— PENINGKATAN

9. **Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kadar jenayah pada tahun 1991, 1992, 1993, 1994 dan 1995;
- (b) berapa peratus kes telah disiasat dan dibawa ke mahkamah; dan

- (c) adakah kekurangan kakitangan telah menjejaskan kemampuan Polis Diraja Malaysia untuk membanteras jenayah yang kian meningkat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes jenayah dilaporkan pada tahun 1991 adalah 65,939 kes; tahun 1992 adalah 72,882; tahun 1993 adalah 79,803; tahun 1994 adalah 75,976 dan tahun 1995 adalah 81,221 kes. Iaitu sejumlah 375,821 kes jenayah telah dilaporkan di sepanjang tahun 1991 hingga 1995.
- (b) Kira-kira 12% ataupun 43,136 kes telah disiasat dan antaranya sejumlah 39,949 kes ataupun 10.6% telah dan sedang menunggu perbicaraan di mahkamah.
- (c) Polis DiRaja Malaysia berkemampuan menangani kes-kes jenayah berdasarkan kepada kekuatan anggota yang ada pada masa kini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dibuat kajian secara terperinci kepada tiap-tiap cara dan langkah yang diambil seperti undang-undang yang ada, kakitangan keselamatan, pendidikan dan kesedaran masyarakat bahawa tiap-tiap satu ini ternyata tidak mempunyai kelemahan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada kajian dari semasa ke semasa dan juga ada perancangan dan ada usaha bersepadu antara semua agensi yang berkenaan mahupun dari segi penguatkuasaan undang-undang terhadap penjenayah ataupun dari segi pendidikan untuk kesedaran masyarakat ataupun dari segi kempen kesedaran melalui media massa

dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Ini memang satu usaha yang selama ini dititik berat oleh kerajaan tetapi memang tidak ada satu sistem yang sempurna, tidak ada satu negara pun boleh menjamin segala-gala sistem adalah 100% tidak ada kelemahan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dapat menerangkan peratusan kes jenayah yang disebutkan tadi yang terlibat dengan pendatang asing.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah kes yang telah dilaporkan itu, sejumlah kira-kira 1.5% sahaja yang melibatkan pendatang asing dan kalau kita hendak pecahkan lagi kepada jenayah harta benda dan jenayah kekerasan, jenayah kekerasan ada meningkat sedikit bagi penglibatan pendatang asing iaitu 2.6%.

PESAWAT TERBANG HORNET— ANCAMAN RISIKO

10. Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan) minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah bayaran untuk pembelian 8 pesawat F/A-18 Hornet dan adakah jumlah ini turut merangkumi perkhidmatan selepas jualan; dan
- (b) sebab dan langkah kerajaan membeli pesawat-pesawat tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah harga keseluruhan pembelian pesawat F/A-18D Hornet adalah sebanyak US\$734 juta iaitu kira-kira RM1.87 bilion. Kos ini meliputi harga peralatan

bantuan, simulator, alat ganti, latihan bagi anggota TUDM, persenjataan dan bantuan khidmat teknikal. Bantuan khidmat tersebut merangkumi perkhidmatan selepas jualan di mana pihak pembekal akan menempatkan 12 jurutera dari pelbagai kepakaran di Malaysia selama satu tahun untuk membantu anggota-anggota TUDM dalam pengendalian pesawat tersebut.

- (b) Kerajaan telah membuat keputusan memperolehi pesawat F/A-18D ini kerana kemampuannya untuk memenuhi keperluan operasi dan tanggungjawab TUDM mempertahankan negara. Pesawat 'multi-role' ini, dengan izin adalah satu-satu yang terancang di dunia dan berupaya untuk melaksanakan tugas-tugasnya pada waktu siang atau malam dan dalam semua keadaan cuaca. Sistem persenjataan yang dilengkapi mampu memusnahkan sasaran-sasaran di bumi, laut dan udara dari jarak jauh, dengan izin, 'beyond-visual-range'. Sementara itu, konfigurasi enjin dan kelengkapan alatan pertahanan diri, dengan izin self protection system memberinya ciri-ciri 'survivability' yang tinggi di dalam suasana yang mengancam. Pesawat F/A-18 telah terbukti keunggulannya dalam pelbagai konflik seperti Peperangan Teluk dan Balkan dan merupakan pesawat barisan hadapan utama bagi banyak negara di dunia seperti Amerika Syarikat, Canada, Spain, Switzerland, Finland, Australia dan Kuwait.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pembelian pesawat F/A-18 Hornet ini, saya ingin tahu sama ada Kementerian Yang Berhormat ada memastikan semua masalah tentang alat-

alat ganti dan juga penyelenggaraan pesawat tersebut telah dikaji dengan terperinci, kerana ini untuk mengelakkan permasalahan yang selalunya dieksploitasikan oleh penjual.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman kita dan dengan pembelian Hawk, kini kita lebih berwaspada—insya-Allah. Lagi pun kita ada satu perjanjian selama 2 tahun daripada segi alat ganti, after-sale-service, dengan izin.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita melihat dan selalu mendengar bahawa banyak kapal pejuang kita ini telah mengalami kemalangan. Ini yang dilaporkan seperti F/A-5, juruterbang-juruterbang kita seolah-olah duduk di dalam execution chamber, dengan izin yang cuma menunggu untuk menerima maut akibat dari kemalangan. Apakah kerajaan bercadang untuk memberhentikan terus perkhidmatan kapal terbang yang berisiko tinggi ini, demi untuk kebaikan juruterbang-juruterbang kita?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar juruterbang kita duduk dalam execution chamber seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat, malah kita pastikan setiap pesawat yang digunakan oleh juruterbang kita telah pun melalui segala penyiasatan (check) supaya alat-alat itu kesemuanya boleh diterbangkan.

Kita memang ada cadangan untuk hendak menggantikan kapal terbang-kapal terbang yang lama, tetapi selagi didapati bahawasanya mana-mana pesawat yang boleh diup-gradekan atau boleh digunakan, kita harus gunakan. Tetapi kita sedia maklum mana-mana jentera sekalipun dari masa ke semasa kita gantikan dengan yang baru. Kita ada program untuk hendak menukar kapal terbang yang lama itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, satu kesilapan dalam Bahasa Malaysia negeri yang disebut akhir soalan yang ditunjuk ialah Pulau Pinang tetapi sebenarnya "Pahang" dalam bahasa Inggeris betul dan pada pagi ini saya ada menghubungi Bahagian Perundangan untuk memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan.

SEKOLAH MENENGAH CINA SWASTA DI SEGAMAT JOHOR/KAJANG/PAHANG— MEMULIH KEMBALI

11. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan akan meluluskan permohonan untuk memulih kembali Sekolah Menengah Cina Swasta seperti di Segamat Johor dan Kajang serta penubuhan Sekolah Menengah Cina Swasta seperti Pahang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana sekolah-sekolah yang disebutkan adalah sekolah swasta, segala penubuhan sekolah-sekolah swasta baru perlulah mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada di Kementerian Pendidikan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menjawab buat 'tiga perkataan' buat masa ini. Yang Berhormat memberi suatu jawapan yang tidak tepat, oleh kerana ada permohonan menghidupkan semula bukan sahaja dua sekolah swasta Tionghua di Segamat dan di Kajang, dengan 'tiga perkataan' tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu dan saya berharap agar dia tidak memutarbelitkan semacam dia cuba memutarbelitkan tadi. Kita diberi gambaran seolah-olah jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan

mengenai New Era College diciptakan oleh DAP, walhal ini adalah jawapan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: ... dan beliau ada berjanji untuk menyelesaikannya, tetapi ditolak, sebab itu dia emotional, balik dari Paris begitu emotional—tidak bertanggungjawab...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila kemukakan soalan.

Tuan Lim Kit Siang: .. soalan saya ialah adakah Kementerian Pendidikan

Seorang Ahli: (Mengganggu)

Tuan Lim Kit Siang: ... akan membenarkan kedua-dua sekolah ini dihidupkan semula semacam permohonan ada dibuat. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu permohonan ada dibuat untuk menghidupkan semula kedua-dua sekolah itu. Adakah permohonan ini akan diluluskan sama ada dalam akta-akta baru atau buat masa ini tidak akan diluluskan semacam permohonan New Era College ditolak. 'Buat masa ini' Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya tiga perkataan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah siapa yang emosi—saya pun tidak tahu.

Beberapa Ahli: Dia. (Y.B. Tuan Lim Kit Siang)

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sebenarnya Ketua Pembangkang itu cuba memutarbelit kita semua. Saya sudah terangkan dalam jawapan yang asal itu, iaitu kita tidak pernah cakap 'tolak'

permohonan itu dan saya sudah mengesahkan dengan pegawai kementerian saya pada pagi ini, yang mengesahkan tidak pernah menghantar surat 'menolak', perkara itu masih dalam kajian dan kita akan teruskan perbincangan itu. Itu tidak diputarbelit, itulah Ketua Pembangkang yang cuba hendak memutarbelitkan.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sekejap.....

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Timbalan Menteri.....

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Saya tidak beri izin....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Dewan ini.....

Beberapa Ahli: Boo!

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Saya tidak beri izin.....

Beberapa Ahli: Boo!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat saya minta dia (Y.B. Timbalan Menteri) jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Buat apa di sini! Buang masa sahaja!

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: (Mengganggu)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Memutus tidak dapat memberi pertimbangan. Akhir kata 'tidak tolak'.

Seorang Ahli: Minta fotostat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Dia punya Bahasa Malaysia

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: Ini jawapan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat masa kita banyak terbuang, Yang Berhormat saya ingat tidak payah jawab, masa cukup terbuang—cukup.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Berbalik kepada soalan tadi, sebenarnya kerajaan Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang terbuka sekali terhadap pendidikan, khususnya pendidikan Cina, saya sudah terangkan dalam forum di manakah kita dapat sebuah negara, di mana satu kaum yang dalam konteks masyarakat berbilang kaum mempunyai peluang menghantar anak mereka untuk mempelajari bahasa Mandarin dari peringkat kindergaten hingga ke sekolah rendah, sekolah menengah termasuk sekolah kerajaan, tadi saya sudah terangkan.

Kita telah melancarkan dan mempertingkatkan bahasa Mandarin di sekolah-sekolah kebangsaan untuk membolehkan pelajar-pelajar yang bukan kaum Cina mempelajari bahasa Mandarin. Ini dalam Malaysia—sehingga ke sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi

seperti di Jabatan Pengajian Cina di Universiti Malaya. Jadi, saya harap Ketua Pembangkang terimalah hakikat itu puji-pujilah kerajaan kerana kita sudah jaga pendidikan Cina ini, janganlah selalu hentam kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Mengganggu*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, cukup—cukup.

Tuan Chang Kon You: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Ipoh Timor.

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Pendidikan sama ada beliau setuju bahawa pihak pembangkang khususnya DAP ialah hipokrit dalam soal memperjuangkan pendidikan Cina (*Tepuk*) kerana setahu saya Ketua Pembangkang setakat ini hanya telah menderma sebanyak RM5 sahaja....

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Chang Kon You: ... kepada Sekolah Menengah Cina Swasta Ti Fung di Melaka. Setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersetujulah mereka adalah hipokrit dalam hal pendidikan, khususnya pendidikan Cina, Malaysia. Mereka tak faham, kita tinggal di sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Dan dalam konteks itu, kami di Barisan Nasional bolehlah perjuangkan satu proses pendidikan di mana kita boleh jaga kepentingan setiap kaum. Tetapi dalam satu proses kita boleh persatukan semua kaum.

**LRT—PERKHIDMATAN DAN
KADAR TAMBANG**

12. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah perkhidmatan Transit Laju Ringan (LRT) di Kuala Lumpur akan beroperasi; dan
- (b) cadangan kadar tambang yang akan dikenakan dan langkah-langkah keselamatan penumpang sebelum, semasa dan selepas menikmati perkhidmatan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat dua projek LRT yang telah diluluskan oleh kerajaan dan dalam peringkat pembinaan iaitu:
 - (i) Projek LRT Sistem I Fasa I (STAR) sejauh 12 kilometer bermula dari Pekan Ampang ke Bangunan Sime Darby, Jalan Sultan Ismail, dijangka siap sepenuhnya dan beroperasi pada bulan Julai 1996 ini. Manakala Fasa II sejauh 15 kilometer bermula dari Bangunan Sime Darby, Jalan Sultan Ismail ke Sentul Timur dan dari Jalan Chan Sow Lin ke Bukit Jalil (Perkampungan Sukan Komanwel) dijangka siap dan beroperasi pada tahun 1998 iaitu sebelum Sukan Komanwel; dan
 - (ii) Projek LRT Sistem II, Projek Usaha Sama Transit Ringan Automatik (PUTRA) sejauh 28.9 kilometer dibahagikan kepada dua seksyen.

Seksyen pertama dari Lembah Subang ke Pasar Seni sejauh 14.1 kilometer dijangka siap dan beroperasi pada tahun 1998 juga iaitu sebelum Sukan Komanwel. Seksyen kedua pula dari Pasar Seni ke Gombak sejauh 14.8 kilometer dijangka siap dalam tahun 1999.

- (b) Kadar tambang bagi LRT Sistem I Fasa I dan II (STAR) dan Sistem II (PUTRA) adalah seperti berikut:
 - (i) LRT Sistem I Fasa I dan II (STAR) akan menggunakan kombinasi sistem tambang zon terapung, 'floating zone of fares', dan mengikut jarak perjalanan sebagai tambang seragam untuk kedua-dua Fasa. Tambang yang dicadangkan pada tahun 1996 untuk Fasa I nanti ialah pada kadar minimum RM0.75 sen dan maksimumnya RM2.95 sen.
 - (ii) LRT Sistem II (PUTRA) pula menggunakan sistem tambang zon bergerak, 'moving zone system.' Tambang minimum yang dikenakan nanti pada tahun 1998 ialah RM0.90 sen dengan tambahan 'city centre premium' sebanyak RM0.50 sen. Mengikut struktur tambang 'moving zone system', ini setiap perjalanan bermula atau berakhir di kawasan 'central business district, akan dikenakan tambang tambahan sebagai premium sebanyak RM0.50 sen. Tambang maksimum yang dicadangkan ialah sebanyak RM4.50 sen.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat LRT dalam pembinaan projek ini dipastikan supaya mematuhi aspek keselamatan yang ketat.

- (i) keselamatan rekabentuk stesen dan guideway umpamanya adalah mengikut piawaian 'National Fire Protection Association No. 130. Rekabentuk ini juga akan dirujuk kepada kod-kod tempatan dan Persekutuan seperti 'Local Building By-Laws' serta dikawal dengan peraturan-peraturan tertentu;
- (ii) pintu platform akan direkabentuk dan dipasang di semua stesen. Stesen dan laluan di atas tanah akan dipagar sepenuhnya sepanjang laluan LRT dan dipisahkan daripada laluan kegunaan awam atau trafik. Di sepanjang laluan sistem ini tidak akan ada sebarang lintasan rata. Bagi lintasan untuk penumpang di stesen dan lintasan pejalan kaki lain akan dibina sama ada jejatas atau laluan bawah tanah. Ruang menunggu untuk penumpang akan dibina dengan ciri-ciri luas, selesa dan selamat. Di platform juga disediakan tanda-tanda keselamatan seperti garisan kuning yang menandakan had pergerakan penumpang supaya tidak melebihi garisan tersebut pada setiap waktu;
- (iii) di dalam train akan disediakan tempat duduk dan tempat memegang bagi penumpang yang berdiri secukupnya. Pembuka pintu kecemasan dan alat pemadam api juga disediakan. Sistem kawalan yang digunakan adalah sistem kawalan berpusat, sistem kawalan train dan pesem-

boyanan, sistem 'supervisory control and data acquisition (SCADA) dan sistem komunikasi; dan

- (iv) seluruh sistem LRT seperti stok kereta, landasan, sistem kawalan dan komunikasi akan direkabentuk dengan ciri-ciri keselamatan yang berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 13 hingga 41 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18.

SKANDAL PENYELEWENGAN PERWAJA—PENYERAHAN KUASA OLEH BPR KEPADA PRICE WATERHOUSE

3.37 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di bawa Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu masalah penyerahan kuasa Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada sebuah syarikat perakaunan swasta Price Waterhouse dengan enggan bertindak dalam skandal penyelewengan Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., kerana belum dapat pengesahan daripada Price Waterhouse, dan usul saya berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah penyerahan kuasa oleh Badan Pencegah Rasuah oleh Ketua Pengarah BPR Datuk Shafie Yahaya kepada sebuah Syarikat Audit Price Waterhouse dengan enggan bertindak segera dengan sendiri dalam skandal penyelewengan Perwaja sebanyak RM2.5 bilion, kerana perlu mengesahkannya terlebih dahulu dengan Price Waterhouse, kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.”

Tuan Yang di-Pertua, skandal penyelewengan dalam Perwaja adalah satu perkara tertentu dan berkepentingan orang ramai, memandangkan ia melibatkan kerugian terkumpul hampir RM2.5 bilion, setakat 31hb. Mac 1995, dan Perwaja dimiliki 100% oleh kerajaan. Malah kerugian rakyat mungkin melebihi RM10.2 bilion. Sekiranya Perwaja bankrup kerana bukan sahaja pelaburan dan pinjaman kerajaan sebanyak RM2.1 bilion hangus, tetapi kerajaan terpaksa menanggung pinjaman swasta Perwaja sebanyak RM5.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb. April, 1996 Ketua Pengarah BPR Datuk Shafie telah menyatakan bahawa BPR akan menyiasat penyelewengan dan penipuan dalam pengurusan Perwaja selepas menerima laporan lengkap daripada Price Waterhouse. Ini adalah kerana BPR tidak ada bertindak atau memulakan siasatan tanpa bukti kukuh serta tidak ada arahan dari mana-mana pihak supaya BPR menjalankan siasatan.

Sebagai pihak pertama mendedahkan penyelewengan Perwaja, saya telah mengambil inisiatif melaporkan kepada BPR pada 11hb. April, 1996 mengenai dua kes yang membabitkan wang Perwaja

sebanyak RM612 juta, iaitu RM76.4 juta yang dibayar kepada sebuah syarikat lancung atau bogus company dan penyalahgunaan satu pinjaman sebanyak RM535.5 juta oleh sebuah anak syarikat Perwaja.

Dalam kes pertama, Perwaja telah kehilangan RM76.4 juta yang dibayar kepada sebuah syarikat lancung Frilsham Enterprises Incorporated dari Hong Kong berdasarkan sepucuk surat dari kontraktornya NKK Jepun. Pengurus Besar Perwaja pada masa itu Tan Sri Eric Chia telah meluluskan bayaran RM76.4 juta pada 22hb Februari, 1994 kepada Frilsham Enterprises Incorporated ini tanpa mendapat pengesahan ia adalah syarikat bersekutu NKK Jepun ataupun surat tuntutan itu adalah sah.

Apa yang mengejutkan ialah Tan Sri Eric Chia tidak pernah mengesahkan dengan NKK Jepun sungguhpun Frilsham Enterprises Incorporated bukanlah pihak kontrak yang menandatangani kontrak dengan Perwaja. Apa yang lebih mengejutkan ialah sehingga sekarang Perwaja masih tidak dapat berusaha mendapatkan balik bayaran RM76.4 juta ini atau membuat laporan polis.

Kes kedua ialah penyelewengan dalam penggunaan pinjaman US\$196 juta atau RM535.5 juta Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd sebuah anak syarikat Perwaja telah memperolehi satu pinjaman sebanyak RM535.5 juta untuk membeli alat-alat gantian dan perkhidmatan untuk projek Beam and Section Mill yang bernilai sebanyak RM1.15 bilion di Gurun, Kedah. Malangnya pinjaman ini tidak digunakan untuk tujuan yang dinyatakan iaitu membeli alat-alat gantian dan perkhidmatan untuk projek Beam dan Section Mill. Sebaliknya pinjaman ini digunakan untuk membayar perbelanjaan kapital dan hutang pinjaman serta RM76.4 juta kepada syarikat lancung, Frilsham Enterprises Incorporated.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kedua-dua kes ini peranan Tan Sri Eric Chia membenarkan penyelewengan dan penyalahgunaan berlaku adalah paling penting sekali, lebih-lebih lagi bila beliau melebihi had kuasanya dan tidak pun merujuk terlebih dahulu kepada Kementerian Kewangan, Jawatankuasa Tender dan Lembaga Pengarah Perwaja.

Dalam satu kenyataan akhbar di *Berita Harian* pada 22hb. April tahun ini, Datuk Shafie Yahya pula menukarkan alasan tidak cukup bukti kukuh kepada perlu mengesahkannya dengan Price Waterhouse. Beliau dipetik sebagai menyatakan laporan saya kepada BPR, mengenai Perwaja bukan perkara baru kerana memang diketahui oleh beliau dan BPR, cuma menunggu laporan Juruaudit yang dilantik oleh kerajaan iaitu Price Waterhouse untuk mengesahkannya.

Saya terkejut bila saya diberitahu perkara ini sebaik sahaja pulang daripada menghadiri satu persidangan antarabangsa mengenai Hak Asasi Manusia dan Kerjasama Antarabangsa di Manila, Filipina. Datuk Shafie menambah lagi, "selepas laporan juruaudit itu diumumkan nanti, baru kita memulakan penyiasatan menyeluruh termasuk menahan mereka yang terbabit".

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham bilakah BPR telah menyerahkan kuasa penyiasatan dan perlu mendapat kelulusan daripada sebuah syarikat perakaunan audit swasta yang dilantik oleh kerajaan sebelum mengambil tindakan dan menahan mereka yang bersalah. BPR ditubuhkan di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah, 1982 sebagai sebuah badan bebas untuk menjalankan siasatan ke atas amalan rasuah oleh semua pihak termasuk pemimpin kerajaan tanpa pilih kasih, tanpa mengambil kira kedudukan dan statusnya ataupun memihak kepada sesiapa.

Jelas di sini BPR telah menggadaikan maruahnyadengan tidak berani mengambil

tindakan atas siasatan mereka ke atas satu skandal besar dalam Perwaja yang begitu penting kepada negara dan rakyat. Sebaliknya BPR perlu bertindak segera dan tidak patut tunggu lagi untuk mendapat pengesahan daripada Price Waterhouse, kalau mereka mempunyai bukti kukuh bahawa berlakunya penyelewengan dalam Perwaja sehingga mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM3 bilion setakat tahun ini.

Kegagalan BPR bertindak segera hanya menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap komitmen BPR untuk menyiasat dengan adil dan serius. Adakah kalau Price Waterhouse menyatakan tidak ada unsur-unsur penyelewengan BPR tidak akan mengambil tindakan, sungguhpun hasil siasatannya menunjukkan jenayah rasuah telah berlaku. Kenyataan Datuk Shafie sungguh mencurigakan rakyat kerana BPR sebagai badan yang bebas dan hanya 'accountable' kepada Parlimen sahaja tidak perlu tunggu kelulusan atau pengesahan mana-mana pihak untuk mengambil tindakan kalau mereka mempunyai bukti kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu perkara ini perlu disegerakan agar memaksa BPR bertindak sekarang, kalau mempunyai bukti kukuh, lebih-lebih lagi bila BPR pun belum menyoal siasat Tan Sri Eric Chia dan tidak dapat mengesannya. Dewan yang mulia ini mesti membuktikan kepada rakyat tidak akan menutup tetapi menghukum mereka yang bertanggungjawab dalam skandal penyelewengan dalam Perwaja yang mungkin mendatangkan kerugian sebanyak RM10.2 bilion.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima

satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Kota Melaka pada 24hb. April, 1996 jam 2.09 petang. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana saya difahamkan bahawa BPR sedang bertindak dengan mengumpul bukti-bukti konkrit dan menyeluruh sebelum sesuatu tindakan dapat dibuat.

Kita hendaklah faham bahawa untuk membuktikan sama ada wujud unsur-unsur rasuah dan lain-lain kesalahan jenayah seperti penipuan atau kes pecah amanah, siasatan yang rapi dan pengumpulan bukti-bukti yang kukuh adalah amat diperlukan. Sudah pasti dalam hal ini tempoh waktu yang diperlukan adalah lebih panjang. Tindakan sedang diambil oleh pihak BPR dalam menangani masalah ini. Kita hendaklah memberi sepenuh kepercayaan kepada pihak BPR menjalankan tugas mereka supaya kemelut yang dihadapi oleh Perwaja ini dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

3.51 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kali terakhir kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat telah dibuat dalam tahun 1992 iaitu menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 Akta A 837.

Melalui pindaan ini kerusi Dewan Rakyat telah ditambah sebanyak 12 kerusi menjadikan jumlahnya 192. Pada masa yang sama Dewan-dewan Undangan Negeri kecuali negeri-negeri Terengganu, Pulau Pinang dan Sabah telah meminda

Perlembagaan-perlembagaan Negeri masing-masing menjadikan jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri sebanyak 498 berbanding dengan 455 sebelum dari ini iaitu tambahan sebanyak 43 kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 46 Perlembagaan yang dibentangkan pada hari ini adalah berikutan dengan satu urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, draf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak telah pun dibentangkan melalui satu Usul di Dewan yang mulia ini pada 11hb. April, 1996 dan telah pun diluluskan pada hari yang sama.

Ketika saya membentangkan Usul Perintah Persempadanan Bahagian Pilihanraya bagi Negeri Sarawak pada 11hb. April, 1996, saya telah menerangkan dengan panjang lebar mengenai dengan urusan persempadanan tersebut. Kali terakhir urusan persempadanan semula Bahagian Pilihanraya bagi negeri Sarawak telah diadakan pada tahun 1987.

Mengikut Fasal 2 Perkara 113 Perlembagaan, satu urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya boleh dijalankan setelah genap lat atau selang lapan tahun dari urusan yang terdahulu. Dengan ini pada 7hb. September, 1995 pihak SPR telah memulakan urusan persempadanan semula bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak dan urusan ini telah diselesaikan pada 6hb. Mac, 1996 apabila laporan akhir dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada masa ulangkajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak yang terakhir iaitu

tahun 1987 bilangan pemilih negeri Sarawak ialah seramai 607,232 orang pemilih. Sejak itu bilangan pemilih telah bertambah daripada setahun ke setahun.

Mengikut Daftar Pemilih yang disahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada 9hb. Februari, 1995 negeri Sarawak mempunyai seramai 817,460 orang pemilih. Dengan penambahan ini, bermakna bilangan pemilih bagi negeri Sarawak telah bertambah ke 34.62%. Dengan terdapatnya pertambahan jumlah bilangan pemilih yang besar itu, maka perlu juga dipertimbangkan soal pertambahan kepada bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan juga Negeri supaya beban pertambahan pemilih itu dapat dibahagikan semula mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Sesungguhnya bagi negeri Sarawak, jumlah pemilih telah bertambah sebanyak 34.62% sejak tahun 1987. Ini tidak bermakna bahawa jumlah bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen mahupun negeri harus juga bertambah mengikut pertambahan jumlah pemilih itu. Jika ini dilakukan, maka akan berlaku suatu keadaan dalam mana akan terdapat terlampau ramai Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan keadaan ini akan membebankan kewangan negara dan juga negeri tanpa membawa faedah yang nyata.

Berikutan dengan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak, SPR telah mencadangkan penambahan satu kerusi Parlimen dan enam kerusi Dewan Undangan Negeri bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari negeri Sarawak tentu masih ingat pada bulan Oktober 1995, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Fasal 2 Perkara 14

Perlembagaan Negeri. Pindaan ini memperlihatkan tambahan 6 kerusi Dewan Undangan Negeri di negeri Sarawak. Namun demikian, pindaan itu akan berkuatkuasa setelah perintah persempadanan bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dikuatkuasakan.

Jika cadangan pindaan kepada Perkara 46 yang saya bantangkan ini diluluskan, maka jumlah kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sarawak akan bertambah dari 27 kepada 28 dan keseluruhannya kerusi Dewan Rakyat di Malaysia akan bertambah dari 192 kepada 193.

Sementara dengan berkuatkuasanya pindaan kepada Fasal 2 Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak, jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak akan bertambah dari 56 kepada 62 dan keseluruhan kerusi Dewan Undangan Negeri di Malaysia ialah 504.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak akan ragu-ragu, bahkan akan memberikan sokongan sepenuhnya atas cadangan meminda Perkara 46 Perlembagaan bagi menambah satu kerusi Dewan Rakyat untuk negeri Sarawak menjadikan jumlah kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sarawak sebanyak 28 dan 193 untuk seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Datuk Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan

Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

3.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menambahkan anggota Dewan Rakyat dari negeri Sarawak daripada 27 ke-28 ialah satu langkah berikutan dengan urusan persempadanan semula yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Memang ini satu perkara yang penting oleh kerana ialah satu faktor untuk menentukan sama ada sistem demokrasi di Malaysia berjalan dengan adil, bersih dan berpatutan.

Sebenarnya, persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya dan peruntukan mengenai beberapa kawasan Parlimen di tiap-tiap negeri, satu unsur yang mustahak untuk membuat satu keputusan sama ada sistem demokrasi kita perlu diperbaiki dan ia pun merupakan satu di antara tiga tugas Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan dengan betul supaya boleh mendapat keyakinan orang ramai mengenai kebebasan, mengenai kredibiliti, mengenai keyakinan Suruhanjaya Pilihanraya. Memang selepas pindaan kepada Perlembagaan ini diluluskan, khasnya di negeri Sarawak yang telah pun meminda Perlembagaan Negeri Sarawak untuk menambahkan bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri, pilihanraya besar negeri Sarawak tidak lama lagi. Mungkin lagi satu, dua bulan.

Tetapi yang mustahak ialah, apa yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk menentukan bahawa proses pilihanraya besar di mana-mana, baik pun peringkat nasional atau peringkat negeri ialah satu proses yang benar-benar adil, bebas dan bersih.

Selepas pilihanraya besar pada bulan April tahun lalu, Suruhanjaya Pilihanraya ada membuat pengumuman bahawa ia mahu membuat pindaan besar-besaran kepada undang-undang pilihanraya khasnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Tadi, beliau mengatakan bahawa Dewan Undangan Negeri Sarawak telah pun meminda perlembagaannya untuk menambah 6 kerusi tambahan walaupun pihak Suruhanjaya Perkhidmatan telah membuat pengakuan, mungkin, tentang penambahan ini tetapi itu menunjukkan bahawa seolah-olah ada persetujuan awal untuk menambah walaupun Parlimen belum meluluskan. Jadi, penjelasan yang saya ingin daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah adakah trend ini kalau dibiar berleluasa akan menjadi sihat bagi kepentingan seluruh negara oleh kerana seharusnya Dewan Rakyat meluluskan dahulu baru Dewan Negeri membuat pindaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, pandangan saya ialah serah kepada kerajaan atau Dewan Undangan Negeri masing-masing sama ada mereka mahu menerima atau menolak cadangan Suruhanjaya Pilihanraya oleh inilah dalam kuasa, dalam tangan setiap Dewan Undangan Negeri dan saya boleh ingat lagi dahulu apabila Suruhanjaya Pilihanraya mahu buat cadangan mahu menambah kerusi-kerusi di peringkat

negeri, adalah Dewan Undangan Negeri yang tolak cadangan itu oleh kerana tidak boleh dapat majoriti dua pertiga tetapi balik kepada tajuk tadi saya ada sebut.

Apa yang mustahak ialah kenapa Suruhanjaya Pilihanraya khasnya sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas pilihanraya besar pun memberi teguran-teguran menunjuk bahawa tidak puas hati mengenai prestasi, mengenai perjalanan kempen proses pilihanraya besar dan Suruhanjaya Pilihanraya kata akan buat pindaan secara besar-besaran kepada undang-undang pilihanraya untuk mengadakan satu proses yang lebih adil bebas dan bersih sampai sekarang belum ada apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ada menangani isu ini. Adakah ini semua untuk publisiti sahaja? Akhirnya tidak ada apa-apa pindaan yang akan dikemukakan. Sebenarnya kalau Suruhanjaya Pilihanraya serius dalam perkara ini, ia patut menjemput semua parti-parti politik untuk melibatkan dalam proses buat persediaan untuk meminda secara besar-besaran undang-undang mengenai pilihanraya.

Inilah satu perkara mengenai persempadanan semula, mengenai peruntukan kawasan-kawasan pilihanraya satu tugas untuk Suruhanjaya Pilihanraya. Kedua, mengenai memastikan bahawa proses pilihanraya dijalankan dengan lancar, bersih dan adil dengan demokratik. Ketiga, ialah tugas Suruhanjaya Pilihanraya untuk menyediakan satu electro list, satu senarai pemilih-pemilih yang bersih, pemilih-pemilih yang tidak ada pengundi-pengundi hantu atau "flying voters". Yang kita tahu ada berlaku di banyak kawasan dan juga di banyak negeri yang merosakkan integriti bukan sahaja electro list tetapi integriti-integriti proses pilihanraya.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

Dan di sini, saya mahu timbulkan satu isu yang mustahak. Selepas pilihanraya besar tahun lalu, kita pun boleh lihat tiap-tiap pilihanraya besar ada berlaku kesalahan pilihanraya (election offences) di mana wang ada digunakan untuk beli pengundi-pengundi, untuk bribe pengundi-pengundi, electro offences, electro bribery di mana pengundi-pengundi ditakut-takutkan, di "interminated" tetapi sehingga sekarang tidak ada satu kes yang dibawa oleh pihak polis atau peguam negara terhadap mereka yang buat kesalahan ini.

Adakah dalam Malaysia tidak pernah berlaku electro offence? Malaysia—cleanest in the world, lebih semacam Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik—head to toe, cleanest in the world, head to toe, tidak pernah berlaku! Dalam UMNO pun ada korupsi, politik wang! Ada korupsi? Dalam pilihanraya besar tidak ada korupsi? Tetapi kenapa sampai sekarang tidak pernah ada kes di mana ada mereka yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan jenayah ini ditangkap, dibawa ke mahkamah. Inilah satu question mark yang menunjukkan bahawa undang-undang election kita sungguhpun ada sebut mengenai electro offence tetapi tidak dikuatkuasakan.

Di sini saya ingin sebut satu kes di mana yang menunjukkan kita mahu satu cara proses pilihanraya besar yang adil, bebas dan bersih dalam tahun 1995—kawasan Lanang, di mana ada satu election petition dalam Mahkamah Sibu dan di sini, dengan izin, saya baca headnote;

"The petitioner, petitioner ialah Ahli Parlimen dahulu, Jason Wong—The petitioner was the unsuccessful candidate at the general election held on 25th April 1995, for the Parliament Constituency of Lanang while the respondent was the winning candidate. The respondent ialah Yang Berhormat daripada Lanang dan kes ialah Wong

Sing Nang vs Tiong Thai King. The petitioner, by this petition, sought to avoid the election of the respondent on the grounds that the respondent in the course of his election campaign committed bribery under section 10(a) and 32(a) of the Election Offences Act 1954 and corrupt practice under section 32(c) of the Act. The petitioner rested his case on an event which has taken place a few days before the polling date whereby a donation of RM200,000 was made by the respondent to a school fund. The petitioner alleged that the donation was a personal donation of the respondent and that it was made corruptly in order to induce the electors or voters in the Lanang Constituency to vote for him. The respondent denied such allegation and in his affidavit stated that the donation was given as an advance on behalf of his company, The Rimpunan Hijau Group of Companies of which he is an active director, and that such donation made by the company was no different from other donations made by the group for the purposes of promoting Chinese education and culture in Sibu."

Akhirnya keputusan ialah bahawa;

"Based on the evidence, the court was satisfied that the donation was made on behalf of Pemandangan Jauh Sdn. Bhd., which is a subsidiary of the group. This would mean that the petitioner has failed to prove beyond reasonable doubt that it was a personal donation which was the basis of the petition. Therefore, the petitioner had failed to prove beyond reasonable doubt that the offence of bribery or corrupt practice and the offence of general bribery as alleged had been committed by the respondent to this petition."

Di sini adalah donation dibuat, pertikaianya ialah sama ada personal

donation atau donation bagi pihak syarikat, tetapi dibuat dua tiga hari sebelum hari mengundi. Sangat jelas, sangat nyata tetapi tidak berjaya. Apa consequencenya? Oleh kerana Jason Wong Sing Nang buat election petition, dia diugut semasa perjalanan kes itu bahawa kalau dia terus dengan election petition, tindakan polis akan dimulakan terhadapnya, bahawa patutlah dia tarik balik kes itu. Dan dia tidak? Akhirnya dia kalah dalam election petition dan dia ditangkap, dia ditangkap oleh pihak polis, oleh kerana apa? Oleh kerana beliau buat election petition terhadap Yang Berhormat dari Lanang dan didakwa di mahkamah.

Apa dakwaannya?

"That you, on 25th day of April, 1995, at about 1.00 p.m. at the vicinity of the polling station at Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Assan ini Sibu District, in the State of Sarawak were found directly by yourself restrained 3 persons in order to refrain them from giving their vote in an election to wit, seized and detained the National Registration Identity Card that they were the registered voters of the polling station at Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Assan, Sibu and they were refrained from giving in their votes on 25th day of April, 1995 at the pooling station at Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Assan, Sibu in the P.183, Lanang Constituency during Parliamentary General Election 1995 and that you have thereby committed an offence (now adalah election offence) under section 9(1) of the Election Offences Act 1954 and punishable under section 11(1)(b) of the same Act."

Oleh kerana beliau memulakan election petition, dia didakwa commit election offence. Apa jenis keadilan dalam Malaysia ini? Apa jenis pentadbiran keadilan atau administration of justice dalam Malaysia ini? Kalau dia salah,

tangkap dia awal-awal. Kenapa selepas election petition, barulah tindakan dibuat.

Sebenarnya, apa yang berlaku, kes ini sudah habis, sebab itu kita boleh sebut. Apa yang berlaku ialah pada hari pembuangan undi, lebih kurang pukul 1.00 dan di kawasan itu, pukul 2.00 petang ialah masa untuk menutup proses membuang undi. Ada tiga orang yang mahu membuang undi, tetapi dikesan oleh orang-orang di rumah panjang di sana bahawa mereka bukan orang tempatan, tetapi mereka pengundi hantu atau 'flying voters' dan sebab itu orang di sana menahan, siapa 3 orang ini, tak pernah lihat mereka, kenapa mereka boleh datang untuk membuang undi?

Sebenarnya, mereka daripada kawasan Parlimen Sibu dan ada di antara mereka yang digajikan oleh pekerja-pekerja Rimbulan Hijau iaitu syarikat Yang Berhormat dari Lanang sekarang dan mereka ditahan oleh orang-orang tempatan oleh kerana kata mereka, orang luar dan Tuan Wong Sing Nang ada dihubungi dan apabila dia sampai ke tempat itu selepas pukul 2.00 apabila masa membuang undi sudah habis.

Mana ada kes? Mana ada kes dia didakwa bahawa dia menahan orang daripada menjalankan hak mereka untuk membuang undi, walhal apabila dia tiba di tempat itu, masa untuk membuang undi sudah habis. Siapa patut didakwa? Tidak lain adalah 3 orang itu. Oleh kerana mereka sudah membuat kesalahan di bawah Akta Pilihanraya, mereka kata mereka tidak pengundi dan mereka mendaftarkan mereka sebagai pemilih di tempat yang mereka tidak ada hak untuk mendaftar oleh kerana mereka bukan bekerja di sana dan bukan tinggal di sana. Tetapi, bukankah ketiga-tiga orang itu belum didakwa, tetapi Tuan Jason Wong Sing Nang telah ditangkap dan didakwa di Mahkamah?

Sudah tentu kes itu patut dibuang kes? Mana ada fakta bila dia sampai selepas pukul 2.00 dan masa untuk membuang undi sudah habis? Tetapi saya membangkitkan hal ini untuk menunjukkan mana ada keadilan? Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihanraya boleh mendapat kepercayaan orang ramai bahawa ia boleh menjalankan tugas Perlembagaannya dengan mengadakan satu pilihanraya yang bersih, yang bebas dan adil apabila berlaku skandal-skandal semacam ini?

Kita harap bahawa kes ini boleh diberi perhatian yang serius bahawa dalam pilihanraya besar yang akan datang atau di masa-masa lain, semua parti mengadakan satu proses "self-restrict" di mana kita jangan mengotori proses-proses pilihanraya dan kita ikuti apa yang ada di dalam Undang-undang Pilihanraya atau Election Offences dan tidak membuat bukan sahaja bribery, janji-janji yang sebenarnya pun tidak patut dibuat—janji-janji sama ada mahu dengan jayanya mendaftarkan atau menubuhkan New Era College, selepas itu datang ke sini, kata sudah ditolak dan selepas dua tiga hari kata buat masa kini perkara ini dijawab oleh Menteri Pendidikan, bukan Timbalan Menteri.

Ini semua sangat malang dan sangat dikesali. Semuanya untuk merosakkan proses pilihanraya sungguhpun beliau tidak mahu menjadi Vice-President mahu bertanding sebagai Vice-President MCA. Tetapi ini sangat dikesali.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Sibü.

4.16 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun mengucapkan tahniah kepada

Kerajaan Barisan Nasional dan SPR kerana telah membentangkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan 1996 dengan tujuan untuk menambah satu lagi kerusi Parlimen di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat dari negeri Sarawak, saya menyambut dan menyokong pindaan ini yang mana akan meningkatkan lagi perkhidmatan Ahli-ahli Dewan Rakyat kepada rakyat Sarawak, negeri yang terbesar di Malaysia dari segi kawasan geografik.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menghargai rumusan yang diambil oleh SPR untuk mengimbangkan di antara kawasan geografik dan jumlah penduduk untuk menggariskan sempadan bagi setiap Constituency Parliament dan Negeri, saya dengan ikhlas merayu kepada SPR untuk mempertimbangkan semula bagi menambah lebih banyak lagi kerusi Parlimen daripada hanya satu di negeri Sarawak berdasarkan kepada sebab-sebab berikut:

- (a) Sarawak adalah sebesar Semenanjung Malaysia dengan tambahan negeri Perlis dari segi keluasan;
- (b) kebanyakan daripada Constituency Parliament di Sarawak adalah sebesar satu negeri di Semenanjung Malaysia dari segi keluasan geografik;
- (c) infrastruktur komunikasi dan pengangkutan bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat Sarawak untuk Constituency mereka adalah terkebelakang, lemah, sukar dan mengambil masa yang lama untuk mengadakan kekerapan lawatan Ahli-ahli Parlimen ke kawasan Constituency mereka di Sarawak; dan
- (d) penambahan kepada satu kerusi Ahli Dewan Rakyat dibandingkan dengan penambahan 6 kerusi

ADUN di Sarawak adalah satuimbangan yang tidak adil disebabkan oleh kawasan geografikal yang besar dan pengangkutan yang mundur di negeri Sarawak, purata di antara kerusi ADUN dan Ahli Dewan Rakyat haruslah kepada maksimum 2:1 daripada 3:1 seperti di kawasan saya Sibu yang mempunyai 3 kerusi ADUN.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyesal dan membangkang dengan cadangan Ahli Dewan Rakyat dari Bintulu yang mencadangkan agar Malaysia mengguna dasar 'satu orang satu undi' tanpa sistem sempadan constituency. Saya pasti jika satu orang satu undi tanpa sistem sempadan constituency diambil kira, Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Bintulu mungkin tidak akan duduk di dalam Dewan yang mulia ini dan begitu juga dengan....

Tuan Chiew Chiu Sing: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bintulu bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Dengan kebanyakan daripada Ahli-ahli Parlimen Sarawak lain kerana Sarawak hanya mempunyai 1.8 juta orang penduduk daripada 18 juta penduduk negara iaitu lebih kurang 10% dan Sarawak selepas pindaan Perlembagaan Persekutuan dan akan mempunyai 28 kerusi Ahli Dewan Rakyat daripada 193 kerusi seluruh negara iaitu sebanyak 14.5%. Maka, saya harap semua rakyat Malaysia di Sarawak untuk lebih peka dengan polisi dan rancangan parti pembangkang seperti DAP yang tidak bekerja untuk kepentingan yang terbaik bagi penduduk Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja pulang dari Mesyuarat IPU di Istanbul, Turki dan saya berasa amat bangga bahawa negara kita Malaysia dipandang tinggi

oleh komuniti antarabangsa di dalam mempertahankan demokrasi berparlimen, pertumbuhan ekonomi yang sihat serta kaum, agama dan kebudayaan yang harmoni. Saya pasti pindaan Perlembagaan ini akan mempertingkatkan lagi usaha demokrasi berparlimen kita untuk hari esok atau zaman akan datang yang lebih baik bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sri Aman.

4.23 ptg.

Tuan Jimmy Donald (Sri Aman): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sambil menyokong pindaan Perlembagaan ini saya hendak membuat beberapa cadangan.

Yang pertama, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen di Sarawak harus dipertambahkan lagi kerana seperti yang telah disebut oleh rakan saya dari Sibu tadi, Sarawak adalah sebuah negeri yang besar, bukan sahaja besar tetapi kaya dengan sumber semulajadi seperti minyak, gas, hutan dan tanah dan tidak lama lagi saya yakin di bawah kepimpinan Barisan Nasional yang diterajui oleh Ketua Menteri kita di Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Taib bin Mahmud, kita akan menjadi lebih kaya, lebih maju dan akan melangkah ke milenium yang kedua dengan lebih keyakinan dan saya rasa sekarang dengan hanya 28 Ahli Parlimen, jumlah itu tidak mencukupi. Kita masih memerlukan ramai lagi Ahli Parlimen untuk menyampaikan dan mengatikaliskan keluhan, harapan, visi dan mimpi semua rakyat yang ada di Sarawak dan saya rasa dengan itu kita akan menjadi lebih yakin, lebih bahagia dan lebih selesa.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Sarawak adalah terlalu luas dan terlalu besar...

Dr. Tan Chong Keng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Sri Aman. Tadi beliau sebut "mimpi." Saya ingat itu adalah perkataan yang tidak begitu sesuai. Adakah dia ingin tukarkan kepada "impian"? Mimpi itu adalah daripada DAP sahaja, bukan daripada Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih kepada kawan saya dari Bukit Mertajam. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan cadangan beliau seratus peratus-impian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Sarawak adalah terlalu luas, terlalu besar untuk dijaga oleh hanya 28 orang Ahli Parlimen dan kawasan-kawasan mereka seperti yang telah disentuh oleh kawan saya dari Sibu tadi adalah terlalu besar dan kita tahu dalam satu tahun hanya 365 hari dan satu minggu 7 hari sahaja dan seorang manusia ada "limit"nya, Tuan Yang di-Pertua.

Cadangan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk memahami dengan lebih mendalam masalah dari luar bandar dan masalah dari pedalaman, saya bercadang supaya seorang ahli keturunan Dayak dilantik menjadi ahli Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia apabila ada kekosongan wujud nanti.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, tempat mengundi saya rasa harus juga dikaji semula oleh SPR oleh kerana kadangkala kita melihat pengundi disuruh mengundi di tempat yang jauh padahal ada tempat-tempat yang lebih dekat dan lebih sesuai.

Cadangan saya yang keempat ialah urusan mengemaskinikan harus dijalankan sepanjang masa di pekan-pekan yang kecil di Sarawak.

Yang kelima, semua maklumat yang biasanya diberi dan dijual kepada orang ramai harus juga diberi melalui disket komputer untuk keselesaan orang ramai dan di setiap kawasan pilihanraya apabila sipengundi dengan izin, key in, nama ataupun nombor kad pengenalan beliau dalam komputer itu, beliau harus tahu di mana beliau mengundi dan apakah nombor rujukan beliau. Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, ada urusan atau program yang seperti ini sedang digunakan oleh beberapa pihak secara bersendirian tetapi alangkah lebih baik kalaulah SPP menggunakan program yang standard untuk kegunaan semua.

Dengan harapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bintulu.

4.30 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan pendirian saya mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996, yang bertujuan untuk meminda dan menambah bilangan kerusi Parlimen di Sarawak daripada 27 ke 28 kerusi sebagai ekoran ulang kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya Sarawak, seperti yang diluluskan oleh Dewan ini beberapa minggu yang lalu.

Saya berpendapat penambahan bilangan kerusi Parlimen sebanyak 1 kerusi di Sarawak tidak bermakna apa-apa kerana ia tidak mencerminkan perwakilan rakyat yang sebenar bagi Sarawak yang kawasannya sungguh luas berbanding negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia.

Cuba kita lihat daripada 193 kerusi Dewan Rakyat selepas pindaan ini diluluskan kelak, Sabah diwakili 21 kerusi dan Sarawak diwakili 28 kerusi sahaja, manakala Semenanjung Malaysia diwakili oleh 144 kerusi. Tidakkah ini mencerminkan ketidakseimbangan pembahagian kerusi antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak? Apakah ini dapat dikatakan adil? Dengan kata-kata lain, perwakilan Sabah dan Sarawak tidak boleh berbuat apa-apa seperti mencadangkan pindaan undang-undang yang melibatkan kepentingan rakyat di Sabah dan Sarawak, jika perwakilan Semenanjung mengundi untuk membantah dalam Dewan ini. Ini merupakan satu disadvantage kepada penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak apabila kita mendapati peruntukan pembangunan kurang dititikberatkan untuk Sabah dan Sarawak, berbanding dengan Semenanjung yang jauh lebih maju dan menerima peruntukan yang lebih. Sampai bilakah kita harus berdepan dengan perbezaan yang besar dan tidak seimbang ini yang meletakkan rakyat Sarawak dan Sabah dalam kerugian?

Selepas 33 tahun merdeka sepatutnya bilangan kerusi ini ditambah supaya mencerminkan perwakilan dan perkongsian yang adil, seimbang dan sihat. Sebagai wakil rakyat yang mewakili para pengundi yang mengundi parti-parti pembangkang di Sarawak, saya tidak setuju dengan penambahan satu kerusi Parlimen sahaja bagi Sarawak.

Saya ingin mengimbas kembali detik-detik Sarawak dan Sabah hendak mencapai kemerdekaan menerusi kemasukan ke dalam Persekutuan Malaysia. Semasa ura-ura sebelum penubuhan Malaysia pada awal tahun enam puluhan, satu perkara yang sangat membimbangkan rakyat Sarawak pada ketika itu bahawa penubuhan Malaysia akan bermakna wilayah yang kuat akan menguasai wilayah yang lemah, iaitu Semenanjung akan mendominasi Sarawak dan Sabah. Mereka

merasa sangsi sama ada penyatuan Semenanjung dan Sarawak akan menjadikan kongsi yang adil dan saksama di mana hak bersuara dan perwakilan yang seimbang dalam Persekutuan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Pengarah Penyiaran Sarawak Mr. Peter R. Cliff berucap dalam satu simposium di universiti Malaysia dalam tahun 1962 ada berkata "bahawa rakyat Sarawak mahu memasuki Persekutuan Malaysia sebagai 'brothers' bukan "younger brothers". Malah Bapa Malaysia Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ketika itu memberi jaminan bahawa pembentukan Malaya, Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia, negeri-negeri tersebut akan menikmati persamaan sejati "enjoy absolute equality" seperti negeri-negeri lain yang berautonomi. Almarhum selanjutnya memberi jaminan bahawa dengan penubuhan Malaysia seorang rakyat Sarawak atau Sabah pun berhak menjadi Perdana Menteri Persekutuan Malaysia.

Apakah rakyat Sabah dan Sarawak tidak menaruh kebimbangan sama ada penubuhan Malaysia akan memastikan kewujudan perwakilan yang secukupnya dalam Parlimen sebagai mewakili mereka yang tinggal dalam negeri-negeri yang kurang penduduk? Pada masa itu, para wakil dari Persekutuan menjawab, mereka berkata "Pada umumnya perwakilan ke dalam Persekutuan seharusnya dipastikan wujudnya amalan sejagat dalam negara demokrasi dengan memberi ruang yang secukupnya perwakilan bagi penduduk-penduduk kawasan-kawasan yang mempunyai kurang penduduk. That the universal practise in all democratic countries is to give weightage of representation to less densely populated areas", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 dengan

tujuan untuk menambah satu lagi kerusi Parlimen bagi Sarawak selepas ulang kajian dan persempadanan semula yang terakhir pada 8 tahun lalu. Adakah wajar menambah hanya satu kerusi dalam 8 tahun? Daripada apa yang saya sebutkan tadi masih boleh dipakai janji-janji dan jaminan yang dikeluarkan semasa penubuhan Malaysia dahulu? Apakah penambahan satu kerusi ini sebagai formaliti sahaja yang perlu dibuat bagi memuaskankan hati rakyat sedangkan hakikatnya UMNO sebagai parti dominan di Malaysia menikmati keselesaan yang besar dan lega.

Walau bagaimanapun, kemajuan dan pembangunan untuk Sabah dan Sarawak hendaklah diberikan keutamaan. Bagaimanakah dengan perwakilan 28 kerusi dan merupakan negeri yang termundur di Malaysia? Apakah yang dapat 28 kerusi berbuat untuk membantah Rang Undang-undang, usul dan sebagainya meskipun perkara tersebut menekan penduduk di Sabah dan Sarawak. Jika kita mengkaji undi yang dimenangi oleh calon pembangkang iaitu daripada 63% yang mengundi sebanyak 23% diperolehi oleh calon pembangkang di Sarawak iaitu bagi kerusi Parlimen yang dipertandingkan dalam Pilihanraya Umum 1995.

Kerajaan tidak boleh menafikan hak pengundi tersebut untuk mendapat perwakilan mereka dan diberi satu kerusi sahaja dalam Parlimen ini. Suara rakyat yang memilih pembangkang mesti diwakili oleh lebih ramai wakil rakyat lagi dalam Parlimen ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Selangau.

4.37 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih

oleh kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai ulang kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya bagi kawasan Parlimen di negeri Sarawak tahun 1996 ini mengikut Perkara 113 Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat dari negeri Sarawak saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini dan kerajaan Barisan Nasional kerana telah meluluskan 6 kerusi tambahan baru bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak iaitu, Samariang; Kedup; Jepak; Senadin; Ba' Kelalan dan Nangka pada minggu yang lepas. Ini bermakna kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak sudah bertambah dari 56 kerusi sekarang kepada 62 kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini pula kita sedang membahaskan satu lagi tambahan kerusi bagi kawasan Parlimen iaitu P. 172-Mambong di mana sekarang ada 27 kerusi Parlimen akan ditambahkan menjadi 28 kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak ada peluang berucap masa perbahasan mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya negeri Sarawak tahun 1996 pada minggu yang lepas, di sini saya memberi penuh sokongan di atas tambahan 6 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak dan satu tambahan kerusi Parlimen seperti yang kita bahaskan pada hari ini.

Kelulusan penambahan kerusi baru seperti ini sama ada kerusi Parlimen atau kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah sangat bermakna bagi negeri Sarawak khususnya bagi masyarakat yang berbilang kaum, kerana ia memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang tinggal di Sarawak dapat menyuarakan pandangan, masalah mereka melalui wakil rakyat atau wakil negeri bila kerusi itu dapat ditambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan bahawa negeri Sarawak ialah negeri terbesar sekali dalam Malaysia iaitu seluas 124.3 ribu kilometer persegi di mana kawasannya dekat sama besar dengan Semenanjung Malaysia dari segi geografi dan demografi dengan berbilang kaum dan penduduk yang tinggal di negeri Sarawak. Walaupun penduduk yang kecil hanya 1.8 juta sahaja iaitu kira-kira 15 orang sahaja untuk 1 kilometer persegi. Negeri bumi Kenyalang Sarawak memang banyak perubahan dan kemajuan semenjak telah merdeka dalam Malaysia pada tahun 1963 lebih lagi di kawasan di bandar-bandar besar seperti Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri. Namun pun begitu, masih terdapat banyak lagi kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak di mana lebih kurang 5,000 buah kampung dan rumah panjang di mana masih ada kekurangan kemudahan asas, seperti jalan raya, api letrik, air paip bersih, klinik desa, sekolah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini oleh kerana keadaan demografi atau taburan penduduk-penduduk "scattered all over", dengan izin. Ada penduduk yang tinggal di bandar besar, di pekan kecil, di tepi sungai, di bukit-bukau dan dalam hutan tropika yang tebal. Dan ada juga penduduk yang suka tinggal di tepi pantai, tepi laut dan sebagainya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pembahagian-pembahagian tambahan kawasan pilihan raya di kawasan luar bandar sangatlah penting. Dalam keadaan sekarang banyak kawasan pilihanraya di luar bandar Sarawak yang telah terlalu luas dan besar, sangat susah dilawati untuk dikawal seseorang wakil rakyat atau wakil ADUN. Misalnya kawasan Parlimen yang terbesar di Sarawak ialah kawasan Parlimen P.189 Ulu Rejang, keluasan 31,817 kilometer persegi, dekat sebesar dengan negeri Kelantan, misalnya.

Yang kedua besar iaitu kawasan P.192 Parlimen Baram, keluasannya lebih 18,924

kilometer persegi, dekat sebesar dengan negeri Pahang. Dan yang ketiga, besar ialah kawasan Parlimen saya P.187 Selangau, keluasan 9,041 meter persegi, dekat sebesar, kalau dibandingkan dengan negeri Perak. Masih banyak lagi kawasan-kawasan Parlimen yang lebih luas dan besar, seperti Parlimen Kapit, Batang Lupar, Sri Aman, Lubok Antu, Julau dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dan usaha pihak SPR untuk memperkecilkan bahagian-bahagian pilihanraya amatlah mustahak sekali untuk meringankan beban wakil rakyat dan wakil ADUN di kawasan luar bandar tersebut. Saya merasa gembira pada hari ini, kerana sebahagian daripada kawasan Parlimen saya P. 187 Selangau telah dibahagikan sedikit dalam kawasan ADUN baru, iaitu ADUN Nangka.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya soalan kepada Wakil dari Selangau, memandangkan kawasan-kawasan itu besar tadi yang diwakilkan oleh Ahli Dewan Rakyat dari Sarawak, sama ada wakil rakyat, Ahli Yang Berhormat dari Selangau bersetuju supaya elaun-elaun Ahli Dewan Rakyat di Sarawak diberi lebih daripada Ahli Dewan Rakyat yang lain, khasnya dari segi claim minyak apabila melawat kawasan, khasnya seperti kawan saya dari Ulu Rejang. Kalau tidak bawa RM5,000 tidak dapat melawat kawasan. Sedarkah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini? Jadi, sama ada setuju atau tidak....

Beberapa Ahli: Setuju, setuju.

Tuan Jawah Anak Gerang:.....elaun-elaun Wakil Rakyat, khasnya dari kawasan-kawasan yang begitu besar.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Lubok Antu,

Tuan Jawah Anak Gerang:...lebih lagi....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti. Yang Berhormat hanya boleh kemukakan soalan itu kepada Yang Berhormat dari Selangau....

Tuan Jawah Anak Gerang: Ya, itu soalan samalah.

Tuan Yang di-Pertua:....bukan kepada Dewan, Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang: Penjelasanlah. (*Ketawa*) Terima kasih.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu. Saya rasa pertambahan elaan ini—ya, terpulanglah kepada kemampuan kerajaan kita. Memang saya setuju, tetapi kalau Sarawak ditambah, di Semenanjung juga ditambah supaya Ahli-ahli Parlimen sama merasakan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira pada hari ini kerana bahagian-bahagian kawasan Parlimen saya P.187 Selangau telah dibahagikan sedikit dalam kawasan ADUN baru, iaitu Nangka, dan dalam kawasan Parlimen sahabat saya, Yang Berhormat Robert Lau dari Sibü. Saya telah difahamkan dua buah polling station dari kawasan Parlimen saya telah dipindahkan ke kawasan Nangka, iaitu kawasan Parlimen Sibü dan lebih kurang 800 pengundi saya yang mengundi di kawasan Parlimen Sibü nanti. Saya yakin dan percaya sahabat saya dari Sibü, Yang Berhormat Robert Lau tengok-tengoklah pengundi saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak payah sebut nama, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pihak

SPR supaya mereka akan mengkaji semula untuk membuat ulang kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak, patutlah ditambahkan banyak lagi pada jangka masa yang akan datang. Lebih-lebih lagi kawasan-kawasan Parlimen yang terluas dan terbesar di Sarawak seperti kawasan-kawasan Parlimen yang saya telah sebut sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu semua kaum Malaysia akan mempunyai wakil rakyat atau wakil negeri masing-masing seperti kaum Melayu, Dayak, Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Cina, India dan juga termasuk orang kaum Asli dan sebagainya supaya kaum di negara kita ini tidak ada ketinggalan dalam semua arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap dengan panjang lebar pada petang ini, sekali lagi ingin menyentuh sedikit-sebanyak tentang kriteria-kriteria yang digunakan untuk membahagikan bahagian-bahagian pilihanraya sepertimana yang telah dicatat dalam Laporan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang menyatakan berasaskan kepada latar belakang geografi, demografi, cara hidup serta kebudayaan masyarakat di Sarawak dan faktor-faktor weightage. Saya rasa bagi negeri Sarawak faktor weightage perlu dititikberatkan, kerana kawasan luas dan besar, di mana kekurangan kemudahan.

Saya mencadangkan pandangan-pandangan dari ketua kaum dari kawasan tersebut patutlah diambil perhatian oleh pihak SPR juga supaya pembahagian persempadanan semula itu dapat dibahagikan dengan adil dan saksama kepada semua kaum, rakyat jelata. Dengan penuh kepercayaan dan keyakinan bahawa semua kerusi tambahan baru bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak dan satu kerusi Parlimen yang kita akan luluskan pada

hari ini, semuanya 100% disapu dan dimenangi oleh calon Barisan Nasional kita masa pilihanraya yang akan datang nanti, kerana kerajaan Barisan Nasional sahajalah dapat membela dan memperjuangkan nasib rakyat kita yang berbilang kaum di negara ini menuju ke abad ke-21. (*Tepuk*)

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Menteri diminta jawab, saya benarkan dua orang lagi berucap. Jelutong.

4.47 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sarawak termasuk Ahli Yang Berhormat DAP dari Bintulu ada menyatakan negeri Sarawak adalah yang terbesar dalam negara ini. Tumbuhan semulajadi lebih luas sekali dalam negara ini. Lebih kaya, lebih maju. Apa yang disuarakan oleh semua ini adalah untuk menambah kerusi lebih daripada satu. Satu tidak mencukupi. Tetapi soalan ini adakah 27 yang ada dalam Dewan yang mulia ini, kecuali Ahli Yang Berhormat dari parti DAP menjalankan tugasnya, kewajipannya dalam Dewan yang mulia ini? Itu soalnya. Bukan menambah kerusi. Kualiti. Apa kualiti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak?

Beberapa Ahli: (Disampuk)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, itu monyet. Satu monyet di sana tidak boleh dikawal, tetapi ada jalan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ada "monyet" dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau ada apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, saya akan bertindak. Saya rasa tak ada, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ada. Ada "monyet" di situ!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat. (*Ketawa*) Ini Dewan, ini bukan zoo, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh nampak dia ada di sana, boleh berdiri sekarang. Kalau berani.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Berdiri!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ada monyet! Tuan Speaker, saya tidak ada masa untuk membuang atas monyet seperti ini.

Tuan Noh bin Omar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Karang bangun.

Seorang Ahli: Beruk tunggal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan? Ada peraturan mesyuarat hendak dibangkitkan? Nanti dahulu.

Tuan Noh bin Omar: Tak tahu undang-undangkah, duduklah! Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar.

Tuan R. Karpal Singh: Seperti monyet tadi. Monyet!

Tuan Noh bin Omar: Ini beruk tak tahu undang-undang, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Tuan Noh bin Omar: Point of order, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk. Sabar dan tertib.

Tuan R. Karpal Singh: Ah, sabar dan tertib, tetapi monyet tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Karang bangun atas apa. Peraturan Mesyuarat ini yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Noh bin Omar: Saya minta pertimbangan daripada Tuan Yang di-Pertua, adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seorang ahli yang menggunakan bahasa biadab. Saya hendak mendapat penjelasan. Tadi, Yang Berhormat dari Jelutong kata "monyet" dan dia pun kata "beruk", sama ada dia monyet atau dia beruk—kita tidak tahu. Jadi, kita hendak minta sama ada perkataan itu boleh dicakapkan dalam Dewan yang mulia ini ataupun tidak. Kalau tidak boleh, kita minta perkataan "monyet" yang dikeluarkan tadi—"monyet" ini untuk dia atau untuk siapa—ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Saya akan buat keputusan. Pada hakikatnya perkataan "monyet" itu bukanlah perkataan yang sensitif tetapi dalam konteks ini, Yang Berhormat Jelutong, saya hendak ingatkan sepertimana yang saya tegur tadi. Jangan Yang Berhormat gunakan perkataan

seperti ini untuk menyifatkan Ahli yang lain walaupun tiada sesiapa yang khusus dirujuk, tetapi saya rasa Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat buat ucapan sendiri tetapi janganlah Yang Berhormat sifatkan orang lain sebagai monyet ataupun sebagainya. Saya rasa itu tidak kena, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya terima itu, tetapi saya berharap tidak ada siapa yang kacau apabila saya menyuarakan, kerana ia harus disuarakan dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang menyatakan tadi, adakah kualiti yang menunjukkan.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, Tanjong Karang, sekali lagi.

Tuan Noh bin Omar: Tadi, saya minta perhatian daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada perkataan yang ditujukan kepada ahli-ahli lain sama ada patut ditarik balik ataupun tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, saya jelaskan Yang Berhormat. Sepertimana yang saya putuskan tadi, sekiranya perkataan itu dirujuk kepada salah seorang Ahli itu maka saya akan arahkan Jelutong tarik balik dengan serta merta, tetapi sekiranya umum saya beri teguran sepertimana yang saya sebutkan tadi. Itu cukup jelas. Tetapi ini kata dua, saya tidak akan beri peringatan lagi, dan saya rasa Yang Berhormat cukup matang. Teruskan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada apa lagi Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Tadi semasa saya bangun atas point of order, dia sebut perkataan "monyet", jadi, dia tuju kepada sayalah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa cukuplah. Sebab tadi saya sudah beri teguran yang cukup jelas. Dan kita pun kesuntukan masa.

Tuan Noh bin Omar: Orang lama tetapi tidak tahu undang-undang, macam mana ini?

Tuan R. Karpal Singh: Seorang lawyer tidak mahu terima satu keputusan oleh Tuan Yang di-Pertua. Keputusan Tuan Speaker adalah muktamad. Harus dihormati oleh semua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Termasuk Yang Berhormat sendiri.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya terima tadi. Tetapi saya ingin memberi amaran dan harapan saya ialah jangan kacau apabila saya menyuarakan apa yang harus saya suarakan. Apa lagi?

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tanjong Karang bangun lagi.

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta sedikit penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Hendak penjelasan, tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Tidak beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Tidak, saya tidak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, kalau tidak mahu beri jalan, teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Lebih baik dan lebih elok untuk semua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi jangan terpesong sangat, Yang Berhormat. Balik kepada tajuk.

Tuan R. Karpal Singh: Tentang kualiti, apa yang ingin saya nyatakan tadi. Dua ahli dari Sarawak tadi, Sibul dan Sri Aman puji Ketua Menteri Sarawak. Adakah ketua Menteri ini menghadiri Dewan yang mulia ini? Bila? Hari ini?

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Jarang-jarang datang ke Dewan yang mulia ini. Datang hari ini oleh kerana Perlembagaan akan dipinda. Oleh itu, ia mengahdirinya, tetapi di mana ia sekarang? Ia harus ada di sini kerana apa yang saya nyatakan tadi, jika mahu lebih daripada satu, beri jaminan kepada Dewan yang mulia ini mendapatkah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkualiti, berani untuk membongkarkan apa yang tidak baik dalam negeri Sarawak, khasnya mengenai Ketua Menteri Sarawak sendiri. Dalam satu kes adiknya Aishah Mahmud vs Chan Chong Meng. Mana dia sekarang? Dia lari, dia tahu. Barangkali boleh panggil dia. Ahli-ahli lain pergi panggil dia.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu. Ini pun saya tunjuk minat sedikit, saya hendak tahu apa hubungkaitnya Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Berkualiti!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):.....yang disebutkan tadi itu dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan R. Karpal Singh: Ahli-ahli berkualiti, adakah itu yang dipilih oleh rakyat di Sarawak? Apabila Ketua Menteri, Ketua kepada Barisan Nasional di sana, seorang yang corrupt, seorang yang dalam kes ini Chan Chong Meng dan saya beri latar belakang kes itu, dalam tahun 1975 tanah dia di Bintulu ada di ambil alih oleh Kerajaan Negeri Sarawak.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nampaknya Tanjung Karang bangun atas Peraturan Mesyuarat.

Tuan Noh bin Omar: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, sebutkan.

Tuan Noh bin Omar: Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa Ahli lain. Tadi Yang Berhormat Jelutong ada mengatakan "corrupt". "Corrupt" ini ditujukan kepada siapa? Kepada Yang Berhormat dari Kota Samarahan ataupun kepada siapa? Kalau itu ditujukan kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 36(6), baik.

Tuan Noh bin Omar: 36(6). Sangkaan jahat. Kerana tadi dia ada mengatakan perkataan "corrupt" kepada Ahli Kota Samarahan. Kalau itu dia mesti tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Jelutong.....

Tuan R. Karpal Singh: Orang ini tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti Yang Berhormat, saya buat keputusan dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa perkataan 'corrupt' itu sekiranya digunakan secara umum, tanpa mengkhususkannya terhadap mana-mana satu pihak, itu biasanya saya benarkan, tetapi dalam kes ini, cukup jelas, Yang Berhormat merujuk perkataan ini kepada Ketua Menteri iaitu salah seorang Ahli dalam Dewan ini. Saya rasa apa yang dibangkitkan mengenai 36(6) itu kena. Jadi, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan 'corrupt' itu. Kalau secara umum itu lain ceritalah, Yang Berhormat. Ini keputusan saya. Saya harap Yang Berhormat akur.

Tuan R. Karpal Singh: Apabila perkataan ini digunakan, jikalau perkataan itu boleh bestow by evidence - facts, tidakkah itu boleh digunakan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebenarnya Yang Berhormat sebagai seorang

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingin memberi contoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat. Sebagai orang lama dalam Dewan ini, sebenarnya perkataan ini telah pun diiktiraf sebagai "unparliamentary word" pada suatu ketika dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi jika apa yang saya nyatakan tadi di 'back-up', jikalau ada bukti, jikalau apa yang benar jadi 'unparliamentary'- habislah Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat, saya rasa tidak guna tawar menawar di sini, dan keputusan saya cukup jelas.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kuala Pilah bangun. Atas apa?

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian kepada Perkara 36.6 tadi dan juga 43. Sebentar tadi keputusan telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, dan apabila keputusan telah dibuat, Yang Berhormat Jelutong bangun lagi, dia mengatakan beliau adalah orang lama yang mengikut peraturan - keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad, jadi tidak perlu dipersoalkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Noh bin Omar: Lawyer tidak tahu undang-undangkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan cakap begitu sahaja.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia cakap kepada saya - lawyer tidak tahu undang-undang, dia pun sama juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jelutong, saya kekalkan keputusan saya yang muktamad itu. Tarik balik Yang Berhormat, supaya dapat melicinkan perjalanan persidangan.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh. Boleh tarik balik, itu tidak apa. Tetapi saya ingin mengambil contoh, adakah dalam perkara ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi Yang Berhormat, tarik balik. Contoh itu kemudian tidak apa.

Tuan R. Karpal Singh: Saya sudah tarik balik. Contoh boleh, untuk

menunjukkan kepada Dewan yang mulia ini apa yang dibuat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu saya tidak benarkan.

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, oleh sebab perkataan itu telah pun

Tuan R. Karpal Singh: Bukan perkataan, saya tarik balik perkataan, tetapi saya memberi satu latarbelakang kepada apa yang dibuat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, Yang Berhormat tarik balik?

Tuan R. Karpal Singh: Itu saya tarik balik, sudah tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Apa ini hakim pun keliru?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, Yang Berhormat sendiri pun keliru. Yang Berhormat diingatkan, saya beri peluang kepada Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan ini, sebarang contoh yang dibangkitkan itu haraplah relevan bersabit dengan rang undang-undang dan bukannya terpesong jauh sangat. Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya nyatakan tadi ialah mengenai kualiti Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Rakyat - jarang di sini. Apa yang terjadi dalam negeri itu khasnya adik sendiri dalam satu projek di Bintulu - Bintulu Malaysia Resort dalam kes

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada evidence, catat dengan betul!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat! Nanti dahulu.

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud: Tetapi jangan membuat tuduhan sebarangan. Sebagai seorang lawyer, dia sepatutnya mengetahui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar Sabar!

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak bertanya sama ada point of order atau penjelasan. Tidak tahu, oleh kerana tidak datang di sini. Oleh itu tidak tahu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar!

Tuan R. Karpal Singh: Itu kualiti Ketua Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Beri amaran kepada dia, apa yang telah dibuat tadi. Tidak ada hak mengikut Peraturan Mesyuarat untuk membangkitkan, menyuarakan, hentam, duduk. Tuan Speaker pun tidak pedulikan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya tak kira siapa.

Tuan R. Karpal Singh: Kenapa tidak memberi amaran kepada dia? Jangan berbuat demikian pada masa depan. Ha! Beri dia(Pembesar suara dimatikan)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat! Yang Berhormat semua, saya rasa kita cukup matang dan kita akan menjunjung Peraturan Mesyuarat.

Tuan Michael Lisa Kaya: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bukit Mas bangun. Di atas apa? Peraturan Mesyuarat?

Tuan Michael Lisa Kaya: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang ke berapa?

Tuan Michael Lisa Kaya: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya?

Tuan Michael Lisa Kaya: 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya! Sila sebutkan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca: "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan ini."

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya perbincangan ini ditumpukan dengan pemindaan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dan saya minta penjelasan, sekiranya jangan ambil peluang ini untuk mengungkit-ungkit perkara yang tidak ada kaitan dengannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, cukup jelas ya. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sekiranya perbincangan Yang Berhormat berkisar kepada subject matter ataupun apa yang dibicarakan hari ini, walaupun Yang Berhormat berminat sangat hendak memberi contoh, contoh demi contoh, saya memang layan. Tetapi saya hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat apa yang dibangkitkan tadi itu, saya tidak nampak sebarang relevan ataupun apa hubungkaitnya dengan pindaan Perlembagaan.

Jadi, Yang Berhormat, saya harap sekiranya Yang Berhormat masih hendak meneruskan contoh yang sama, tak ada bahan yang baru dan bukannya akur kepada apa yang saya putuskan, saya terpaksa memberhentikan Ahli Yang Berhormat daripada berucap.

Tuan R. Karpal Singh: Berhubung dengan negeri Sarawak, jika perkara-perkara penting berlaku di sana dalam fikiran saya adalah kewajipan ahli-ahli dari negeri itu untuk membangkitkan perkara itu di sini. Seperti perkara yang berlaku dalam tahun 1975 di mana tanah Encik Chan Chong Meng di Bintulu, ada diambil alih oleh Kerajaan Negeri Sarawak, pampasan yang diberi kepada mangsa ini adalah sebanyak RM180,000.

Selepas tanah ini telah diambil alih oleh kerajaan, langsung tidak ada dibuat atas sebahagian tanah itu sehingga tahun 1995. Sebahagian tanah itu telah diberikan kepada satu syarikat swasta

Tuan Michael Lisa Kaya: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya minta mengulangkan point of order 36(1). Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat yang di sebelah sana itu, yang sudah mahir, matang, dengan izin, very experience lawyer, tolong hormatkan undang-undang ini. Tidak ada kaitan 1975 sampai sekarang. Sekarang ini tahun 1996, kita balik ke tahun 1975 - kita akan sampai ke Wawasan 2020, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Yang Berhormat, setakat ini pun saya tak nampak apa hubungkaitnya tahun 1975 ini, saya boleh beri, tetapi saya tak nampak sebarang hubungkaitnya.

Tuan R. Karpal Singh: Baik. Tak berapa jauh dari itu! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini sudah pergi jauh sangat.

Tuan R. Karpal Singh: Harga tanah itu telah naik sekarang lebih kurang RM20 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sekiranya, soal ini terus hendak diungkitkan, Yang Berhormat, ini soal tanah, kalau ada rang undang-undang yang bersabit dengan tanah, itu saya benarkan. Tetapi ini tidak Yang Berhormat, ini bilangan kerusi! Apa hubungkaitnya dengan tanah peribadi?

Tuan R. Karpal Singh: Ada! (*Ketawa*) Ahli Parlimen di sana, Ahli Parlimen dari Sarawak

Tuan Michael Lisa Kaya: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat.

Itu cukup jelas Yang Berhormat. Saya telah membuat keputusan muktamad dan sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, seorang orang lama di sini tak akur kepada apa yang saya putuskan, saya terpaksa berhentikan Yang Berhormat daripada berucap. Perkara sedemikian saya tak suka hendak buat tetapi saya terpaksa. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Jangan ugut, Tuan Speaker!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Itu satu kesalahan! Bagi kepentingan negeri Sarawak, tidak adakah kepentingan Chan Chong Meng ini? Dalam tahun 1975 sebanyak RM180,000 telah diberikan kepadanya sebagai pampasan tanahnya. Sekarang tanah itu telah bernilai RM20 juta, tetapi Ahli Dewan Rakyat yang ada di sini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya takkan memberi peringatan lagi! Urusniaga ataupun soal tanah, soal pampasan, itu saya tidak menafikan

Tuan R. Karpal Singh: What else to talk about?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu! Saya tidak menafikan kepentingannya. Tetapi Yang Berhormat kena baca dengan teliti, apa yang tertera dalam rang undang-undang ini. Saya rasa, Yang Berhormat patut faham juga. Saya rasa masa berjalan dan saya takkan memberi nasihat lagi, nasihat demi nasihat, kalau tak akur, saya kena berhentikan.

Saya rasa masa sudah cukup Yang Berhormat. Sudah cukup, kalau ada rang undang-undang yang bersabit dengan apa yang dibangkitkan, itu lain cerita. Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, baiklah! Okay, tak mahu beri amaran lagi. Okay, saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau hendak sambung cerita yang sama, saya rasa tak kenalalah, berilah hormat sedikit! Itu budaya orang kita sebagai orang timur.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan budaya, jikalau ada apa-apa yang tidak teratur, itu kewajipan saya untuk menegur.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Soal yang sama lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Bukan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini peluang yang penghabisan. Saya takkan beri Yang Berhormat masa yang berlebihan sekiranya hendak ungkitkan soal yang sama. Balik kepada tajuk!

Tuan R. Karpal Singh: Ya, boleh! Kalau paksa begitu tak mengapa. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini kata dua ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang telah dicadangkan adalah untuk membuat satu pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan. Saya ingat apa yang harus dibuat adalah membuat satu semakan kepada Perjanjian 20 Perkara bagi Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun the Constitution is a living document, not car being stoned and emitable, harus dipinda apabila situasi timbul.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1957, apabila negara kita merdeka, apa yang ditubuhkan masa itu adalah The Federation of Malaya yang terdiri dari 9 buah negeri. Tahun 1963, apa yang wujud adalah Malaysia (The Federation of Malaysia) dan termasuk Singapura masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama selepas itu Singapura berpisah dari Malaysia. The jewel and the crown dalam negara ini hilang dan masa itu apa yang telah disuarakan oleh Allahyarham Syed Jaafar Albar adalah benar, apabila dia mengkritik kerajaan untuk melepaskan Singapura kerana Singapura masa itu menjadi satu bahagian yang maha penting bagi Malaysia.

Tetapi selepas Singapura berpisah Perjanjian 20 Perkara ini sehingga hari ini menjadi satu masalah.

Apabila berbangkit di sini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Sabah bangkit, oh, ini hasutan! Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sendiri mendapat hentaman apabila bangkitkan perkara ini. Saya ingat apa yang dibuatnya baik! Relevan, oleh kerana 30 tahun selepas Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia bolehkah keadaan itu wujud? Adakah perjanjian perkara 20 ini indefinite? Tidak ada had masa? Walau pun apa yang harus dibuat ialah untuk mengadakan satu dialog dengan kedua-dua negeri ini kerana dalam perjanjian tersebut jika perjanjian ini akan diubah, kedua-dua negeri ini harus memberi persetujuan. Tetapi jika kedua-dua negeri ini tidak mahu memberi persetujuan, lima abad lagi, 10 abad lagi, apa jadi kewajipan kami di Dewan yang mulia ini untuk menentukan Malaysia menjadi negara bersatupadu. Bolehkah apa yang dibuat sekarang dan dahulu khususnya apabila PBS di Sabah, parti itu menyuarakan Sabah for Sabahan; adakah di sini rakyat di Pulau Pinang bercakap Penang for Penangites atau Kelantan untuk rakyat Kelantan? Kami tidak!

Kami, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini harus pertimbang perkara ini dengan serius. Jangan berlaku satu situasi seperti di Kanada, we cannot have Quebec here! Jika Sarawak dan Sabah mahu keistimewaan dalam Malaysia, tidak ada jalan lain tetapi sama rata, Artically to the Federal Constitution, Tuan Yang di-Pertua, "All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law". Bolehkah ini dijamin dalam konteks perjanjian 20 perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, walau pun apa yang dibahaskan ini bersabit dengan negeri Sabah dan Sarawak, tetapi bagi saya, ini tidak bersabit langsung! Perkara 20 ini tidak bersabit langsung dengan isu persempadanan semula kawasan ini.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya, Tuan Yang di-Pertua mencadangkan adalah ini. (*Disampuk*) Bukan, apa yang mustahak adalah pinda.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya beri masa untuk Yang Berhormat menggulung sebab saya hendak beri seorang lagi berucap ya. Tadi Yang Berhormat pun sudah sia-siakan masa yang diberi itu. Gulung Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Akhirnya saya mencadangkan kepada Peguam Negara (*Diganggu*) Monyet lagi! Ini umum, umum! (*Ketawa*) Umum, umum!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan hendak ambil kesempatan!

Tuan R. Karpal Singh: Bukan kesempatan! Tadi Tuan Yang di-Pertua telah memberi ruling, kalau umum, okay!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, gulung cepat, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat:
(*Menyampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi di sini juga, (*Menunjuk ke arah Ahli-ahli Dewan*) bukan di sana! (*Menunjuk ke arah Menteri Kabinet*)

Seorang Ahli: Umum, termasuk Jelutong!

Tuan R. Karpal Singh: Apabila suatu rang undang-undang seperti ini telah diperbincangkan dan ini bukan biasa kerana duapertiga undi dalam Dewan yang mulia ini harus didapatkan untuk meluluskan rang undang-undang seperti ini. Dan oleh itu, bukan senang kerana hari ini juga, hari ini sahaja dapat tengok muka-muka menteri-menteri di sini. Sudah berapa lama tidak datang ke sini, tetapi hari ini datang, oleh kerana undang-undang seperti ini memerlukan two-third majoriti.

(*Timbalan Yang di-Pertua
(Tuan Haji Juhar bin Haji
Mahiruddin) mempengerusikan
Mesyuarat*)

So, untuk itu, saya menasihatkan Peguam Negara, apabila undang-undang seperti ini dibawa ke Parlimen, lebih baik jikalau ada perkara-perkara lain dalam perlembagaan yang harus dipinda dan khasnya dalam fikiran saya di sini, selepas kes Faridah Begum di mana mahkamah ada memutuskan bahawa seorang warganegara asing tidak boleh menjalankan satu kes terhadap satu Raja-raja di dalam Malaysia. Saya ingat perkara 182 harus dipinda bagi kepentingan rakyat dan inilah satu peluang, apabila itu boleh dibuat tetapi tidak ada dalam rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukup, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dan saya harap dalam masa yang akan datang apa-apa yang perlu dipinda dalam

perlembagaan bagi konteks satu situasi itu harus dibuat sekaligus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seorang lagi - Lanang. Lanang. Selepas ini...

Tuan Richard Riot anak Jaem:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ya. Selepas ini jawapan daripada Menteri ya.

5.18 ptg.

Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian): Terima kasih, kawan saya dari Lanang, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang ini.

Sebagai permulaan, saya ingin membela, membela kawan-kawan saya dari negeri Sarawak yang telah memuji Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita. (*Tepuk*) Tuan Yang di-Pertua, saya membela kawan-kawan saya yang memuji Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kerana.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Richard Riot anak Jaem: No. Sorry, saya tidak akan memberi peluang (*Sorak*) Kerana telah terbukti bahawa sejak beliau menerajui kerajaan negeri Sarawak iaitu 15 tahun yang lampau negeri Sarawak telah berkembang dengan begitu pesat sekali. (*Tepuk*) Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya bunyi marah oleh kerana sememangnya saya marah, kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak

yang kita sayangi telah dituduh oleh ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebagai corrupt.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri, Yang Berhormat ?

Tuan Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memberi peluang kepada Yang Berhormat dari Jelutong untuk berucap. Terima kasih, duduk! *(Kepada Yang Berhormat dari Jelutong)*

Tuan Yang di-Pertua, Pilihan raya demi pilihan raya telah diadakan dan sejak 15 tahun yang lampau, sejak beliau, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak iaitu Ahli dari Kota Samarahan menerajui Kerajaan Barisan Nasional, pilihan raya demi pilihan raya telah dimenangi oleh Barisan Nasional. *(Tepuk)* Ini telah terbukti pada pilihan raya tahun 1995 di mana kerajaan Barisan Nasional di negeri Sarawak telah memenangi 26 kerusi daripada 27 kerusi yang dipertandingkan. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi kerajaan negeri Sarawak akan mengadakan pilihanraya negeri. Saya percaya penuh yakin, kerajaan negeri Sarawak di bawah kepimpinan beliau akan menyapu bersih kesemua 62 kerusi itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik khususnya kepada apa yang ada dibentangkan di atas meja kita pada petang yang sangat bermakna ini. Pada tanggal 11hb. April 1996, Dewan yang mulia ini telah meluluskan usul perintah persempadanan bahagian pilihanraya negeri Sarawak 1996 yang dibentangkan sebagai kertas statut 33/1996. Dalam urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak itu, satu penambahan kerusi Parlimen telah diperakui.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda perkara 46 Perlembagaan Persekutuan yang berada di hadapan kita pada petang ini susulan dari kelulusan itu amatlah penting bagi negara khususnya kepada kami rakyat di negeri Sarawak. Ini amatlah penting kerana dengan pindaan tersebut yang saya harap dan saya percaya akan diluluskan sebentar nanti, anggota-anggota Dewan yang mulia ini akan bertambah dari 192 menjadi 193 iaitu penambahan 1 kerusi Parlimen untuk negeri Sarawak.

Sebagai seorang wakil rakyat dari negeri Sarawak, lebih-lebih lagi kerana kawasan saya, Serian terlibat secara langsung dengan rang undang-undang ini, dalam mana 3 daerah mengundi dari kawasan saya iaitu daerah mengundi Tarat, daerah mengundi Baki dan daerah mengundi Ampungan akan dikeluarkan dari Kawasan Parlimen Serian dan dimasukkan ke kawasan Parlimen baru, Mambong, saya benar-benar amat mengalu-alukan serta menyokong penuh rang undang-undang ini. Malahan, saya rasa terhutang budi kepada kerajaan kerana membawa rang undang-undang ini untuk mengadakan peruntukan bagi menambah anggota Dewan Rakyat di negeri Sarawak dari 27 orang kepada 28 orang.

Penambahan satu kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sarawak ini saya percaya akan dapat membantu dan meringankan kewajipan, tanggungjawab dan bebanan yang dipikul selama ini oleh hanya 27 orang. Dengan penambahan tersebut, kawasan di bawah jagaan seseorang Ahli Parlimen dari Sarawak akan menjadi lebih kecil lagi. Ini akan membolehkan mereka menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan lebih berkesan dan efektif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemilih yang berdaftar di negeri Sarawak telah banyak bertambah dalam tahun yang lampau. Dari 607,232 orang pemilih pada tahun 1987 iaitu tahun persempadanan

terakhir bagi negeri Sarawak diadakan, ia telah bertambah kepada 817,460 orang pada tahun lalu iaitu tahun 1995, iaitu pertambahan sebanyak 210,228 orang atau 34.6%.

Tuan Yang di-Pertua, ini sudah cukup untuk menjustifikasikan perlunya satu kerusi Parlimen lagi bagi negeri Sarawak. Malahan, seperti mana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya dari negeri Sarawak, tambahan satu kerusi ini belum lagi memadai. Sepatutnya harus ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, dengan sekali lagi membela kawan-kawan saya dari Sarawak yang telah memuji Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Ahli dari Kota Samarahan, saya menyokong rang undang-undang ini.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.24 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan penambahan satu kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sarawak. Penambahan ini adalah adil dan memadai dengan jumlah pemilih di negeri tersebut. Dengan penambahan ini, Sarawak mempunyai 28 kerusi Dewan Rakyat dan ini merupakan jumlah yang terbesar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Negeri Kedah misalnya yang mempunyai jumlah pemilih yang hampir sama dengan negeri Sarawak hanya mempunyai 15 kerusi Dewan Rakyat manakala negeri Perak pula yang mempunyai lebih 1 juta pemilih hanya mempunyai 23 kerusi Dewan Rakyat. Ini menunjukkan bahawa keluasan kawasan sesuatu bahagian pilihanraya telah dipertimbangkan sewajarnya untuk mengurangkan beban dan kesukaran wakil-wakil rakyat untuk menjalankan tugas mereka.

Cadangan menambah satu kerusi Parlimen dianggap memadai kerana jika dilihat dari segi purata pemilih, purata pemilih Parlimen untuk Sarawak ialah 29 orang berbanding dengan Semenanjung seramai 47 orang. Kuota ini dianggap berpatutan setelah diambilkira kawasan-kawasan dan kesukaran yang terdapat di negeri Sarawak.

Di dalam urusan ulangkaji dan persempadanan semula yang dilakukan bagi negeri Sarawak dan juga negeri-negeri lain di Malaysia, kita semua telah melihat betapa adilnya Suruhanjaya Pilihanraya melaksanakan tanggung-jawabnya. Namun demikian, Suruhanjaya Pilihanraya tidak akan dapat memuaskan selera dan hati semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal polarisasi kaum yang wujud di kawasan-kawasan tertentu, perkara ini amat sukar diatasi kerana faktor geografi dan ekonomi menjadi punca utama yang memisahkan satu kaum dengan kaum yang lain di merata-rata tempat di negara ini. Hal ini jelas bila kita lihat wujudnya pemisahan kaum antara mereka yang tinggal di kawasan bandar dengan yang tinggal di kawasan luar bandar. Selagi keadaan ini wujud, maka polarisasi kaum berasaskan bentuk demografi tidak akan dapat diatasi.

Saya tidak nampak bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya boleh

mengurangkan unsur itu di dalam urusan persempadanan semula kerana jumlah pemilih dan luas kawasan merupakan dua faktor penting dalam pertimbangan mereka sebagai menepati kehendak Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan kononnya calon yang mendakwa petisyen di mahkamah telah didakwa di mahkamah atas kesalahan menyekat pengundi dari membuang undi. Kes petisyen pilihanraya dan pendakwaan calon yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah dua perkara yang berasingan. Oleh itu, adalah tidak adil bagi Yang Berhormat mengaitkan kedua-dua kes itu.

Dalam membawa satu kes petisyen pilihanraya, orang yang mendakwa petisyen itu mempunyai alasan untuk berbuat demikian. Begitu juga dengan mendakwa seseorang itu di Mahkamah atas satu-satu kesalahan, pihak polis mempunyai sebab-sebab atau bukti-bukti yang cukup untuk berbuat demikian.

Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyatakan pihak polis tidak ada mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang ada kaitan dengan pilihanraya. Tindakan polis mendakwa orang yang berkenaan sebagaimana kes yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu membuktikan pihak polis memang ada mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat bahawa parti pembangkang, khasnya parti DAP bankrap dengan idea-idea kerana mereka telah membangkitkan perkara-perkara yang tidak berkait dengan rang undang-undang yang kita bahaskan pada petang ini. Rakyat boleh melihat dengan jelas perangai angkuh yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong misalnya yang membuat tuduhan-tuduhan yang melulu kepada pihak kerajaan. Rakyat.....

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong bangun.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tak mahu beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak mahu beri. Dia tak mahu beri ya. Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, pada pilihanraya akan datang akan membuktikan sekali lagi di negeri Sarawak bahawa rakyat akan menolak parti DAP seperti juga dalam pilihanraya-pilihanraya di negeri Sarawak sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia bahawa parti DAP tidak akan dapat bertapak di negeri Sarawak.

Sekian.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dah habis, Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Habis, habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Habis. *(Disampuk)* Dia sudah habis, Yang Berhormat. *(Disampuk)* Dia sudah habis, tidak ada lagilah. *(Ketawa)(Disampuk)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159, Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali

yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Penghitung-penghitung Undi, sila ambil tempat masing-masing.

Pengundian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusan belahbahagian tadi:

Yang Bersetuju - 140; (*Tepuk*)

Yang Tidak Bersetuju - 7; (*Disorak*)

Yang Tidak Mengundi—Tiada.

Lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju.

YANG BERSETUJU:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
 Dato' Seri Ling Liong Sik
 Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
 Datuk Leo Moggie anak Irok
 Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Daud
 Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar
 Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
 Dato' Mohamed bin Rahmat
 Dato' Sabbaruddin Chik

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha
 Datuk Law Hieng Ding
 Dato' Dr. Ting Chew Peh
 Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
 Dato' Haji Annuar bin Haji Musa
 Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
 Datuk Osu bin Sukam
 Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin
 Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail
 Dato' Chua Jui Meng
 Dato' Mustapa bin Mohamed
 Tuan Ong Tee Keat
 Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
 Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
 Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman
 Dato' Loke Yuen Yow
 Datuk Railey bin Jaffrey
 Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman
 Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
 Dato' Dr. Leo Michael Toyak
 Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan
 Dato' Dr. Sulaiman bin Mohamed
 Dato' Teng Gaik Kwan
 Tuan Peter Chin Fah Kui
 Dato' Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir
 Dato' Wong See Wah
 Datuk Peter Tinggom Kamarau
 Datuk Dr. Fong Chan Onn
 Dato' Chan Kong Choy
 Tuan Ong Ka Ting
 Dato' K. Kumaran

Dato' Abu Bakar bin Daud
Dato' S. Subramaniam
Dato' Mohd Nazri bin Abdul Aziz
Cik Siti Zainab binti Abu Bakar
Tuan Haji Idris bin Jusoh
Dato' M. Mahalingam
Dato' Mohd Noh bin Rajab
Tuan Douglas Uggah Embas Embas
Tuan Yong Khoon Seng
Datuk Haji Muhamad bin Abdullah
Tuan Haji Azmi bin Khalid
Datuk Patinggi Tan Sri Taib bin Mahmud
Tuan Abdul Ghafar bin Baba
Tuan Abdul Daim bin Zainuddin
Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh
Tuan Chor Chee Heung
Tuan Ong Tin Kim
Dato' Haji Othman bin Abdul
Dato' Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan
Tuan James Jimbun Pungga
Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad
Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein
Dato' Abu Bakar bin Taib
Tuan Tan Chai Ho
Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin
Tuan Mohamed Khaled bin Nordin
Tuan Michael Lisa Kaya
Tuan Robert Lau Hoi Chew
Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit
Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim
Tuan Jawah anak Gerang

Puan Lim Lay Hoon
Datuk Haji Shafie bin Haji Apdal
Puan Shahrizat binti Abdul Jalil
Dato' G. Palanivel
Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman
Tuan Haji Abdul Hamid bin Rahman
Tuan Dr. Patau Rubis
Tuan Billy Abit Joo
Tuan Richard Riot anak Jaem
Tuan Joseph Mauh anak Ikeh
Datuk Nurnikman bin Abdullah
Tuan Kamaruddin bin Ahmad
Puan Rohani binti Abdul Karim
Tuan Md. Isa bin Sabu
Datuk Abu Seman bin Haji Yusop
Tuan Chang Kon You
Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis
Puan Seripah Noli binti Syed Hussin
Tuan Ho Cheong Sing
Tuan Yeong Chee Wah
Tuan Chang See Ten
Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said
Tuan Haji Mustafa bin Muda
Tuan Dr. Haji Yusof bin Yaacob
Tuan Dr. Nungsari bin Ahmad Radzi
Puan Sukinam Domo
Datuk Song Swee Guan
Tuan Noh bin Omar
Tuan Asmat bin Nungka
Tuan Dr. Tan Chong Keng
Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad
Tuan Vincent Lim Kuo Phau

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman
 Tuan Zainal Abidin bin Osman
 Tuan Yunus bin Rahmat
 Datuk Dr. Kamal bin Mat Salih
 Puan Dr. G. Leelavathi
 Tuan Dr. Lee Chong Meng
 Datuk Sng Chee Hua
 Tuan Dr. Tan Kee Kwong
 Tuan Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
 Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman
 Tuan Abdul Aziz Yassin
 Tuan Jimmy Donald
 Dato' Hon Choon Kim
 Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz
 Dato' Hew See Tong
 Tuan Lim Siang Chai
 Puan Dr. Tan Yee Kew
 Dato' Yap Pian Hon
 Tuan Fu Ah Kiow
 Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria
 Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said
 Tuan Mansor bin Masikon
 Tuan Tiong Thai King
 Tuan Moktarudin bin Wan Yusof
 Tuan Lau Ngan Siew
 Tuan Lim Si Cheng
 Tuan Chia Kwang Chye
 Tuan Jacob Dungau Sagan
 Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd Abas
 Dato' Joseph Chong Chek Ah
 Tuan Hoo Seong Chang

Dr. Ramli bin Taib
 Tuan Wong Kam Hoong
 Tuan Dr. L. Krishnan
 Tuan Dr. Yap Yit Thong
 Puan Chua Soon Bui

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tuan R. Karpal Singh
 Dr. Tan Seng Giaw
 Tuan Liew Ah Kim
 Tuan Lim Guan Eng
 Tuan Tan Kok Wai
 Tuan Chiew Chiu Sing
 Tuan Lim Hock Seng

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1996 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan

dengannya telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang. Dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1996 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah-bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penghitung-penghitung Undi sila ambil tempat masing-masing.

Pengundian dijalankan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan pengundian. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 141 orang (*Tepuk*) Ahli-ahli yang tidak bersetuju ialah 7 orang. Yang tidak mengundi; Tidak ada. Lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. (*Tepuk*)

YANG BERSETUJU:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
 Dato' Seri Ling Liong Sik
 Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
 Datuk Leo Moggie anak Irok
 Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Daud
 Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar
 Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
 Dato' Mohamed bin Rahmat
 Dato' Sabbaruddin Chik
 Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha
 Datuk Law Hieng Ding
 Dato' Dr. Ting Chew Peh
 Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
 Dato' Haji Annuar bin Haji Musa
 Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
 Datuk Osu bin Sukam
 Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin
 Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail
 Dato' Chua Jui Meng
 Dato' Mustapa bin Mohamed
 Tuan Ong Tee Keat
 Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
 Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali
 Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman
 Dato' Loke Yuen Yow
 Datuk Railey bin Jaffrey
 Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman
 Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
 Dato' Dr. Leo Michael Toyak
 Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan
 Dato' Dr. Sulaiman bin Mohamed

Dato' Teng Gaik Kwan
Tuan Peter Chin Fah Kui
Dato' Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir
Dato' Wong See Wah
Datuk Peter Tinggom Kamarau
Datuk Dr. Fong Chan Onn
Dato' Chan Kong Choy
Tuan Ong Ka Ting
Dato' K. Kumaran
Dato' Abu Bakar bin Daud
Dato' S. Subramaniam
Dato' Mohd Nazri bin Abdul Aziz
Cik Siti Zainab binti Abu Bakar
Tuan Haji Idris bin Jusoh
Dato' M. Mahalingam
Dato' Mohd Noh bin Rajab
Tuan Douglas Uggah Embas
Tuan Yong Khoon Seng
Datuk Haji Muhamad bin Abdullah
Tuan Haji Azmi bin Khalid
Datuk Patinggi Tan Sri Taib bin Mahmud
Tuan Abdul Ghafar bin Baba
Tuan Abdul Daim bin Zainuddin
Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh
Tuan Chor Chee Heung
Tuan Ong Tin Kim
Dato' Haji Othman bin Abdul
Dato' Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan
Tuan James Jimbun Pungga
Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad
Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein
Dato' Abu Bakar bin Taib
Tuan Tan Chai Ho
Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin
Tuan Mohamed Khaled bin Nordin

Tuan Michael Lisa Kaya
Tuan Robert Lau Hoi Chew
Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit
Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim
Tuan Jawah anak Gerang
Puan Lim Lay Hoon
Datuk Haji Shafie bin Haji Apdal
Puan Shahrizat binti Abdul Jalil
Dato' G. Palanivel
Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman
Tuan Haji Abdul Hamid bin Rahman
Tuan Dr. Patau Rubis
Tuan Billy Abit Joo
Tuan Richard Riot anak Jaem
Tuan Joseph Mauh anak Ikeh
Datuk Nurnikman bin Abdullah
Tuan Kamaruddin bin Ahmad
Puan Rohani binti Abdul Karim
Tuan Md. Isa bin Sabu
Datuk Abu Seman bin Haji Yusop
Tuan Chang Kon You
Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis
Puan Seripah Noli binti Syed Hussin
Tuan Ho Cheong Sing
Tuan Yeong Chee Wah
Tuan Chang See Ten
Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said
Tuan Haji Mustafa bin Muda
Tuan Dr. Haji Yusof bin Yaacob
Tuan Dr. Nungsari bin Ahmad Radzi
Puan Sukinam Domo
Datuk Song Swee Guan
Tuan Noh bin Omar
Tuan Asmat bin Nungka
Tuan Dr. Tan Chong Keng

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad
 Tuan Vincent Lim Kuo Phau
 Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman
 Tuan Zainal Abidin bin Osman
 Tuan Yunus bin Rahmat
 Datuk Dr. Kamal bin Mat Salih
 Puan Dr. G. Leelavathi
 Tuan Dr. Lee Chong Meng
 Datuk Sng Chee Hua
 Tuan Dr. Tan Kee Kwong
 Tuan Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
 Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman
 Tuan Abdul Aziz Yassin
 Tuan Jimmy Donald
 Dato' Hon Choon Kim
 Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz
 Dato' Hew See Tong
 Tuan Lim Siang Chai
 Puan Dr. Tan Yee Kew
 Dato' Haji Sukri bin Mohamed
 Dato' Yap Pian Hon
 Tuan Fu Ah Kiow
 Tuan Ahmad Kamaruzaman bin
 Mohamed Baria
 Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd.
 Said
 Tuan Mansor bin Masikon
 Tuan Tiong Thai King
 Tuan Mokhtarudin bin Wan Yusof
 Tuan Lau Ngan Siew
 Tuan Lim Si Cheng
 Tuan Chia Kwang Chye
 Tuan Jacob Dungau Sagan
 Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd
 Abas
 Dato' Joseph Chong Chek Ah
 Tuan Hoo Seong Chang
 Dr. Ramli bin Taib
 Tuan Wong Kam Hoong

Tuan Dr. L. Krishnan
 Tuan Dr. Yap Yit Thong
 Puan Chua Soon Bui

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tuan R. Karpal Singh
 Dr. Tan Seng Giaw
 Tuan Liew Ah Kim
 Tuan Lim Guan Eng
 Tuan Tan Kok Wai
 Tuan Chiew Chiu Sing
 Tuan Lim Hock Seng

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUALITI ALAM SEKELILING
(PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (24hb April, 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Sipitang boleh sambung ucapan.

3.36 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996. Saya

ingin menambah sedikit mengenai dengan Kumpulan Wang Alam Sekitar yang dicadangkan. Saya mohon penjelasan daripada menteri mengenai dengan kenderaan-kenderaan bermotor seperti kereta dan motosikal yang mengeluarkan asap dan juga menyumbang kepada pencemaran. Apakah kereta-kereta bermotor ini juga akan dikategorikan sebagai pencemar dan dikehendaki mencarum ke dalam Kumpulan Wang Alam Sekitar ini.

Yang kedua, berapa banyakkah caruman yang sepatutnya dibayar? Apakah cara perkiraan untuk mencarum ini? Apakah ia berasaskan nilai-nilai tertentu yang ditetapkan oleh kementerian ataupun mengikut peratus atau berasas daripada modal syarikat ataupun berasaskan kos operasi ataupun keuntungan daripada operasi syarikat?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung mengenai dengan penguatkuasaan ini, saya tegaskan sekali lagi agar ia dilaksanakan dengan teratur dan tepat. Pasukan-pasukan penguatkuasa perlu ditugaskan mengikut kawasan perindustrian atau pusat perindustrian memandangkan di negara kita sekarang ini banyak pusat perindustrian yang baru, yang mana banyak industri yang berpotensi akan mengeluarkan atau mengakibatkan pencemaran.

Pegawai-pegawai yang akan dilantik juga hendaklah daripada mereka yang terlatih dan faham akan keperluan alam sekeliling. Kita tidak mahu kepada mereka yang tidak tahu kepada peraturan dan komitmen. Oleh itu, kalau boleh mereka ini mestinya diberi peluang untuk mendedahkan kepada tempat-tempat yang sudah musnah akibat pencemaran yang pernah berlaku di negara-negara lain, dan juga melihat mangsa-mangsa akibat pencemaran yang telah berlaku di tempat-tempat tertentu. Ini untuk membolehkan mereka melihat perkara itu dengan mata

kepala sendiri sebagai teladan dan juga perbandingan di atas tugas-tugas jikalau mereka gagal menjalankan tugas-tugas. Dengan cadangan adanya perasaan cintakan alam sekeliling dan membenci pencemaran barulah mereka ada komitmen yang mendalam dan tindakan-tindakan mereka dibuat dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan daripada kementerian tentang mengkategorikan hasil-hasil industri ataupun keluaran-keluaran industri, misalnya pencemaran akibat bunyi bising, dengan izin, 'noise pollution' di manakah ia dikategorikan? Apakah sudah ada peraturan-peraturan baru untuk tindakan pencemaran bunyi yang boleh mencemarkan alam.

Satu lagi adalah pencemaran dari sudut pandangan ataupun 'aesthetic view', dengan izin. Walaupun tidak ada toksik dari segi kesihatan, tetapi kadang-kadang bahan buangan ini mencemar pandangan dan boleh merosakkan juga alam sekeliling. Apakah peraturan-peraturan yang boleh digunakan untuk masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup, saya ingin membuat cadangan supaya dapat diambil pertimbangan. Yang pertama, mengenai dengan keperluan EIA sesuatu projek memang tidak boleh diabaikan. Sebarang projek saya rasa telahpun diambil kira secara mendalam. Memang perkara ini sering ditimbulkan oleh pihak pembangkang. Contohnya, Projek Bakun, yang sebenarnya saya rasa bukanlah projek itu mengakibatkan alam sekitar. Tetapi lebih kepada keadaan politik dan dipolitikkan sebagai bahan mereka untuk mendapat publisiti. Ataupun mungkin juga ia diberi kepada orang-orang tertentu, iaitu kepada Ekran Bhd.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi kepada 'pembangkang bhd.', mungkin mereka terima ataupun pada 'insan bhd.' mungkin mereka menerima

projek ini dengan 'kecil tapak tangan, padang bola kami tadahkan'.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek seperti ini memang banyak faedah. Mereka sepatutnya membuat perbandingan projek-projek hidro yang besar-besar yang telah pun dibuat seperti di Kenyir, di Chenderoh dan lain-lain projek besar di luar negeri. Mengapakah mereka tidak menyuarakan bantahan-bantahan terhadap projek ini. Dan telah terbukti projek-projek seperti Kenyir telah pun membina jalan ke arah pembangunan negara. Misalnya peluang-peluang pelancongan, peluang-peluang untuk nelayan-nelayan sebagai pusat sumber tangkapan ikan. Tadahan air berkualiti yang boleh dijual ataupun yang boleh dieksport di masa akan datang. Juga kita faham bahawa projek hidro ini boleh menghasilkan tenaga elektrik dengan murah, dan berbagai-bagai lagi perkara-perkara yang boleh mendatangkan hasil daripada empangan ataupun projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin saya cadangkan ialah kilang-kilang ataupun industri-industri yang mengeluarkan bahan toksik, pencemaran alam, pencemaran bunyi ataupun pencemaran pandangan haruslah dikaji dan tidaklah sewenangnyanya diluluskan di kawasan-kawasan pelancongan, perumahan atau kawasan berpotensi sebagai kawasan pelancongan. Kita tidak mahu perkara ini satu hari nanti menjejaskan industri pelancongan yang telah kita rancang.

Perkara ketiga, saya mohon juga agar pasukan-pasukan petugas penguatkuasa ini hendaklah ditubuhkan mengikut keperluan semasa berdasarkan bilangan kilang industri dan juga kawasan-kawasan tertentu. Misalnya, kalau di Sabah, saya mohon ditubuhkan pasukan-pasukan ini di merata negeri, memandangkan negeri ini besar supaya liputan adalah menyeluruh. Misalnya, satu pasukan di Kota Kinabalu ataupun lebih pasukan

bergantung kepada keperluan. Di Sandakan, di Tawau dan juga di kawasan pedalaman. Begitu juga di Sarawak saya ingat perlu mengikut bahagian-bahagian yang ada di Sarawak.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masih ramai yang hendak berucap. Kepong.

5.59 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini dengan harapan bahawa setelah rang undang-undang ini dipindahkan, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 dipindahkan, kita dapat melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk meningkat gerakan pengawasan dan penguatkuasaan bagi memastikan alam sekitar sentiasa bersih, selamat menghidu seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tertarik kepada usaha kementeriannya untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tahun 1991. Selepas perbincangan dan penelitian yang mendalam, maka wujudlah beberapa pindaan yang dibentangkan hari ini. Walaupun ada sesetengah itu nampaknya baik, kita belum pasti sama ada pindaan-pindaan akan membawa kesan yang lebih ketara untuk alam sekitar di negara ini.

Saya mempunyai beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Pertama, saya berpendapat, kerajaan hendaklah menubuhkan sebuah agensi perlindungan alam sekitar (Environmental Protection Agency - EPA) sebagai badan payung

kepada semua agensi yang terbabit dengan aktiviti-aktiviti memelihara alam sekitar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keberkesanan dan penyelarasan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Alam Sekitar dengan pihak-pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), penyelarasan dan keberkesanan dalam melaksanakan langkah-langkah alam sekitar adalah kurang memuaskan. Dengan adanya EPA, langkah-langkah yang lebih berkesan dapat diambil untuk memelihara alam sekitar. Pengurusan kewangan EPA mestilah cekap dan penuh tanggungjawab untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan kewangan, kerana badan seperti ini memang mengalami banyak kesusahan dan kesulitan, ini termasuk penyelewengan kewangan. Dengan pengurusan kewangan yang berjimat cermat, EPA dapat meningkatkan gerakan pengawasan dan penguatkuasaan untuk memastikan alam sekitar sentiasa bersih selamat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, kita nampak pada tahun 1974 alam sekeliling di gemari dan sekarang alam sekitar digemari—20 tahun selepas itu. Walaupun akta tersebut adalah untuk menjaga, menghapus dan mengawal pencemaran alam sekitar, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan ianya kurang berkesan, misalnya sungai-sungai di negara ini masih tercemar. Kempen 'Cintai Sungai Anda' (Love Your River) telah dilancarkan sejak tahun 1993, tetapi masih ramai orang yang masih membuang sampah sarap ke dalam sungai. Sungai-sungai masih menjadi tong sampah bagi kebanyakan orang.

Semasa akta tersebut dibentangkan di Dewan ini pada tahun 1974, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka satu tempat pelupusan sampah

sarap di Jinjang Utara Kuala Lumpur. Selama lebih dua dekad, pencemaran berlaku dengan dahsyat di Jinjang, Kawasan Kepong. Setiap hari beribu-ribu tan sampah telah dibuang di tapak tersebut. Cara pembuangannya kurang baik dan cara ini tidak mengikut sanitary landfill walaupun dijanjikan oleh DBKL dan dari semasa ke semasa, kebakaran berlaku dan seterusnya jerebu timbul. Kebusukan menyelubungi kawasan Kepong—lebih dua dekad.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak dapat menilaikan keadaan pencemaran alam sekitar di kawasan tersebut dengan baik, justeru itu JAS tidak dapat mengambil langkah-langkah yang efektif untuk memastikan alam sekitar sentiasa bersih, selamat dan hijau. Saya sering bertanya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai keadaan alam sekitar di kawasan Kepong khususnya dan di seluruh negara amnya, tetapi jawapan dari kementerianya adalah kurang memuaskan. Sungguhpun DBKL telah mengumumkan tapak pelupusan sampah di Jinjang akan ditutup pada bulan Jun tahun ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengemukakan satu laporan mengenai keadaan pencemaran di kawasan Kepong, khususnya dan di Kuala Lumpur, amnya.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan di antara JAS dan pihak-pihak berkuasa tempatan seperti DBKL untuk mengawas dan mengawalseliakan alam sekitar, adalah tidak begitu berkesan. Bukan sahaja sampah sarap yang menimbulkan masalah, pengeluaran (emission) dari berjuta-juta kenderaan, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sipitang tadi, dan kumbahan sisa-sisa kilang masih mencemarkan sungai-sungai. Sungai-sungai, seperti Sungai Jinjang, Sungai Penchala dan Sungai Kelang merupakan sungai-sungai yang tercemar, tiada kehidupan lagi dalam sungai-sungai ini.

Ada juga sungai-sungai yang walaupun tercemar tetapi masih ada kehidupan.

Jabatan Perparitan dan Saliran (JAS) telah berusaha memupuk kesedaran sivik dan pertanggungjawaban sosial. Kajian JAS dan Worldwide Fund for Nature Malaysia, menunjukkan kesedaran ini masih kurang, misalnya Sungai Penchala mempunyai pelbagai community di tebingnya, dari penghuni-penghuni kondominium dan pangsapuri di hulu dan di hilirnya rumah-rumah kediaman, kilang-kilang dan setinggan. Masih ramai orang membuang sampah ke dalam sungai ini. Mereka tidak menyedari amalan sedemikian akhirnya menjejaskan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya audit-audit alam sekitar (environmental audit) bukan sahaja dimasukkan di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar yang dibuatkan sekarang, bahkan juga dimaktubkan di dalam Akta Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nanti sekejap, kita ada Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan ke atas Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996 dibahas dan diputuskan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan ke atas Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996 dibahas dan diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan ke atas Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996 dibahas dan diputuskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 1996

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, sila sambung.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi mengenai keperluan untuk mengadakan, untuk memasukkan audit-audit alam sekitar (environmental audit) di dalam Akta Syarikat, bukan sahaja di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun menyedari bahawa setakat memasukkan audit-audit alam sekitar di dalam Rang Undang-undang ini tidak mencukupi.

Ketika membentangkan Belanjawan 1996 Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri telah mengatakan bahawa syarikat-syarikat adalah diperlukan untuk mengadakan audit-audit alam sekitar untuk memastikan mekanisme perlindungan alam sekitar dilaksanakan oleh pengurusan-pengurusan kilang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang baik. Meski pun undang-undang untuk meminda Akta Syarikat telah dibentangkan di Dewan ini semalam, peruntukan sedemikian adalah tidak termaktub di dalamnya. Saya berharap keadaan ini dapat diperbetulkan memandangkan kilang-kilang yang tidak mematuhi kehendak alam sekitar sering mencemarkan sungai-sungai.

Saya seringkali menyaksikan dengan sendiri air sungai seperti Sungai Keroh di Kepong seringkali dicemari. Saya nampak ada warna hitam, warna biru dalam sungai itu yang datang daripada kilang-kilang dan patutlah kita mengadakan audit-audit alam sekitar di dalam Akta Syarikat.

Yang Berhormat Menteri pernah menyebutkan kemungkinan untuk menswastakan penguatkuasaan perlindungan alam sekitar. Bolehkah penswastaan penguatkuasaan dapat mempertingkatkan keberkesanan? Saya mempercayai bahawa pertimbangan yang mendalam perlu diadakan mengenai hal ini.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan perihal penswastaan penguatkuasaan perlindungan alam sekitar dan cara-cara untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan supaya pindaan diadakan ke atas Perlembagaan Persekutuan untuk memaktubkan keadilan alam sekitar dan hak alam sekitar bagi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini walaupun Perlembagaan Persekutuan ada

menyebutkan hak-hak dan sedikit sebanyak ada menyentuh mengenai hak alam sekitar, tetapi ini tidak begitu ketara. Dan patut kita mengkaji semula bagaimana baik, bagaimana sesuainya peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dipinda untuk memaktubkan keadilan dan hak-hak alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya setakat ini tidak banyak negara yang mempunyai Perlembagaan yang sedemikian, tidak banyak dan memandangkan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju, sebagai negara yang mempunyai banyak aspek bertaraf dunia, bertaraf antarabangsa termasuk aspek alam sekitar dan untuk mempelopori dunia, kita boleh bermula bukan sahaja dengan pindaan ke atas rang undang-undang sekarang, bahkan juga untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan keadilan alam sekitar dan hak-hak alam sekitar dipelihara dengan sebaik-baiknya untuk masa sekarang dan generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan mengenai hak negeri masing-masing untuk mengadakan kajian kesan alam sekitar (EIA) sendiri. Saya pernah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa sekiranya negeri masing-masing mengadakan EIA ataupun peraturan-peraturan EIA sendiri maka mungkin ini akan mengelirukan, tidak begitu selaras setiap sebuah negeri misalnya negeri Sarawak yang merupakan negeri yang pertama yang mengadakan EIA sendiri menurut, dengan izin, Natural Resources Environment Ordinance (NREO) di bawah ordinan ini pihak Sarawak telah mengadakan peraturan-peraturan EIA.

Mungkin peraturan-peraturan EIA di Sarawak ini tidak serupa dengan negeri-negeri yang bakal mengadakan EIA

sendiri, misalnya ada beberapa negeri yang menunjukkan minatnya seperti Pahang, mungkin peraturan EIA tidak begitu ketat, tidak begitu menyeluruh dan tidak ada keseragaman di antara negeri di Malaysia ini.

Saya pernah dengar Yang Berhormat Menteri menyebutkan hal sedemikian, tetapi setelah saya mendengar saranan sedemikian, nampaknya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengizinkan atau menyetujui dengan Sarawak dan juga hasrat negeri-negeri yang berminat untuk mengadakan ordinan seperti NREO yang diluluskan oleh negeri Sarawak.

Bolehkah Yang Berhormat merangkan apakah pendapat kementerian sekarang mengenai EIA ini? Kalau peraturan-peraturan EIA yang diadakan oleh negeri-negeri yang berminat masing-masing lebih ketat daripada peraturan-peraturan EIA yang diwujudkan di peringkat Kerajaan Persekutuan, maka kita masih boleh terima kerana dia lebih ketat, tetapi ada pelbagai aspek yang kita boleh nampak pihak negeri mungkin tidak dapat melaksanakan peraturan-peraturan EIA ini dengan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya kakitangan dan kepakaran untuk melaksanakan peraturan-peraturan EIA ini. Setakat ini saya diberitahu bahawa di negeri Sarawak sendiri, negeri itu tidak mempunyai kakitangan dan kepakaran yang cukup untuk melaksanakan peraturan-peraturan EIA seperti NREO tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut mempertimbangkan bagaimana kementerian

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang

Lupar bangun. Ada apa Yang Berhormat? Minta jalan?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya baru masuk ke dalam Dewan ini, saya dengar dia kata negeri Sarawak tidak ada kepakaran untuk menilaikan EIA. Macam mana buat assumption yang macam ini? Ini typical DAPlah, kalau buat assumption itu macam itu sahaja, tidak ada menilaikan, tidak bertanya dengan orang Sarawak, betul atau tidak perkara ini berlaku. Sila pergi ke sana sendiri dan bertanya kepada orang di sana ada kepakaran ataupun tidak. Ini buat assumption berlandaskan—menjejak kaki di Sarawak pun tidak ada, macam mana Ahli Yang Berhormat dapat fakta-fakta macam ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar ini memang beliau tidak memahami keadaan, saya menyebutkan tadi kekurangan kepakaran dan kekurangan kakitangan, itu pun dipersetujui oleh pihak negeri Sarawak, kata tidak cukup orang. Yang kedua, saya pernah pergi ke Sarawak, pernah pergi sampai ke Kapit pun! Kawasan Bakun!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan. Ada seorang British bangsa Inggeris, dia datang ke Sarawak. Bila dia datang ke Sarawak, duduk di rumah panjang tiga malam dan empat hari. Selepas dia duduk tiga malam empat hari, dia balik ke England, dia tulis buku setebal ini dia tulis (*Menunjukkan sebuah buku*) Selepas tiga malam empat hari dia balik dari Sarawak itu, dia tulis buku itu, menunjukkan dia semacam expert mengenai Sarawak, daripada adat resam, kebudayaan, praktis, konvensyen, macam-macam dia tulis. Jadi, orang Sarawak baca itu macam comic comedy sahaja. Jadi, Yang Berhormat baru sekali letak kaki di Bakun sudah jadi expert di Bakun pula, baru sekali datang ke Sarawak, kata expert hal Sarawak pula! Jadi, macam mana soalan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupa ini tidak memahami perkara yang dibangkitkan oleh saya mengenai NREO dan mengenai peraturan-peraturan EIA. Yang saya katakan tadi ialah bagaimana pihak negeri Sarawak dapat melaksanakan dengan berkesan peraturan-peraturan EIA dan ada aspek-aspek di mana pihak negeri Sarawak mungkin tidak dapat diselesaikan dan mungkin ini termasuk kekurangan pakar dan kekurangan kakitangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, masih panjangkah ucapan Yang Berhormat itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Oh ya, tidak panjang dah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau boleh sudahkan dalam masa lima minit, Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Lima minit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sudah berucap 25 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: 25 minit ya? Ya. Terima kasihlah., Tuan Yang di-Pertua, di negeri Johor misalnya, mereka memerlukan 28 penolong pegawai dan juruteknik tetapi sekarang mereka mempunyai 16 sahaja. Memerlukan 28 dan sekarang mempunyai 16 sahaja. Ini menunjukkan memang terdapat masalah-masalah di negeri-negeri yang berminat untuk mengadakan peraturan-peraturan EIA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada banyak untuk diperbincangkan termasuk bagaimana pihak kementerian menjaga lereng-lereng bukit dengan hutan-hutannya sebab kita pun tahulah mengapa kita mesti menjaga dengan baik hutan-hutan termasuk di lereng-lereng bukit, tanah-tanah

tinggi termasuk Cameron Highlands, termasuk Mimaland dan Fraser's Hill. Ada nampaknya suhu di Cameron Highlands dan Fraser's Hill sekarang bertambah tinggi kalau berbanding dengan masa yang lampau, suhunya bertambah tinggi. Ini menunjukkan salah satu faktornya ialah pencemaran alam sekitar dan juga pokok-pokok ditebang begitu sahaja. Mujurlah tindakan oleh Jemaah Kabinet dan kerajaan untuk menghentikan pemusnahan hutan di Mimaland ada berkesan sedikit. Ini menunjukkan banyak lagi yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memelihara alam sekitar.

Saya memang hendak membincangkan dengan panjang lebar mengenai tanah-tanah tinggi, hutan dan juga dengan hutan bakau (mangrove swamp) dan sebagainya yang sering saya bangkitkan bukan sahaja di dalam Dewan ini bahkan di Dewan Undangan Negeri dan banyak tempat lagi. Setakat ini walau pun kerajaan sendiri ada menubuhkan satu pasukan petugas National Mangroves Task Force, itu baik dan Mangroves Research Task Force; kedua-dua pasukan petugas ini adalah ke arah yang betul. Saya berharap dengan adanya rang undang-undang seumpama ini, kita dapat mengekalkan hutan bakau di negara ini. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan keluasan hutan bakau di negara ini termasuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung sama ada masih kekal pada paras hampir 650 ribu hektar, adakah masih kekal pada paras itu ataupun setiap tahun ada satu, dua peratus lebih dimusnahkan sama sekali?

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada bangkitkan dan saya hendak gulungkan sekarang. Yang pertama, kita mesti tubuhkan satu Agensi Perlindungan Alam Sekitar atau Environmental Protection Agency (EPA) dan yang kedua saya sebutkan mengenai audit-audit alam sekitar mesti dimaktubkan dalam Akta Syarikat juga bukan sahaja di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar sahaja dan saya mencadangkan supaya Perlembagaan

Persekutuan dipinda untuk memaktubkan keadilan dan hak alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jerantut.

6.28 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Apabila tiap-tiap minggu saya balik ke Jerantut, saya akan melalui Lebuhraya KL-Karak yang pada masa ini sedang diperbesar dan diluruskan untuk menjadi sebuah lebuhraya yang begitu baik sekali dengan six lanes dual carriage way daripada Genting dan seterusnya ke Kuala Lumpur dan saya rasa four lane dual carriage way daripada Genting dan seterusnya ke Karak. Saya menyokong dari segi pembangunan ini kerana ia akan memberikan keselesaan kepada para pemandu kereta dan juga kenderaan.

Tetapi saya melihat bahawa syarikat yang menjalankan kerja-kerja pembangunan ataupun membuat jalan raya ini, pada tanggapan saya seolah-olah mereka ini tidak langsung memberikan keprihatinan mereka kepada alam sekitar. Saya tidak tahu berapa ratus ekar hutan yang telah ditebang untuk menjayakan ataupun untuk melaksanakan pembinaan lebuhraya ini, tetapi saya tengok jumlah hutan yang ditebang begitu banyak sekali di dalam proses melebarkan Lebuhraya KL-Karak ini.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri dan saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri, khususnya syarikat yang membuat jalan ini telah pun membuat kajian EIA sebelum membuat jalan tersebut oleh kerana

di dalam keadaan biasa, jalan yang tidak melibatkan bukit dan gunung boleh jadi tidak ada EIA, tetapi jalan yang melibatkan bukit dan gunung seperti KL-Karak Highway ini, adakah kerajaan menentukan agar kita mendapatkan laporan EIA sebelum jalan itu boleh dibina?

Pada tanggapan saya, MTD Prime mempunyai absolute disregard for the environment, dengan izin. Sebabnya dengan pokok ditebang dan tanah di 'cut and fill' yang begitu banyak sekali hingga menyebabkan hakisan yang melampau dari segi batasan yang diharuskan.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah EIA dikenakan bagi pembinaan Lebuhraya KL-Karak ini. Apabila ianya siap, saya hendak tahu juga sama ada the staging areas, tempat-tempat di mana pembekalan mesin-mesin jentera dan sebagainya yang terletak di beberapa tempat di seluruh highway ini, akan ditanamkan staging areas ini dengan rumput atau pokok-pokok untuk memastikan kawasan tersebut tidak terus dilanda oleh hakisan. Hakisan ini telah menyebabkan beberapa sungai di kawasan Gombak dan juga di kawasan-kawasan lain begitu banyak sekali berlaku pemendapan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah rancangan MTD Prime Sdn. Bhd. hendak menanam pokok-pokok, sama ada pokok-pokok yang dahulunya wujud di kawasan tersebut seperti pokok Seraya, Meranti Sarang Punai Bukit dan pokok-pokok hutan yang lain yang boleh ditanam di kawasan-kawasan staging areas ini.

Satu lagi perkara yang harus kita fikirkan ialah dari segi kualiti air yang ada di dalam negara kita ini. Saya perhatikan bahawa sungai-sungai yang dahulunya besar dan dahulunya begitu dalam sekali, sekarang ini menjadi begitu cetek oleh kerana pemendapan atau siltation yang begitu amat ketara sekali.

Saya berharap agar diwujudkan satu kerjasama di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Perusahaan Utama di mana adanya Jabatan Perhutanan dan juga Kementerian Pertanian di mana wujudnya Jabatan Perparitan dan Saliran supaya memikirkan satu kaedah di mana kita dapat retain the river embankment dan kita dapat memastikan agar tebing-tebing sungai tidak terhakis apabila hujan turun. Oleh kerana, kehakisan tebing-tebing sungai inilah yang menyebabkan sungai menjadi begitu cetek sekali.

Sebagai contoh, Sungai Pahang yang pada satu masa dahulu begitu besar dan begitu dalam sekali, sekarang ini apabila kita hendak mendapatkan ikan di Sungai Pahang susah oleh kerana sungai menjadi begitu cetek. Jadi, saya harap kita ada satu formula di antara jabatan atau kementerian yang telah saya sebutkan tadi. Apabila adanya pembalakan, ada log yard atau pun kawasan simpanan balak dan lepas itu ada jalan-jalan yang digunakan oleh bulldozer dan skiders. Selepas kawasan telah pun diterokai dan kayu telah pun dikeluarkan, adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama jabatan yang saya nyatakan tadi memastikan agar jalan-jalan hutan ini, khususnya di dalam kawasan hutan simpan, jalan-jalan hutan ini ditanam rumput dan sebagainya untuk memastikan tidak adanya hakisan supaya sungai-sungai yang wujud di dalam hutan tersebut tidak akan menghadapi satu situasi di mana pemendapan akan menjadi begitu ketara sekali.

Saya berharap ada kerjasama yang erat di antara ketiga-tiga jabatan ini kerana inilah sahaja cara bagaimana kita hendak memastikan agar proses siltation ini ataupun proses pemendapan ini tidak berlaku dengan begitu ketara hinggakan menjadikan sungai sebesar Sungai Pahang, Sungai Jelai dan juga Sungai Tembeling yang merupakan anak-anak sungai kepada Sungai Pahang menjadi cetek dan tidak berdaya dan

berkemampuan untuk support aquatic life, dengan izin, dengan begitu banyak sekali.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, seperti juga sahabat saya yang lain, dari segi pencemaran udara. Saya dapati bahawa Jabatan Alam Sekitar bersama dengan JPJ dan polis selalu juga membuat sekatan jalan untuk memastikan lori-lori ataupun kereta-kereta yang mengeluarkan asap yang begitu tebal sekali diambil tindakan.

Tetapi, saya dapati bahawa sekatan-sekatan jalan ataupun perkara-perkara yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar bersama dengan JPJ dan polis ini tidak dibuat dengan begitu kerap. Maknanya, kerap kali. Boleh jadi kalau saya balik ke kawasan atau pergi ke Kuantan dan sebagainya hanya melihat satu kali dalam masa dua tiga bulan dan sebagainya. Tetapi lori dan bas yang selalu mengeluarkan asap yang begitu banyak masih wujud dengan begitu banyak sekali sehinggakan pada satu ketika, saya mengekori sebuah bas dalam hujan, saya tak nampak jalan oleh kerana bas mengeluarkan asap yang begitu banyak sekali dan hujan begitu lebat sehingga vision saya begitu kabur sekali. Bukan sahaja dari segi asap itu sahaja, tetapi ianya boleh menyebabkan berlakunya sesuatu malapetaka oleh kerana vision yang begitu kabur itu.

Jadi saya berharap, kita buat operasi bagi memastikan agar kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap yang hitam, tebal dan begitu banyak sekali sentiasa diadakan. Ini memastikan mereka ini betul-betul service ataupun mengganti atau overhaul enjin mereka supaya enjin mereka dapat berfungsi dengan lebih efisien lagi.

Dari segi kualiti udara, saya berharap juga supaya kajian-kajian dibuat sama ada kualiti udara yang didapati di kawasan Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan bandar raya besar, sama ada kualiti udara yang ada sekarang ini baik, tidak baik dan sebagainya

oleh kerana pada musim berjerebu sahaja kita ada Indeks Kualiti Udara ini, tetapi pada masa-masa lain saya rasa tidak ada Indeks Kualiti Udara. Saya rasa kualiti udara tidak baik sekali memandangkan begitu banyak sekali kenderaan yang berada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur itu.

Jadi, saya tidaklah hendak berucap lebih panjang daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong sepenuhnya akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Gelang Patah.

6.40 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk membahar Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana kali ini berusaha meminda rang undang-undang ini untuk kepentingan alam sekitar negara kita. Ini boleh dikatakan sejak tahun 1994, undang-undang ini diwujudkan dan pindaan dibuat pada tahun 1995 dan ini adalah kali yang kedua pindaan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang kita sedia maklum bahawa banyak sungai di negara kita sedang menghadapi masalah pencemaran yang serius. Di kawasan saya ada sebatang sungai iaitu Sungai Skudai adalah salah sebatang sungai yang mana water intake area, dengan izin, oleh PUB. PUB sentiasa menghadapi masalah untuk mengambil air dari sungai itu untuk dirawat menjadi air paip dan kadang-kadang kes ini sentiasa dikeluarkan dalam surat khabar.

Daripada pengalaman itu, saya ingin ambil peluang pada hari ini di Dewan yang mulia ini, harap pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ambil tindakan yang tegas serta kawalan yang rapi terhadap semua kilang yang mempunyai affluen yang disalurkan kepada sungai-sungai.

Selain daripada mengadakan loji pembersihan untuk affluen kilang-kilang, adalah penting pihak berkuasa Jabatan Alam Sekitar mengadakan strategi baru untuk buat kawalan seperti mewajibkan tiap-tiap kilang memasang pH meter, dengan izin, serta mewajibkan mereka menghantar analisa kimia dan biologiikal kepada pihak Jabatan Alam Sekitar tentang tahap kebersihan affluen yang disalurkan ke dalam sungai atau parit. Dengan kawalan ini serta penguatkuasaan yang tegas, barulah kita dapat menjamin kebersihan sungai dalam negara kita. Bagaimana negara kita maju dalam pembangunan ekonomi jika sungai kita dicemarkan menjadi sungai mati, kita akan perlu membelanjakan banyak wang untuk membaik pulih keadaan semulajadi sungai itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pihak berkuasa tempatan dalam negara kita ini yang kebanyakan mereka tidak dapat mengamalkan sistem sanitary landfill yang betul untuk pelupusan sampah sarap yang diangkat dari rumah-rumah kediaman, kedai dan kilang dan sentiasa kita dapati daripada berita ada kebakaran di sana-sini yang sudah menyebabkan gangguan bau, gangguan lalat serta gangguan gas seperti methane, hydrogen sulphide yang dikeluarkan daripada tempat menanam sampah yang tidak mengamalkan sanitary landfill. Yang penting sekali bila kita tinjau daripada kes-kes seperti ini, boleh dikatakan pihak berkuasa tempatan sudah gagal melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dan bila mereka gagal dalam mengamalkan sistem pelupusan sampah secara "sanitary landfill", ada cadangan supaya menggunakan "incinerator" tetapi jika kita tinjau daripada apa yang berlaku

sistem "incinerator" di Terengganu yang mana jika saya tidak silap pada berita bahawa "incinerator" itu tidak dapat digunakan dengan baik dan mempunyai beberapa masalah.

Daripada pengalaman itu, adalah wajar pihak kerajaan jika ingin mengadakan sistem "incinerator" perlu ambil kira dari segi tenaga mahir kita, sama ada kita dapat menjalankan kerja yang sempurna bila kita ingin mengadakan "incinerator" serta perbelanjaan yang sangat tinggi untuk mengadakan "incinerator". Adalah lebih baik kita mengamalkan sistem "sanitary landfill" yang betul. Kita patut belajar daripada apa yang berlaku di negara lain yang mana dengan mengadakan "sanitary landfill" yang betul selain daripada dapat melupuskan sampah dengan betul, mereka dapat menambakkan tanah-tanah yang rendah dan menjadikan tanah-tanah itu menjadi tapak yang berguna kelak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu baru yang mana Jabatan Alam Sekitar akan menangani dengan pengwujudan pindaan ini ialah tentang buangan toksik, tentang bahan berbahaya serta produk berbahaya. Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri tentang keadaan sebenar rancangan pelupusan sisa toksik yang selama ini diceritakan dan pada masa ini sejauh manakah kemajuan rancangan ini kerana banyak kilang dalam negara kita ini yang mempunyai sisa toksik sudah menghadapi masalah kekurangan tempat untuk menyimpan bahan-bahan sisa toksik seperti sebuah kilang di Johor Bahru iaitu kilang Eveready yang mana bateri-bateri yang lama atau yang tidak mengikut kualiti, tidak dapat dijual tetapi tidak boleh dibuang ke tempat menanam sampah kerana itu adalah sisa toksik. Jadi, terpaksa disimpan di kawasan kilang itu hingga pada masa sekarang menghadapi masalah tidak ada tempat lagi untuk disimpan dan ada yang disimpan di dalam tong sudah berkarat dan ini adalah satu masalah yang serius terhadap

pencemaran alam sekitar. Oleh yang demikian, dengan usaha Jabatan Alam Sekitar untuk menangani isu baru ini terhadap buangan toksik ini adalah usaha yang baik, patutlah dipuji tetapi apa yang penting ialah tindakan selepas kelulusan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan denda-denda yang dicadangkan dalam pindaan ini daripada RM10,000 hingga RM1/2 juta, ini adalah satu denda yang tinggi dan kita harap dengan denda ini pihak pengusaha kilang-kilang akan lebih mempunyai tanggungjawab sosial untuk bersama-sama dengan pihak kerajaan terutama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjaga alam sekitar.

Berkenaan dengan audit alam sekeliling tentang kaedah yang lebih tersusun serta memberi status pematuhan kepada kehendak-kehendak pengawalan alam sekeliling dan pengurusan alam sekeliling yang lebih baik, ini adalah usaha yang baru, yang patut dipuji dan dengan audit alam sekeliling ini, kita harap selepas ini akan dilaksanakan, kita akan dapat mencapai matlamat yang diidamkan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perintah larangan yang disebutkan dalam pindaan ini, iaitu satu perintah untuk mencegah pengendalian loji atau proses perindustrian dan mencegah pelepasan benda berbahaya kepada alam sekitar dalam keadaan di mana alam sekitar dijejaskan atau kesihatan awam dijejaskan. Jadi, satu perintah larangan akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, saya ingin mendapat penjelasan sama ada jika sesebuah kilang itu didapati mengeluarkan effluen yang tidak dirawat ke dalam sungai sama ada pihak Jabatan Alam Sekitar perlu melalui perintah mahkamah untuk mengambil tindakan menutupkan kilang itu, selepas tindakan saman dijalankan, masih tidak mendatangkan apa-apa matlamat yang diharapkan oleh pihak berkuasa. Pihak kilang itu masih degil dan meneruskan prosesnya serta masih

mengeluarkan effluen yang tidak dirawat ke dalam sungai, sama ada perintah mahkamah, Yang Berhormat Menteri ada kuasa untuk menutupkan kilang itu.

Selain daripada itu kita semua sedia maklum bahawa pada masa sekarang pembetulan diswastakan kepada IWK. Pada masa sekarang sebagaimana berita dalam surat khabar, pihak IWK tidak mengamalkan cara pelupusan sewage dengan betul. Kita dapati bahawa mereka menyedut enap cemar daripada tangki najis dan dibuangkan ke dalam oxidation pond atau ke dalam sungai. Ini adalah satu cara yang tidak betul kerana dengan membuang enap cemar daripada tangki najis ke dalam oxidation pond akan menjejaskan aktiviti biological secara 'anaerobic' dan 'aerobic' kerana itu adalah biological action, dengan izin. Sepatutnya enap cemar daripada tangki najis itu patut dirawat di drying bed atau di satu loji pembersihan seperti di Pantai Valley.

Saya harap pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat campur tangan, menasihatkan pihak yang berkenaan supaya dapat berhenti secepat mungkin daripada mengamalkan cara yang tidak betul itu.

Yang kedua, jika pihak IWK didapati membuang enap cemar ke dalam sungai atau parit, tindakan itu patut diberhentikan, kerana jika mereka berbuat demikian mereka boleh dikatakan tidak mengikut apa yang dikatakan oleh mereka bahawa mereka memang menjaga kebersihan air sungai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan satu langkah yang mana tindakan deterrent dapat diadakan dalam penwujudan pindaan ini, iaitu pihak Jabatan Alam Sekitar akan mengambil langkah yang lebih strategik dengan mengadakan peruntukan rang undang-undang yang saksama, untuk menjaga prestasi alam sekitar negara kita.

Yang kedua, akan menjaga serta melindungi supaya sumber-sumber semula jadi negara kita tidak dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan dengan tindakan yang tersebut di atas akan dapat memperkukuhkan dasar ekonomi negara kita menuju ke matlamat Wawasan 2020.

Kita perlu semua pihak berkerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar iaitu menyertai kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar tiap-tiap tahun dan mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendidikan alam sekitar kepada murid-murid sekolah dan perlu kerjasama rapat daripada jabatan-jabatan yang lain kerana dalam negara kita ini selain daripada undang-undang yang dipinda hari ini, kita ada lebih kurang lebih 40 undang-undang yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Ini adalah dipertanggungjawabkan kepada beberapa agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, jabatan perparitan dan jabatan pertanian dan lain-lain. Dengan kerjasama rapat daripada mereka melalui usaha ini barulah kita dapat mencapai matlamat menjaga alam semula jadi negara kita. Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana sudah 6 orang ahli mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dan sebelum Yang Berhormat Menteri dimintajawab, saya izinkan seorang lagi. Tanjong Karang.

6.08 ptg.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian

dalam perbahasan mengenai Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang kerana kalau hendak bercakap masalah kualiti alam yang melibatkan darat, udara dan laut begitu luas sekali dan ramai Ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh pelbagai aspek.

Walaupun semalam ada ditimbulkan Ahli-ahli Parlimen dari British memuji mengenai pengawalan alam sekitar kita, di mana kawalan alam sekitar kita bolehlah dikatakan terkawal, tetapi kita jangan lupa, semalam juga kalau kita baca dalam Watan ada berita mengenai kekotoran sampah-sampah yang berlonggok di tepi jalan, di Taman Serdang. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa walaupun alam sekitar kita ini masih terkawal, tetapi beberapa kelemahan tertentu harus kita tangani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan dua perkara. Yang pertama mengenai hukuman, kerana saya percaya pindaan undang-undang yang dibuat pada hari ini salah satunya ialah untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan juga mengenakan beberapa denda yang tinggi kepada pesalah-pesalah yang melanggar akta ini.

Memang tidak dinafikan kalau kita pinda berbagai undang-undang pun, tetapi seandainya penguatkuasaan undang-undang ini tidak berkesan ataupun tidak boleh dijadikan sebagai deterrent ataupun contoh kepada orang lain supaya orang tidak mengulangi kesalahan yang sama, maka undang-undang yang kita pinda ini tidak bermakna. Saya ingin ucapkan tahniah kepada pihak kementerian ini yang meminda seksyen 46 yang mana telah mengenakan hukuman untuk kapal dan juga kenderaan untuk dilucutkan hak dan juga boleh dilupuskan.

Begitu juga seksyen 48 kuasa untuk menahan dan juga menjual kenderaan

ataupun kapal yang melanggar ataupun menyalahi peraturan dan juga akta ini. Tetapi saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah peruntukan peruntukan ini memberi satu peruntukan yang mana memberi kuasa kepada pihak kerajaan untuk meroboh ataupun menjual bangunan-bangunan yang didirikan tidak mengikut peraturan-peraturan dan juga akta-akta alam sekeliling yang telah ditetapkan? Ini kerana kita lihat seandainya kita menaikkan denda sahaja daripada RM10 ribu dijadikan RM20 ribu dan sebagainya, mungkin ahli-ahli perniagaan ini yang mempunyai kewangan yang banyak yang telah membina bangunan yang mereka merasakan mereka ini duit banyak, tidak hirau dengan denda-denda, dan denda berapa banyak pun mereka boleh bayar, kita khuatir mereka nanti mengeneipkan peraturan-peraturan dan juga undang-undang yang kita luluskan ini.

Oleh itu, untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku, saya ingin mencadangkan supaya akta ini juga sepatutnya dimuatkan satu peruntukan supaya mana-mana bangunan yang didirikan tanpa mengikut ataupun mematuhi undang-undang yang telah sedia ada ini hendaklah boleh dirampas ataupun dijual seandainya didapati bersalah oleh mahkamah.

Yang kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai seksyen 36B (2)(b), iaitu penubuhan Kumpulan Wang Alam Sekeliling, yang mana ada tertera di sana bahawa segala derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia. Saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah caranya pihak kerajaan kita untuk mendapatkan sumbangan derma daripada luar Malaysia? Saya timbulkan perkara ini kerana kita percaya bahawa mungkin tabung ini diperlukan untuk kita mengatasi pencemaran laut, yang mana kita lihat kadang-kadang selalu terdapat mungkin kapal-kapal ini membuang tumpahan mereka ini di perairan antarabangsa. Tetapi oleh kerana tumpahan di laut, ia mengalir masuk ke Selat Melaka.

Kerana beberapa kali minyak telah tumpah dari Selat Melaka, dan saya masih ingat bahawa pihak kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau tidak silap pernah membuat kenyataan bahawa kerajaan mungkin hendak mengadakan tol di Selat Melaka, macam Suez Canal. Bererti mana-mana kapal yang hendak melalui Selat Melaka, mungkin kita dengan Kerajaan Indonesia boleh berbincang untuk mengenakan tol. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan adakah rancangan untuk mengenakan tol di kawasan Selat Melaka ini akan dipraktikkan ataupun dilaksanakan oleh pihak Kementerian?

Dengan kata-kata itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

7.04 mlm.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih atas pandangan dan ulasan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996. Perlindungan alam sekitar sudah mendapat komitmen Kerajaan Barisan Nasional. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah beberapa kali menggalakkan penghijauan bumi dengan penanaman pokok dan perlindungan hutan, kepentingan sumber air dan pengekaln warisan kita.

Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri telah mengingatkan kita, sekiranya kita tidak memelihara alam semula jadi, bencana yang berlaku bukanlah atas kuasa Tuhan semata-mata, tetapi merupakan dendam alam semula jadi ke atas manusia, atau dalam Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, berertinya, 'It is not merely an act of God, but is a revenge of nature', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa orang Ketua Menteri, Menteri Besar dan Menteri-menteri Kabinet juga telah memberi peringatan kepada pihak pentadbiran masing-masing dan rakyat tentang pentingnya mengambil kira pertimbangan alam sekitar dalam segala usaha membangun negara. Banyak cadangan yang berguna dan berfaedah telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbincangan rang undang-undang ini. Kementerian saya akan memberi sepenuh perhatian untuk mengkaji dan selanjutnya melaksanakan apa yang sesuai.

Saya sangat mengalu-alukan sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Beliau telah membangkitkan tempoh persediaan pindaan. Proses pindaan ini adalah mengambil masa panjang bagi memastikan pindaan yang dibuat adalah lengkap dan tepat seperti yang terhasil ini. Tidak semua cadangan asal Jawatankuasa Ulangkaji Undang-undang Alam Sekitar boleh dimasukkan di dalam pindaan atas beberapa sebab, seperti ianya akan berlaku pertindihan dengan bidang kuasa agensi lain, ataupun cadangan itu telah wujud di dalam perundangan persekutuan lain, perundangan negeri dan sebagainya. Dengan itu juga, terdapat cadangan yang didapati lebih berkesan sekiranya diuruskan di bawah undang-undang lain, misalnya kumbahan, buangan ternakan dan hakisan tanah.

Adalah kelaziman peruntukan pengurusan alam sekitar wujud dalam beberapa perundangan, seperti yang diamalkan di negara-negara lain. Dalam perkara ini, cadangan pindaan kepada undang-undang lain akan diuruskan oleh kementerian-kementerian yang berkaitan. Cadangan mengenai hak ke atas alam sekitar yang bersih adalah termaktub dalam perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai hal ehwal alam sekitar dalam 40 undang-undang yang bukan semua di bawah Kementerian

Alam Sekitar. Tidakkah ada satu agensi jawatankuasa 'overall' yang boleh menyelaraskan, mengadakan koordinasi supaya bahagian-bahagian undang-undang, sungguhpun di bawah kementerian yang lain juga boleh dipinda supaya usaha memelihara melindungi alam sekitar mewujudkan satu environment yang bersih boleh dicapai?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong yang dengan cadangan membina beliau. Ini juga adalah idaman kementerian saya juga. Tetapi ini bukan sahaja boleh dibuat di Malaysia, walaupun kita telah menjalankan beberapa usaha untuk mengintegrasikan kesemua undang-undang, jikalau boleh di bawah satu undang-undang, iaitu adalah salah satu sebab kelemahan atau kelewatan undang-undang ini dibentangkan ke Parlimen ini.

Di Malaysia kita semua mengetahui telah mempunyai lebih dari 40 undang-undang di bawah kementerian masing-masing atau kerajaan negeri masing-masing. Tetapi ini terdapat juga di negara-negara lain yang mempunyai masalah yang sama juga. Saya baru kembali dari Afrika Selatan, saya baca dari surat khabar, keadaan yang menimbulkan masalah. Masalahnya ialah di negara itu terdapat sebanyak 150 undang-undang yang ada berkaitan dengan hal ehwal alam sekitar.

Oleh sebab itu, mereka pun ada membuat cadangan untuk menubuhkan satu agensi atau apa yang dipanggil "one-stop-shop" di mana boleh menyelaraskan undang-undang ini yang berkaitan dengan alam sekitar.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah perkara ini di bawa ke peringkat kabinet supaya satu keputusan tertinggi dibuat supaya sama ada satu one-stop-agency, kita tidak cadangkan satu superministry, tetapi sekurang-kurangnya satu Cabinet Committe, yang mengandungi wakil-wakil

daripada semua Menteri-menteri di mana ada undang-undang, ada bahagian bersabit dengan environmental, boleh meminda dan menyelaraskan semua undang-undang, khasnya oleh kerana pada tahun 1992, Environment Law Review Committee sendiri sudah memastikan bahawa ada sekurang-kurangnya 40 undang-undang yang ada kelemahan yang perlu diubah dan perlu dipinda dan dengan itu kenapa perkara ini tidak di bawa ke peringkat Kabinet supaya satu keputusan tertinggi boleh dibuat?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini melibatkan banyak jabatan dan kerajaan negeri, ini bukannya senang hendak dibuat walaupun tujuan permulaan jawatankuasa semakan undang-undang yang wujud di negara ini tetapi kita belum berpuashati, atau masih berusaha mencari jalan macam mana kita boleh menyelaraskan kesemua undang-undang ini. Walau bagaimanapun, setelah wujudnya beberapa jawatankuasa untuk menyelaraskan undang-undang yang wujud di negara ini, dengan adanya saluran ini kita harap hal ehwal alam sekitar ini boleh ditadbir atau boleh dijalankan dengan lebih licin dan berkesan. Walau bagaimanapun, kita masih berusaha untuk mencari jalan macam mana masalah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu boleh diatasi. Satu caranya ialah kita mengadakan satu overall law review di negara kita ini. Ini kita boleh cuba macam mana boleh dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini tentu akan diberi sokongan oleh semua pihak yang prihatin dalam masalah undang-undang alam sekitar. Tetapi bukankah benar bahawa bukan sahaja Yang Berhormat Menteri telah menghadapi masalah apabila bersabit dengan kementerian-kementerian yang lain, tetapi dalam kementerian sendiri untuk melaksanakan undang-undang alam sekitar pun menghadapi masalah yang besar? Contohnya, sungguhpun, kabinet ada guidelines mengenai EIA yang dikehendaki dan diwajibkan untuk beberapa kategori

semacam golf course, resort, landfill, tanah yang dahulu landfill dan lain-lain, ini tidak boleh dilaksanakan dan sungguhpun Kementerian Alam Sekitar buat persiapan sendiri untuk meminda order EIA (Prescribe Activities) - sudah 3 tahun, tetapi sampai sekarang pindaan baru pun belum keluar. Apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh kementerian di mana sungguhpun ada intention yang baik, tetapi nampaknya usaha-usaha sangat sukar untuk mendapat hasil?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu kementerian saya tidak ada apa-apa masalah atau tidak ada apa-apa sekatan dari kabinet. Seperti yang saya terangkan pada jawapan permulaan saya tadi, semua Ahli Kabinet termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan semua Ahli-ahli Jemaah Menteri telah memahami kepentingan hal ehwal alam sekitar dan mereka sangat menyokong usaha untuk menjaga alam sekitar di negara kita ini.

Walaupun begitu, oleh kerana dari segi undang-undang dan juga dari segi sumber manusia atau tenaga manusia yang terhad; oleh sebab itu, kita tidak boleh buat apa yang kita kehendaki. Ini adalah masalahnya dan kita harap dengan sokongan dari semua pihak masalah ini dapat diselesaikan satu persatu kerana EIA ini, kita semua mengetahui bahawa sehingga sekarang kita telah dapat 20 kegiatan yang dibuat di bawah Jadual EIA. Ketiga-tiga EIA itu adalah di bawah bidang kerajaan negeri. Oleh sebab itu, di atas nasihat Peguam Negara, kita tidak dapat menjalaninya, walaupun saya ada membuat cadangan menubuhkan jawatankuasa penyelarasan di tempat-tempat yang diambil sebagai sensitif untuk permulaannya - macam mana ini boleh menyelaraskan pentadbiran atau melaksanakan dasar-dasar kerajaan untuk melindungi alam sekitar di tempat-tempat tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah antara sebab tersebut di mana Kementerian Alam Sekitar menghantar masalah, oleh kerana kita ada seorang Peguam Negara yang tidak boleh disifatkan sebagai kawan environment, khasnya daripada intepretasi mengenai kuasa Federal dan kuasa Negeri? Oleh kerana sebelum Peguam Negara kini memegang jawatan ini, Kementerian Alam Sekitar bolehlah menjaga kuasa-kuasa di dalam bidang kuasanya, tetapi dengan Peguam Negara yang baru, yang nampaknya bersetuju dengan pendirian Sarawak mengadakan Natural Resources and Environment Ordinance (Amendment) dan Board dan di mana Yang Berhormat Menteri dipaksa pada 27hb Mac, 1995 untuk menandatangani order surrender kuasa kepada negeri dan sekarang diikuti oleh lain-lain negeri, bukankah ini satu masalah? Kalau kita ada seorang Peguam Negara yang lebih faham, sympathetic dengan kos environment dan dia tidak bersetuju dengan pandangan negeri Sarawak dan mungkin Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Department of Environment - kedudukannya akan lebih tegas. Oleh kerana kalau begitu diteruskan, mungkin semua kategori-kategori di bawah EIA (Prescribe Activities Order) semua perlu diserahkan kepada negeri-negeri dan DOE tidak akan ada banyak kerja dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mungkin mahu tinggalkan environment, maka tinggal sahaja sains dan teknologi?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Tanjong boleh tunggu sebentar. Sebenarnya saya menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat, kerana saya akan sampai satu para yang mengatakan "pujian kepada Peguam Negara" yang telah begitu bersimpati dengan peranan Jabatan Alam Sekitar oleh sebab sokongan beliau. Dengan sebab itulah undang-undang yang ada di hadapan kita dapat dibentangkan di sesi Parlimen ini, kalau tidak mungkin masih dalam persiapan dan tidak sempat dibentangkan di Parlimen ini.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana masa yang diambil oleh rang undang-undang ini ialah selama lima tahun bermula tahun 1991, lima tahun dan selepas environment law review habis kerja tiga tahun, selepas tiga tahun kita pun mahu berterima kasih kepada Peguam Negara. Sepatutnya Jabatan Peguam Negara menghabiskan semua drafting dan kelulusan dalam satu tahun, tiga tahun kita mahu berterima kasih, mungkin Yang Berhormat Menteri perlulah berterima kasih. Parlimen tak patut berterima kasih. Mungkin dalam rang undang-undang ini, sama ada patut berterima kasih atau tidak, itu hal yang lain. Tetapi dalam interpretasi kuasa-kuasa DOE apabila dibanding dengan kuasa negeri patutlah kita tidak berterima kasih kepada Peguam Negara oleh kerana interpretasi itu sudah dikurangkan, sekatkan kuasa DOE.

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Bolehkah Ahli Yang Berhormat menunggu saya habiskan jawapan saya ini, oleh kerana semuanya ada terkandung di dalam jawapan saya ini.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung jawapan saya. Dalam hal ini Jabatan Peguam Negara telah memberi panduan dan nasihat yang amat berfaedah dan saya ingin merakamkan penghargaan kami kepada usaha Jabatan Peguam Negara.

Pemuliharaan sumber semula jadi seperti hutan dan tanah bukit adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sepertimana diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Walau bagaimanapun, pemuliharaan sumber ini akan diteruskan melalui kerjasama Kerajaan Pusat dan Negeri, contohnya melalui Majlis Tanah Negara. Mengenai Majlis Alam Sekitar Negara, majlis ini telah tidak diwujudkan. Kerajaan telah memutuskan bahawa Majlis

Pembangunan Negara boleh menjalankan tugas Majlis Alam Sekitar Negara. Tujuan langkah ini ialah bagi membolehkan penggabungan konsep pembangunan dan pengurusan alam sekitar sejajar dengan konsep pembangunan mampan.

Majlis Pembangunan Negara adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan saya antara ahli yang dilantik menganggotai majlis tersebut. Dengan itu adalah jelas kerajaan telah memberi pengiktirafan kepada pengurusan alam sekitar.

Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling telah mengambil kira supaya Majlis Kualiti Alam Sekeliling mempunyai keahlian yang lebih representative dan menteri boleh melantik ahli tambahan mengikut isu yang perlu dibincangkan. Ini termasuk wakil dari NGOs jika berkaitan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Majlis Kualiti Alam Sekeliling setakat ini telah mempunyai lima wakil NGOs. Mengenai NIEO dan penubuhan NIEP, peruntukan berkaitan alam sekitar dan EIA adalah selaras dengan apa yang telah diperlukan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Isu Projek Hidro Bakun telah berulang kali ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini dan kerajaan telah pun memberi keterangan yang lengkap mengenainya. Maka saya tidak bercadang mengulangi keterangan itu kecuali memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak bukan sahaja memproses EIA Projek Hidro Bakun, tetapi telah berjaya memproses lebih 40 Laporan EIA berhubung dengan sumber asli di Sarawak.

Mengenai pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tentang kadar ses untuk sumbangan kepada kumpulan wang alam sekeliling,

dimaklumkan kadar dan jenis industri yang akan dikenakan ses sedang dikaji. Perkara ini akan dirujuk kepada Majlis Kualiti Alam Sekeliling untuk mendapatkan pandangan sebelum ketetapan muktamad dibuat tentang kadar dan jumlah kumpulan wang alam sekeliling.

Kumpulan wang ditubuhkan di antara lain melalui pungutan ses ke atas kewangan yang dihasilkan oleh industri. Kategori industri yang perlu membayar ses akan ditentukan secara teliti supaya tidak membeban serta menjejaskan industri dan akan menggalakkan usaha mengurangkan kewangan tersebut. Kumpulan wang akan dikenakan untuk tujuan menjalankan penyelidikan dan mengurangkan buangan serta pencemaran.

Mengenai bahan

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Law Hieng Ding: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana peranan orang ramai, kenyataan orang ramai dan organisasi-organisasi, pertubuhan-pertubuhan semacam NGO sangat penting dalam usaha memelihara alam sekitar, lebih mustahak daripada undang-undang. Bolehkah kerajaan mengkaji bahawa trust fund ini diperluaskan skopnya menjadi satu environment trust fund, bukan sahaja menjalankan pendidikan dan research tetapi juga dimana peruntukan-peruntukan boleh diberi untuk NGO-NGO supaya mereka boleh bergiat, tidak bergantung kepada sumbangan kewangan daripada luar negara dan mengadakan satu suasana di mana orang ramai digalakkan menyertai dan mengambil bahagian lebih cergas dalam usaha mengadakan satu environment bersih dan selamat di tanah air kita?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang

Berhormat dari Tanjong yang telah mencadangkan memperluaskan kegunaan ses atau kumpulan wang itu. Ini memang tujuan kerajaan, juga kepada kementerian saya dan kita akan mengambil pertimbangan yang sewajarnya setelah wujudnya kumpulan wang ini selepas ini dilaksanakan, kita akan mengkaji macam mana ini boleh atau tidak diperluaskan kepada NGO dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai bahan yang perlu dikitar semula, recycle, dengan izin, Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses berunding dengan pihak industri untuk menyediakan senarai awal bahan-bahan terbabit bagi menentukan ianya boleh dikitar semula. Bahan-bahan yang dikitar semula akan dilabelkan untuk pengetahuan pengguna bahawa proses serta bahan yang dihasilkan adalah mesra alam.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang dan Bukit Bendera telah membangkitkan isu tentang kelemahan penguatkuasaan. Saya bersetuju bahawa terdapat ruang untuk memperbaiki keadaan ini. Saya ingin menjelaskan bahawa meskipun isu alam sekitar adalah luas, Jabatan Alam Sekitar dengan sumber tenaga yang ada telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengatasi masalah pencemaran yang berlaku di negara ini untuk melindungi orang awam.

Jabatan Alam Sekitar juga sedang memperkemas prosedur-prosedur untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Pindaan di bawah akta memberi mekanisme tambahan kepada usaha ini, contohnya melalui kuasa untuk merekod kenyataan dan mengenakan tender yang lebih tinggi.

Saya juga sedar bahawa penubuhan pejabat dan sekitar peringkat daerah adalah mustahak untuk meningkatkan persekitaran keberkesanan Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan anggota penguatkuasa yang menguatkuasakan dan mengesar pelepasan asap kenderaan yang menggunakan mesin ukuran HSU. Saya difahamkan bahawa anggota penguatkuasaan yang ada yang disediakan oleh JAS sekarang ini masih belum mencukupi. Saya ingin tahu berapakah jumlah yang sedia ada dan adakah kekosongan yang belum diisi?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan, adakah kuasa telah diberikan dan dibekalkan kepada anggota penguatkuasaan ini untuk mengeluarkan saman apabila sesuatu kenderaan itu yang telah terbukti mengeluarkan asap hitam yang berlebihan, melebihi 50 unit HSU dibolehkan pegawai berkenaan mengeluarkan saman?

Jikalau dalam tempoh dua tahun yang lepas, saya difahamkan pegawai-pegawai penguatkuasa ini tidak diberikan kuasa untuk mengeluarkan saman. Malah ianya menumpang kuasa yang ada kepada anggota penguatkuasa JPJ dan juga Polis Trafik. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Memanglah anggota penguatkuasaan ini tidak mencukupi. Walau pun kementerian saya ataupun Jabatan Alam Sekitar mempunyai sebanyak 32 mesin mengukur asap ini tetapi anggotanya tidak mencukupi.

Mengenai kuasa, bolehkah tidak mengenakan atau mengeluarkan saman kepada pesalah-pesalah ini? Ini adalah

kerana sebelum pindaan ini, kita masih menyatakan polis ada kuasa mengeluarkan saman. Saya harap dengan pindaan ini mungkin masalah ini boleh diatasi dan dengan kuasanya boleh mengeluarkan saman dengan sendirinya.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jelebu, bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selain daripada cadangan yang dibuat di dalam cadangan pindaan ini, apabila ianya akan diluluskan kemungkinan kuasa untuk mengeluarkan saman daripada pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar akan diperolehi.

Satu lagi saya ingin mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk juga memberikan kuasa kepada anggota penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar ini untuk memeriksa dan memegang tubuh badan ataupun menyeluk saku orang kena saman (OKS) ataupun orang kena tuduh, (OKT) supaya sistem pemeriksaan itu akan dapat dibuat lebih berkesan kerana apa yang kita faham, Tuan Yang di-Pertua, walau pun kuasa memeriksa ada diberikan kepada seseorang pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar itu tetapi ia tidak mempunyai kuasa untuk memegang tubuh badan pemilik kenderaan pemunya kenderaan ataupun pemandu kenderaan apatah lagi untuk memeriksa poket ataupun memegang tubuh pemilik kenderaan tersebut. Jadi, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memasukkan kuasa ini ke dalam kuasa-kuasa yang akan diberikan kepada anggota penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar sebagaimana kuasa menangkap dan memeriksa serta memegang yang dimiliki oleh anggota polis. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat. Selain dari menjalankan penguatkuasaan secara bersendirian oleh Jabatan Alam Sekitar, kita bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak polis. Selain daripada itu, satu program yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar sekarang ialah dipanggil Program Awasi.

Di bawah Program Awasi yang sedang dijalankan di Lembah Klang ini, kita telah menahan sesebuah kereta yang disabit dalam pengeluaran asap yang berlebihan, mereka akan dibawa ke dalam satu garaj atau workshop untuk dibaiki sebelum dibenarkan berjalan di atas jalan raya. Selain daripada itu juga, saya akan sampai jawapan saya ke satu langkah yang akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu kita akan menurunkan kuasa-kuasa bukan sahaja kepada anggota-anggota penguatkuasaan dan juga akan menurunkan kuasa kepada pihak Jabatan Kerajaan Tempatan dan sebagainya untuk menjalankan tugas-tugas atau undang-undang atau peraturan yang wujud di bawah undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Apa yang Ahli Yang Berhormat dari Jelebu timbulkan ialah satu aspek masalah air pollution dan daripada masalah air pollution dalam tahun 1994 khasnya selepasnya masalah haze yang begitu serius, kerajaan ada belanja berjuta-juta ringgit dan ada menyiapkan satu Pelan Udara Yang Bersih (Clean Air Plan) dan ada dikemukakan ke Kabinet tetapi telah ditolak. Bukan oleh kerana pelan itu tidak baik tetapi nampaknya desakan industri sangat kuat di mana environment menjadi satu mangsa. Adakah DOE dan kementerian berkenaan berhasrat untuk hidupkan semula Clean Air Plan itu oleh kerana itu sangat mustahak kalau kita mahu udara kita bersih?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang ini plan air,

pelan ini bukan ditolak hanya ditangguhkan pelaksanaannya oleh Jemaah Menteri oleh kerana cadangan-cadangan di dalam pelan itu adalah dianggap sebagai satu langkah "too drastic" oleh sebab itu akan melibatkan seperti memindahkan kilang-kilang yang ada sekarang ke tempat lain dan sebagainya. Oleh sebab itu, kementerian diminta pelan itu dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat.

Oleh sebab itu, kementerian saya sedang menyediakan satu kertas kerja untuk pertimbangan Jemaah Menteri mengenai pemasangan catalytic convertor. Ini akan dilaksanakan tidak lama lagi. Selain daripada itu, satu langkah telah diambil juga mengenai leaded and unleaded petrol, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dan juga kita telah mengemukakan laporan keadaan udara bukan sahaja di Lembah Klang dan di mana-mana tempat yang kita dapat data ini dikemukakan untuk makluman Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri akan dimaklumkan dari masa ke semasa keadaan sebenarnya. Oleh sebab itu kita harap langkah-langkah yang kita rancangkan boleh dilaksanakan dengan satu persatu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yunus bin Rahmat: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jelebu bangun lagi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai dengan pemasangan 'catalytic convertor', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, satu alat yang boleh mengurangkan kadar kehitaman asap daripada kenderaan-kenderaan disel. Jadi, saya cuma ingin penjelasan, adakah 'catalytic convertor' ini akan diwajibkan dan kuasa akan diberikan kepada Yang Berhormat Menteri

untuk mewajibkan pemasangan 'catalytic convertor' ini kepada semua kenderaan-kenderaan disel terutamanya kenderaan perkhidmatan awam (KPA) dan juga kenderaan perdagangan, umpamanya lori, bas, teksi dan sebagainya.

Jadi, kalau perkara ini akan diwajibkan, saya ucapkan syabas dan kalau tidak diwajibkan saya ingat hasrat untuk mewujudkan satu sistem kenderaan KPA dan kenderaan perdagangan yang boleh menjamin dan membantu kebersihan udara alam sekitar kita akan gagal. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pemasangan catalytic convertor ini hanya boleh dikuatkuasakan ke atas kenderaan baru yang menggunakan petrol, bukan disel, oleh kerana kereta-kereta lama ini tidak boleh dipasang dengan catalytic convertor. Saya harap kita mendapat satu tarikh dari Jemaah Menteri bilakah penguatkuasaan ini akan dimulakan untuk memasang catalytic convertor. Untuk disel, caranya ialah, oleh kerana kebanyakan kenderaan-kenderaan yang menggunakan disel ini diimport dari luar negeri dan oleh sebab itu kita telah meminta MITI Kastam dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan yang mengeluarkan lesen.

Sebelum kenderaan-kenderaan itu dibenarkan masuk ke negara ini, kita meminta satu surat mengesahkan kenderaan-kenderaan itu boleh mematuhi pelepasan asap sebelum mereka dibenarkan diimport dan dilesenkan dan dibenarkan berjalan di atas jalan raya.

Satu langkah yang diambil oleh kerajaan ialah memberi insentif atau galakan penggunaan enjin diesel generasi kedua atau second generation engine yang baru. Enjin itu adalah satu enjin yang lebih efisien dan berkesan dari segi kawalan pelepasan asap. Ini adalah di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih menekankan bahawa sesuatu harus kita buat kepada kenderaan-kenderaan yang berkuasa diesel yang telah berjalan dan telah dipasang dengan enjin-enjin berkenaan. Apa yang kita lihat sekarang ini bahawa kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam dan juga kenderaan-kenderaan perdagangan ini yang telah sedia ada begitu mendatangkan masalah. Adakah sesuatu langkah yang akan dibuat untuk mengatasi masalah yang sedia ada untuk mencari sesuatu komponen untuk mengurangkan kadar pengurangan asap hitam yang akan dikeluarkan oleh enjin diesel ini? Apakah sesuatu kajian akan dibuat ke atas kandungan minyak diesel itu sendiri dan mewajibkan kenderaan-kenderaan lama menukar enjin kepada enjin yang baru ataupun sebagainya?

Saya kira, satu langkah yang harus dibuat ialah mencari sesuatu penyelesaian kemungkinan sesuatu alat yang boleh digunakan untuk dipasangkan kepada enjin diesel yang sedia ada.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan sebentar tadi, di antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah kerajaan memang menyedari masalah ini dan langkah yang telah diambil, seperti yang saya terangkan sebentar tadi, selain dari memberi galakan atau insentif kepada pemunya kenderaan yang memakai enjin diesel generation yang baru dan juga kita telah memberi galakan dan mengurangkan cukai jalan. Itu satu langkah. Dengan adanya langkah ini, saya harap sampai satu tarikh di mana kenderaan-kenderaan lama yang ada di atas jalan raya, dengan usianya yang tua itu akan dikeluarkan dari jalan raya apabila sampai satu masa.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bangun sekali lagi tidaklah untuk mengganggu Yang Berhormat Menteri. Tetapi saya ingin bertanya oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada meninggalkan satu perkara yang tidak disebut. Cadangan saya dan rakan saya, Yang Berhormat dari Kepong tadi mengenai memperkuatkan usaha memelihara alam sekitar di mana satu cara yang baik ialah untuk meminda Perlembagaan Malaysia untuk memperuntukkan hak kepada satu alam sekitar yang bersih. Apakah pendirian kerajaan dan kalau saya tidak silap, cadangan ini pun pernah dibincangkan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun 1981 untuk mengkaji undang-undang alam sekitar. Bukankah ini satu usaha yang baik, khasnya ada negara-negara yang lain yang mula mengadakan peruntukan ini dalam Perlembagaan mereka seperti Afrika Selatan. Bukankah kita boleh memberi satu contoh galakan yang baik untuk negara-negara yang lain kalau kita meminda Perlembagaan untuk membuat pindaan itu - right to environment?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, 4 prosedur atau undang-undang yang kita ada sekarang, kita boleh nampak memadai atau berjalan dengan lancar dan licin dan saya tidak nampak perlunya diadakan satu pindaan Perlembagaan di masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya teruskan ucapan sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat. Masa tidak mengizinkan ya. Jadi, Yang Berhormat teruskan.

Datuk Law Hieng Ding: Okay. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, permohonan untuk penubuhan pejabat-pejabat di Tawau dan Labuan, Sabah, Miri, Bintulu dan Sibul, Sarawak, Barat Pahang, Segamat, Johor dan Taiping, Perak

telah dimajukan kepada agensi pusat dan sedang dalam pertimbangan.

Kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, MITI, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya dalam menguatkuasa undang-undang amatlah dialu-alukan dan akan dilaksanakan melalui proses perwakilan kuasa kelak untuk memperbaiki langkah penguatkuasaan yang sedia ada.

Kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri pula dijalankan melalui mesyuarat Menteri serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal alam sekitar atau MEXCOE dan forum line seperti Majlis Tanah Negara dan Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Sehubungan dengan soalan Yang Berhormat dari Sipitang sama ada pengelasan industri atau proses akan dibuat, kerajaan telah pun mengambilkira keperluan ini di peringkat menilai permohonan mendirikan kilang-kilang baru. Kilang berteknologi bersih dan kilang yang mencemarkan tapak dikenali pasti di peringkat awal lagi, contohnya oleh one-stop-agency seperti MIDA.

Bagi industri yang tertakluk kepada kajian EIA, aspek pengeluaran buangan toksik dan berbahaya akan dikaji dengan terperinci. Kilang-kilang sedia ada digalakkan mengamalkan program "waste minimization", dengan izin. Satu program baru, MAWAR atau Malaysia Agenda For Waste Reduction, dengan izin, telah diwujudkan baru-baru ini dan response dari industri ini amat menggalakkan.

Berkenaan kerugian atau kerosakan kepada harta benda pula, ianya boleh

ditentukan oleh mahkamah untuk dibayar oleh pesalah kepada orang yang telah mengalami kerugian atau kerosakan harta bendanya. Seperti mana yang telah saya sebutkan dalam ucapan pembentangan, peruntukan ini akan menyenangkan proses perundangan dan tidak membebankan penderita, terutamanya penderita yang miskin. Jumlah pampasan akan ditetapkan oleh mahkamah mengikut kes.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pengurusan pembuangan pepejal dan sampah sarap. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pemerhatian ramai Ahli Yang Berhormat mengenai sanitary landfill dan incinerator. Cadangan ini akan saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diluluskan di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dipertimbangkan dan mungkin satu cara penswastaaan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Mengenai cara landfill atau incinerator mana satu yang lebih baik, ini adalah terpulang kepada teknologi yang digunakan itu tetapi sebagai umumnya...

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar walaupun pihak kerajaan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa menimbulkan mengenai sanitary landfill iaitu saya diberitahu dari setahun ke setahun bahawa setiap muatan dua lori sampah, mesti kita adakan satu lori pasir dan kemudian disemur dengan ubat. Tetapi, saya nampak di dalam lebih

dua puluh tahun ini, sejak Akta Kualiti Alam Sekitar dibentang di dalam Dewan yang mulia ini, pihak yang berkuasa jarang menggunakan sanitary landfill. Sanitary landfill untuk memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi yang sebenarnya tidak dilakukan. Adakah Jabatan Alam Sekitar pernah membuat siasatan di dalam tempoh lebih dua dekad ini?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Jabatan Alam Sekitar atau Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menggalakkan menggunakan apa yang dipanggil landfill technology oleh kerana ini adalah sampai satu masanya kita mungkin hendak mengulangi kerja atau mengolah sekali lagi sampah-sampah ini. Oleh sebab itu, mungkin satu teknologi yang melalui incineration atau pembakaran sampah-sampah ini digalakkan setelah pengurusan sampah sarap atau pepejal ini diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah menimbulkan mengenai kumpulan wang kenderaan bermotor sama ada termasuk dalam kategori itu. Oleh kerana kenderaan bermotor setakat ini sudah membayar cukai di bawah Ordinan Trafik, saya tidak bercadang mengenakan ses secara langsung ke atas punca pencemaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sipitang juga menimbulkan pencemaran bunyi bising. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu peraturan bunyi bising daripada kenderaan bermotor telah berkuatkuasa semenjak tahun 1989 lagi dan peraturan lain sedang digubalkan.

Mengenai pencemaran penglihatan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini belum wujud lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan masalah mengenai

pertubuhan satu agensi perlindungan alam sekitar (EPA). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpendapat dengan adanya Jabatan Alam Sekitar, tujuan dan fungsinya adalah mencukupi. Apa yang perlu dibuat adalah memperkuatkan jabatan ini, bukan penubuhan agensi baru.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat pernah mengkaji dengan teliti kekurangan penyelarasan di antara jabatan-jabatan yang bertanggungjawab untuk alam sekitar termasuk lebih 40 akta yang berkenaan dengan alam sekitar? Dengan kekurangan penyelarasan dan kekurangan keberkesanan, kita perlu mengadakan satu badan payung untuk melindungi, untuk mengumpul, untuk menyelaraskan semua ini supaya EPA boleh melaksanakan semua undang-undang dan semua langkah yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dengan lebih berkesan.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan cadangan ini. Kalau tidak, dua dekad lagi pun tidak berkesan apa yang dicadangkan hari ini.

Datuk Law Hieng Ding: Cadangan Ahli Yang Berhormat itu memang mempunyai tujuan yang baik tetapi seperti yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, walaupun kita ada payung, kalau tidak ada kuasa tidak guna juga. Ini mengenai kuasa. Oleh kerana undang-undang kita seperti yang saya sudah terangkan beberapa kali, oleh kerana undang-undang sudah banyak wujud di negara ini, masalah sekarang ialah macam mana penyelarannya. Oleh sebab itu, kementerian saya masih mencari jalan macam mana dengan integrasi atau penyelarasan di antara kementerian-kementerian atau di antara kerajaan-

kerajaan negeri, macam mana undang-undang yang wujud sekarang boleh menjadi lebih berkesan dan boleh dijalankan dengan licin. Ini adalah mustahak Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah sebenarnya keberkesanan dasar-dasar, strategi-strategi dan undang-undang alam sekitar satu masalah pokok, khususnya kita boleh lihat daripada insiden selepas tragedi keruntuhan Highland Towers di mana 48 orang meninggal dunia, keruntuhan tanah di Genting Highland di mana 20 orang meninggal dunia; selepas itu semua orang heboh-hebohkan masalah alam sekitar. Yang Berhormat Menteri sendiri pun membuat beberapa kenyataan mengenai betapa penting dan perlunya untuk memperketatkan semua undang-undang mengenai alam sekitar tetapi sampai sekarang, bukankah benar bahawa tidak ada apa-apa daripada segi alam sekitar dicapai? Harap kita tidak tunggu lagi tragedi, 100 orang mati, barulah kita merenung lagi masalah ini!

Dan semacam Land Conservation Act, banyak negeri belum ratify atau gazet atau menguatkuasakan dan bukankah masa sudah sampai di mana cadangan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk mengadakan suatu National Environment Council dihidupkan, mungkin ada seorang pengerusi yang ada clout akan bantu DOE dan kementerian Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan tugasnya. Mungkin kalau melantik Tun Daim Zainudin yang menjadi pengkritik utama sekarang mengenai developer yang oleh kerana terlalu tamak, mengabaikan environment; mungkin boleh membantu tujuan keberkesanan mengenai environmental laws dan measures.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya harap ini sudah cukup oleh kerana saya sudah ambil masa yang panjang. Kalau Ahli Yang Berhormat berminat untuk membincang perkara ini,

kita boleh membincangkan perkara ini atas meja teh selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menimbulkan masalah pengurusan tapak pelupusan sampah di Jinjang. Jabatan Alam Sekitar telah memberi bantuan dan arahan kepada pihak berkuasa tempatan. Masalah yang kompleks ini akan dapat diatasi apabila pengurusan pelupusannya diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga menimbulkan pencemaran sungai seperti Sungai Penchala. Masalah utama pencemaran sungai ini adalah disebabkan pelupusan sampah-sarap dan kumbahan. Masalah sampah-sarap akan dapat diselesaikan dengan terlaksananya projek penswastakan pengurusan sampah-sarap, manakala masalah kumbahan pula sedang diuruskan oleh Konsortium Indah Water.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menimbulkan masalah, bolehkah penswastakan penguatkuasaan alam sekitar menyelesaikan masalah pencemaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sehingga kini belum bercadang menswastakan kerja-kerja penguatkuasaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menimbulkan pengurusan prosedur EIA. Sukacita saya terangkan, saya mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri akan berhati-hati sekiranya bercadang melaksanakan prosedur EIA. Ini tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan bahawa pemeliharaan semula jadi adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mencadangkan agar masukkan Audit Alam Sekeliling ke dalam Akta Syarikat. Audit

Alam Sekeliling sebenarnya akan mewajibkan supaya premis tertentu melaporkan pematuhannya. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan saya bincang dengan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menimbulkan masalah pemeliharaan hutan bakau. Isu pemeliharaan hutan bakau adalah di bawah bidang kuasa Akta Perhutanan Negara 1985 dan tidak di bawah kementerian saya. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar akan selalu bersedia untuk memberi perhatian berat dan juga memberi kerjasama di mana-mana yang diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Jerantut menimbulkan masalah pencemaran oleh pembinaan jalan raya, Lebuhraya Karak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembinaan jalan raya atau Lebuhraya Karak tidak atas EIA kerana projek itu bermula sebelum perintah EIA berkuatkuasa. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar telah memberi nasihat kepada pemaju atau syarikat yang berkenaan projek ini supaya mengambil langkah-langkah pencegahan alam sekitar dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerantut juga menimbulkan masalah hakisan sungai. Masalah ini adalah sedang diuruskan oleh kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Pertanian. Kementerian saya memang ada memberi kerjasama kepada kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerantut juga menimbulkan masalah pemberitahuan indeks kualiti udara kepada umum. Indeks kualiti udara sentiasa ditentukan setiap hari oleh Jabatan Alam Sekitar bukan sahaja di Kuala Lumpur, malah di bandar-bandar besar yang lain. Nilai indeks ini sentiasa

diberikan kepada media massa untuk disebarkan kepada orang ramai. Malangnya media massa hanya memaklumkan pada waktu jerebu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerantut juga menimbulkan masalah mengenai asap hitam dan Kempen Penguatkuasaan. Kempen Penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar sedang ditingkatkan. Selain daripada itu beberapa peraturan baru untuk mengawal pencemaran dari kenderaan telah disediakan dan dalam pertimbangan kerajaan untuk dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Jerantut juga menimbulkan masalah mengenai pemasangan PH meter dan lain-lain alat untuk mengawal pelepasan oleh industri. Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling ini membolehkan Jabatan Alam Sekitar mengarahkan pihak pekilang-pekilang memasang alat-alat sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jerantut.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah menimbulkan pencemaran di Sungai Skudai. Jabatan Alam Sekitar sedang dan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas kilang-kilang yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling. Undang-undang yang sedia ada memang memerlukan pihak pekilang mengemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar, quality effluent dari masa ke semasa. Tindakan undang-undang sedang dan akan diambil terhadap kilang-kilang di mana mereka tidak mematuhi peraturan-peraturan yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga menimbulkan masalah perintah larangan sama ada perlu dapat kebenaran mahkamah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah pindaan ini Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan ketua pengarah yang telah mendapat

kelulusan dari menteri tidak perlu mendapat kebenaran mahkamah untuk melarang operasi kilang.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga menimbulkan masalah mengenai apakah rancangan pengurusan pembuangan toksik yang berbahaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memberikan hak eksklusif kepada Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. untuk berdiri dan mengoperasi kemudahan pengolahan dan pelupusan bahan berjadual di Negeri Sembilan.

Sehingga Mac 1996 Kualiti Alam Sdn. Bhd. telah pun siap menjalankan kerja-kerja tanah dan jalan masuk ke tapak projek dan Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. dijangka akan mula menerima buangan pada bulan Ogos ini dan saya pula dijangka akan menemui kedua-dua pihak mengenai pengambilan tanah pada hari Sabtu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah menimbulkan beberapa masalah yang di antaranya telah dijawab oleh saya dan hanya satu iaitu tol di Selat Melaka ini. Oleh kerana perkara ini tertakluk kepada MAMPU atau antarabangsa ini mungkin menimbulkan masalah kerana Malaysia tidak ada mempunyai kuasa untuk mengenakan tol ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan dan memberikan teguran dan syor-syor dan ulasan yang begitu membina dan sangat berguna.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan sukacita saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini, bahawa adanya undang-undang sahaja tanpa penguatkuasaan tidak mencukupi. Adalah menjadi tanggungjawab semua terutamanya pemimpin-pemimpin politik untuk

memimpin dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan semua rakyat. Kita juga perlu berusaha memupuk kesedaran di kalangan generasi muda terutamanya anak-anak yang masih di bangku sekolah tentang kepentingan melindungi alam sekitar, supaya ianya menjadi satu kelaziman kehidupan mereka.

Dalam hal ini, apabila Pelan Induk Kesedaran Alam Sekitar yang sedang dirumuskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar siap, saya menaruh harapan akan mendapat sokongan dan kerjasama semua. Kesedaran sahaja tidak mencukupi. Yang penting adalah komitmen dan azam oleh semua pihak.

Di akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberi pandangan dan ulasan kepada rang undang-undang ini dan seterusnya menyokong ianya diluluskan. Kepada persoalan-persoalan yang tidak dapat saya beri maklum balas, saya telah pun mencatatkannya dan akan memberi perhatian sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 34—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pendek sahaja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenai Fasal 16 yang bertujuan memasukkan seksyen baru 30A dan 30B. Seksyen 30A bertujuan untuk memberikan menteri kuasa selepas berunding dengan Majlis, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa benda sebagai benda berbahaya kepada alam sekeliling dan apa-apa keluaran sebagai keluaran yang ditetapkan. Apa-apa perintah yang dibuat bagi maksud ini bagi menyatakan kaedah-kaedah tentang penggunaan, rekabentuk dan pemakaian label yang berkaitan dengan penjualan benda atau keluaran yang diperakukan sebagai tidak memudaratkan alam sekeliling.

Seksyen 30B bertujuan memberikan menteri kuasa, setelah berunding dengan Majlis, untuk menyatakan garis panduan dan prosedur mengenai skim deposit dan rebet bagi keluaran yang dianggap memudaratkan alam sekeliling dan yang menyebabkan kekangan bertentangan kepada alam sekeliling berkaitan dengan pelupusannya.

Tuan Pengerusi, maksud saya ialah saya tidak nampak ada jadual untuk menerangkan benda-benda yang berbahaya di dalam rang undang-undang. Biasanya ada satu jadual yang mengatakan inilah benda-benda yang berbahaya yang tak patut digunakan ataupun patut disimpan dengan baik-baik dan sebagainya. Tetapi saya tidak nampak kerana ini memang satu kuasa kadangkala diperlukan. Tetapi memanglah walaupun saya hendak menyaksikan penguatkuasaan yang lebih berkesan, saya pun bimbang kerana kuasa yang besar diberikan kepada menteri. Dan kalau tidak ada garis panduan yang tertentu, jadual yang tertentu, mungkin kuasa ini boleh disalahgunakan.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mewujudkan satu jadual atau buangan terjadual. Ini berertinya di dalam fasal ini. Selain daripada itu, juga saya sebagai menteri yang bertanggungjawab di bawah undang-undang ini bukan sahaja boleh dibuat perintah ini dengan sewenang-wenangnya, hanya selepas rundingan atau dibincangkan dalam Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 23, ini bertujuan memasukkan satu Bahagian baru IVA untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan pergerakan antara sempadan buangan terjadual, iaitu, buangan berbahaya, dan pelupusannya menurut peruntukan "Konvensyen Basel mengenai Pengawasan Pergerakan antara Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya" yang dipersetujui oleh Malaysia pada 8hb. Oktober 1993 dan yang berkuatkuasa mulai daripada 6hb. Januari 1994.

Tuan Pengerusi, kerana saya pun tidak begitu memahami mengenai "Konvensyen Basel". Saya tidak pernah baca daripada akhbar mengenai Konvensyen Basel. Apakah yang dimaksudkan dengan Konvensyen Basel ini, kerana peruntukan-peruntukan ini tidak tercatat di dalam rang undang-undang.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Pengerusi, Konvensyen Basel ini telah lama wujud dan telah mengadakan dua conference of party dua kali. Saya sendiri pun hadir di Geneva. Kalau Ahli Yang Berhormat berminat untuk membaca apakah Konvensyen Basel ini, saya boleh menyampaikan satu salinan kepada Ahli Yang Berhormat untuk dibaca buat apa kandungannya. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.18 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang keduanya sekarang.

Sebagaimana yang dimaklumi, ABIK mula berkuatkuasa pada 1hb. Oktober 1989, menggantikan Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969. ABIK mengandungi peruntukan undang-undang yang komprehensif bagi pengawal seliaan institusi-institusi kewangan. Sejak ABIK mula berkuatkuasa, Bank Negara telah berjaya melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya sebagai pengawalselia institusi-institusi kewangan secara berkesan dan sempurna.

Setelah enam tahun ABIK berkuatkuasa, ianya kini perlu dipinda untuk memastikan rejim pengawalseliaan perbankan negara ini selari dengan arus pembangunan negara dan dunia dan tidak ketinggalan zaman.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini pada amnya adalah suatu usaha untuk mengemakinkan beberapa peruntukan akta yang sedia ada supaya selaras dengan perkembangan produk-produk kewangan seperti suratcara terbitan dan juga selaras dengan kepesatan pembangunan ekonomi

negara serta dasar kerapian. Di samping itu beberapa peruntukan ABIK yang kurang jelas yang telah menimbulkan masalah praktikal perlu diperkemas dan diperbaiki untuk memastikan keberkesanan ABIK. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan tafsiran dan hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan institusi-institusi kewangan berlesen serta mempertingkatkan bahasa teks Bahasa Melayu ABIK. Bank Negara yang bertanggungjawab menguatkuasakan ABIK berpendapat bahawa peruntukan undang-undang yang kemas dan jelas adalah penting bagi memastikan industri perbankan negara terus bergerak dengan licin dan pesat. Dengan itu, pembetulan wajar ke atas peruntukan-peruntukan yang kurang kemas itu adalah perlu bagi membolehkan penguatkuasaan ABIK berjalan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah perlu untuk:

- (i) memastikan supaya peruntukan-peruntukan ABIK adalah seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global serta sejajar dengan pengalaman Bank Negara dalam melaksanakan tugas-tugas penyaliaannya;
- (ii) menyelesaikan beberapa kesulitan pentafsiran yang timbul semasa pelaksanaan ABIK semenjak 1989;
- (iii) mengeluarkan peruntukan ABIK yang lapuk setelah tamatnya tempoh bagi perbadanan tempatan bank-bank asing serta pendaftaran institusi-institusi terjadual yang sedia ada semasa ABIK berkuatkuasa;
- (iv) mempertingkatkan bahasa teks Bahasa Melayu ABIK;
- (v) memperkemas dan menyelaraskan prosedur penyiasatan di bawah ABIK;
- (vi) membenarkan institusi-institusi berlesen yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan asing beroperasi di bawah ABIK;
- (vii) mempertingkatkan pelaksanaan perniagaan perbankan Islam dan kewangan Islam oleh institusi-institusi berlesen serta menubuhkan Majlis Penasihat Syariah untuk menasihatkan institusi berlesen yang menjalankan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF);
- (viii) memperluaskan ruang skop perniagaan syarikat kewangan secara retrospektif supaya meliputi perniagaan pemajakan dan pemberian kemudahan kredit.
- (ix) melanjutkan pemakaian peruntukan perahsiaan ABIK ke atas biro luaran dan agen yang digunakan perkhidmatannya oleh institusi berlesen;
- (x) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memegang kepentingan dalam syer dalam sesuatu institusi berlesen boleh diwajibkan untuk mengisytiharkan butir-butir pegangan syernya;
- (xi) memperuntukkan bahawa kebenaran untuk memegang kepentingan dalam syer lebih daripada had statutori ABIK boleh diluluskan secara administratif oleh Menteri dan tidak lagi perlu diwartakan;
- (xii) memperjelaskan penggunaan sahik kumpulan wang rizab yang diperlukan diadakan oleh institusi-institusi berlesen;
- (xiii) memperuntukkan bahawa Bank Negara dengan kelulusan Menteri boleh membuat peraturan-peraturan atau

larangan terhadap penyediaan pembiayaan, perkhidmatan bank, perkhidmatan pembayaran dan perkhidmatan pengiriman wang oleh mana-mana orang yang bukan suatu institusi berlesen;

- (xiv) memperuntukkan bahawa Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dengan kelulusan Menteri, untuk menyelia, mengawal, menghad atau melarang penerbitan, pemerolehan, pegangan atau penjualan suratcara terbitan oleh suatu institusi berlesen dan untuk meminda takrif suratcara terbitan kewangan melalui notis yang diwartakan; dan
- (xv) memperuntukkan bahawa Bank Negara mempunyai kuasa untuk menyelia dengan izin Menteri, bagi tujuan mengenakan kewajipan, tanggungan, tanggungjawab, sekatan, batasan, pencegahan atau hukuman atau memberi kelayakan, hak, keistimewaan, faedah atau jaminan kepada pengarah, pegawai ataupun pemegang syer syarikat pegangan kepada suatu institusi berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa pindaan utama yang dicadangkan:

- (i) *Fasal 2(1)(xi)* bertujuan mengadakan takrif baru bagi "sekuriti". Takrif ini adalah dikehendaki untuk memberi Bank Negara kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk mengawal pembiayaan sekuriti oleh institusi-institusi kewangan.
- (ii) *Fasal 2(1)(b)* bertujuan meminda subseksyen 2(4) untuk

mengadakan peruntukan bagi larangan terhadap pengemukaan, pengadaan atau penyediaan maklumat yang palsu atau mengelirukan kepada Bank Negara. Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta jika berbuat demikian.

- (iii) *Fasal 2(1)(c)* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengubah, memotong, menambah, menggantikan atau selainnya meminda takrif "deposit" atau "suratcara terbitan";
- (iv) *Fasal 2(1)(d)* bertujuan memasukan subseksyen baru (7) berkenaan dengan takrif "suratcara terbitan" atau "derivative instrument". Takrif ini dikehendaki kerana terdapat cadangan pindaan bahawa Bank Negara diberikuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan perniagaan suratcara terbitan oleh institusi-institusi kewangan.
- (v) *Fasal 2(2)* bertujuan memberi kuatkuasa kebelakangan kepada takrif baru "perniagaan syarikat kewangan" di bawah Fasal 2(1)(a)(ix). Takrif baru ini merangkumi antara lain perniagaan 'block discounting' yang lazim dijalankan oleh syarikat-syarikat kewangan.
- (vi) *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen 7(3) untuk menjelaskan bahawa apabila lesen sesuatu institusi berlesen telah dibatalkan, institusi itu boleh merayu terhadap keputusan itu dalam masa 14 hari daripada penyampaian keputusan itu kepadanya di bawah subseksyen 10(3) atau dalam masa 14 hari daripada pengesahan pembatalan lesen itu di bawah subseksyen 11(5) dimaklumkan kepadanya.

- (vii) *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 14 untuk membolehkan institusi kewangan yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan asing atau agensinya ditubuhkan atau beroperasi di Malaysia.
- (viii) *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 19 untuk memperuntukkan antara lain bahawa kelulusan Bank Negara Malaysia hendaklah diperolehi sebelum menjalankan perniagaan kredit tanda.
- (ix) *Fasal 10(a)* bertujuan meminda seksyen 24 untuk membolehkan penyiasatan segera ke atas institusi terjadual atau pejabat perwakilan institusi asing yang melanggar peruntukan Akta tanpa Menteri perluewartakan suatu perintah di bawah seksyen tersebut.
- (x) *Fasal 17* bertujuan memasukkan subseksyen baru 36(3) dan (4) untuk memperuntukkan bahawa kumpulan wang rizab yang perlu disenggarakan oleh sesuatu institusi berlesen di bawah seksyen 36 boleh digunakan bagi penerbitan syer bonus tetapi tidak boleh digunakan bagi pembayaran dividen atau pembahagian sebagai modal.
- (xi) *Fasal 19(b)* bertujuan meminda subseksyen 38(5) untuk membolehkan bank melarang pemberian kemudahan kredit oleh institusi-institusi berlesen apabila keperluan mengenai kecairan tidak dipatuhi oleh institusi itu.
- (xii) *Fasal 20* bertujuan meminda perenggan 40(15(a) dan (b) untuk mewajibkan juruaudit sesuatu institusi berlesen untuk melaporkan hanya kesalahan berkaitan dengan ketidakjujuran atau fraud serta apa-apa kerugian

yang mengurangkan wang modal sesuatu institusi berlesen itu setakat mana ianya tidak lagi berupaya memenuhi Kadar Kecukupan Modal sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara.

- (xiii) *Fasal 24(c)* bertujuan meminda subseksyen 46(1) untuk membolehkan Menteri meluluskan pengecualian bagi pegangan maksimum yang dibenarkan dalam institusi-institusi kewangan secara pentadbiran.

Fasal 24(d) bertujuan memasukkan subseksyen baru (5), (6) dan (7). Subseksyen (5) memasukkan suatu keperluan baru yang menghendaki pemegang syer memberitahu Bank Negara mengenai pelupusan kepentingan dalam syer jika pegangan lebih 10% bagi individu atau 20% bagi korporat dalam sesuatu institusi berlesen. Subseksyen (6) dan (7) baru memberi kuasa kepada Bank Negara untuk meminta mana-mana orang untuk menyerahkan maklumat tentang pegangan kepentingan dalam syer dalam sesuatu institusi berlesen.

- (xiv) *Fasal 31(a)* bertujuan meminda perenggan 56(1)(b) untuk menghadkan takrif "kesalahan" dalam perenggan ini supaya merangkumi hanya kesalahan yang berkaitan dengan 'fraud', ketidakjujuran atau keganasan.
- (xv) *Fasal 31(c)* bertujuan meminda subseksyen 56(2) untuk menjelaskan bahawa seseorang yang hilang kelayakan di bawah perenggan 56(1)(e) boleh dilantik atau dipilih, atau terus memegang jawatannya sebagai pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang berkaitan dengan pengurusan institusi

- berlesen itu jika Menteri berpuas hati bahawa dia memenuhi kriteria berkenaan dengan orang yang layak dan sesuai yang dinyatakan dalam perenggan (1) Jadual Kedua.
- (xvi) *Fasal 33* bertujuan meminda seksyen 60 untuk menjelaskan bahawa larangan terhadap bank memberi kemudahan kredit tanpa cagaran kepada perbadanan berkaitannya adalah tidak terpakai jika perbadanan itu adalah institusi berlesen atau orang-orang yang terlibat dalam penyediaan pembiayaan yang diluluskan oleh Bank.
- (xvii) *Fasal 39(c)* bertujuan meminda seksyen 66 untuk memperluaskan skop pengawalseliaan pelaburan institusi berlesen.
- (xviii) *Fasal 40* bertujuan meminda seksyen 67 untuk memperluaskan skop seksyen ini supaya meliputi sekuriti dan suratcara terbitan dan penerimaan suratcara tersebut sebagai cagaran.
- (xix) *Fasal 47* bertujuan untuk meminda seksyen 83 untuk memasukkan subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) untuk mengadakan peruntukan bagi penyediaan senarai pengeledahan dan prosedur yang hendaklah diikuti bagi pelepasan harta yang disita.
- (xx) *Fasal 49(b)* bertujuan meminda subseksyen 87(6) untuk memperbaiki pelaksanaan subseksyen itu supaya pegawai penyiasat tidak perlu merekodkan dalam tulisannya sendiri akan pemeriksaan orang yang disyaki melakukan kesalahan.
- (xxi) *Fasal 50(b)* bertujuan meminda seksyen 91 untuk memperluaskan skop Bahagian XII supaya meliputi institusi tak terjadual yang terlibat dalam perniagaan sewa beli.
- (xxii) *Fasal 51* bertujuan meminda seksyen 93 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu institusi tidak terjadual yang melakukan kesalahan di bawah akta boleh disiasat tanpa perintah Menteri di bawah seksyen 93.
- (xxiii) *Fasal 52* bertujuan meminda seksyen 95 untuk memotong perkataan-perkataan "selain daripada Perlembagaan". Perkataan-perkataan ini tidak diperlukan kerana sudah sedia jelas bahawa Perlembagaan adalah undang-undang utama Persekutuan dan bahawa mana-mana undang-undang yang tak konsisten dengannya adalah tak sah setakat ketidakkonsistenan itu.
- (xxiv) *Fasal 53* bertujuan meminda seksyen 97 untuk memperluaskan pemakaian seksyen ini ke atas biro luaran atau ejen yang dilantik oleh sesuatu institusi berlesen.
- (xxv) *Fasal 54* bertujuan memperluaskan skop seksyen 99 dan untuk memperuntukkan Bank Negara dengan kuasa statutori untuk membenarkan pendedahan di bawah seksyen tersebut. Perenggan (f) yang baru bertujuan membenarkan pendedahan maklumat kepada biro luaran atau ejen yang ditubuhkan atau dilantik oleh sesuatu institusi berlesen.
- Fasal 54(b)* dan (c) bertujuan meminda perenggan 99(1)(h) dengan menjadikannya dua perenggan yang berasingan, iaitu perenggan (h) dan (i), untuk mengadakan peruntukan berasingan bagi dua perkara yang tidak berkaitan.

- (xxvi) *Fasal 58(a) dan (b)* bertujuan meminda seksyen 113 untuk membolehkan maklumat yang diperolehi di bawah seksyen 113 digunakan bagi maksud Biro Kredit Pusat.
- (xxvii) *Fasal 61(a) dan (c)* bertujuan meminda seksyen 116 untuk memperuntukkan bahawa Bank boleh membuat peraturan-peraturan tentang pemberian kemudahan kredit oleh sesuatu institusi berlesen bagi pembiayaan suratcara terbitan atau pemerolehan atau pegangan apa-apa aset lain yang ditetapkan oleh Bank Negara. Kuasa membuat peraturan adalah dicadangkan juga berkenaan dengan sistem pembayaran dan perkhidmatan perbankan yang dikendalikan oleh institusi bukan kewangan dan juga berkenaan aktiviti dan pegawai syarikat pegangan institusi berlesen.
- (xxviii) *Fasal 66* bertujuan meminda seksyen 124 untuk mengesahkan perniagaan Bank Islam dan kewangan Islam yang dijalankan oleh institusi berlesen dan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Syariah.

Pada keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah pindaan-pindaan yang bertujuan untuk memastikan regim perbankan negara seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global dan untuk memperkemas lagi peruntukan-peruntukan ABIK. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu juga akan membolehkan Bank Negara menguatkuasakan ABIK dengan lebih berkesan dengan mengambilkira perkembangan ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kita kesuntukan masa, saya tidak menghadkan sekarang. Saya ingin tahu berapa Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian berbahas? 3 orang. Kalau bolehlah, seboleh-bolehnya diminta 20 minit seorang dan saya boleh longgarkan. Sila Kota Melaka.

8.39 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang Rang Undang-undang BAFIA yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah pihak menteri telah menggunakan kuasanya untuk mengecualikan pemilik-pemilik pegangan ekuiti dalam bank-bank dan juga institusi kewangan daripada had 5% sepertimana yang ditetapkan dalam Rang Undang-undang BAFIA. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan yang terlibat dan juga bilangan bank-bank dan institusi kewangan di mana telah memperolehi pengecualian oleh Menteri Kewangan dan juga tujuan mengapa kuasa pengecualian seperti ini digunakan? Kerana kalau kuasa pengecualian ini digunakan dengan begitu

meluas, ia akan menggagalkan usaha peruntukan ini diperkenalkan dalam rang Undang-undang asal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga berasa amat kesal dengan kegagalan pihak Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara Malaysia yang gagal membela nasib pelabur-pelabur dalam pasaran modal dengan melaksanakan tugas penguatkuasaan khususnya pengguna-pengguna kecil. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, terdapat beberapa buah bank yang menceburi dalam bidang mendagangkan ataupun dengan izin, trading in shares, mendagangkan saham bagi pihak pelanggan-pelanggan mereka dan sungguh pun bank-bank ini menjalankan kegiatan ini timbul juga tandatanya sama ada mereka berhak untuk berbuat demikian. Tentu sekali dari segi exempt dealers licence yang mereka perolehi, saya rasa timbullah tandatanya apakah kedudukan sebenarnya memandangkan pada suatu masa Hock Hwa Bank pernah didakwa dan dituduh kerana melibatkan diri dalam memperdagangkan saham secara haram.

Saya ingin menimbulkan satu kes di mana sungguh pun Bank Negara Malaysia telah membenarkan dan diberi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas bank-bank yang terlibat dalam perdagangan saham bagi pihak pelanggan mereka, ia nampaknya jarang menguatkuasakan kuasanya ke atas bank-bank bagi pihak pengguna. Saya ingin menyebut satu kes yang melibatkan seorang pelanggan Mayban Berhad, Cawangan Jalan Munshi Abdullah, Melaka iaitu pelanggan yang bernama Puan Koh Lay Bin dari Muar, di mana beliau menjadi seorang mangsa penipuan perdagangan saham oleh cawangan Mayban Berhad tersebut dan kini menuntut bahawa Fixed Deposit Receiptnya sebanyak RM150,000 dipulangkan tetapi masih ditahan oleh Mayban Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Koh telah diberikan satu surat tawaran oleh Mayban Berhad Cawangan Jalan Munshi Abdullah, Melaka untuk membuka, dengan izin, leverage trading account facility pada 10hb Januari 1994. Cagarannya ialah simpanan tetap atau fixed deposit resit no. 204012104157 sebanyak RM150,000. Surat tawaran membuka leverage trading account facility telah dipersetujui oleh Puan Koh dan ditandatangani pada 10hb Januari 1994 di pejabat bank tersebut.

Puan Koh telah membuat pesanan saham pertama kali kepada pegawai Mayban Berhad menerusi telefon pada 17hb Januari 1994 untuk 7,000 saham Gopeng Berhad setakat harga RM24 sesaham. Beliau dimaklumkan oleh pegawai bank bahawa 7,000 saham Gopeng Berhad telah dibeli dengan harga RM24 sesaham pada waktu petang hari yang sama. Puan Koh tidak mengarahkan Mayban Berhad membeli lain-lain saham kecuali Gopeng Berhad sahaja. Selepasnya Puan Koh tidak menerima sebarang notis atau makluman dari pihak bank sehingga 25hb Julai 1994, sungguh pun telah memintanya berkali-kali. Pada 25hb Julai 1994 beliau dikejutkan oleh pegawai Mayban Berhad bahawa saham-sahamnya telah dijual secara paksa dan FDR sebanyak RM150,000, dengan izin, up-lifted, sekiranya hutangnya untuk pembelian saham berikut tidak dibereskan iaitu,

- (i) 7,000 saham Gopeng Berhad sebanyak RM30.50 pada 6hb Januari 1994 untuk RM216,062.75.
- (ii) 4,000 saham Faber Berhad sebanyak RM4.28 sesaham pada 7hb Januari 1994 untuk RM17,326.
- (iii) 9,000 saham FAP Berhad sebanyak RM6.00 sesaham pada 7hb Januari 1994 untuk RM54,648.

Semua saham-saham ini, Tuan Yang di-Pertua, telah dibeli sebelum

10hb Januari 1994 iaitu sebelum tarikh surat perjanjian leverage trading account facility ditandatangani oleh Puan Koh.

Puan Koh menafikan dengan sekeras-kerasnya telah membeli dan memesan saham-saham tersebut. Mustahil, Mayban Berhad boleh membeli 20,000 saham Gopeng, Faber dan FAP Berhad sebanyak RM288,037.51 untuk Puan Koh sebelum surat perjanjian bertarikh 10hb Januari 1994 diberikan oleh Mayban Berhad dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak, malah pembelian saham selepas surat perjanjian ditandatangani pada 10hb Januari 1994 diakui sendiri oleh Pengurus Mayban Berhad iaitu Encik Sardi bin Sham dalam satu surat bertarikh 9hb Ogos 1994 seperti berikut:

"After signing the Letter of Offer, you have requested our credit officer to purchase the stated shares"

Memandangkan bahawa surat tawaran hanya diberikan dan ditandatangani pada 10hb Januari 1994, adalah jelas saham-saham Gopeng, FAP dan Faber yang dibeli sebelum 10hb Januari 1994 tidak dipesan oleh Puan Koh. Adalah disyakki saham ini tersalah beli oleh Mayban Berhad untuk orang tertentu dan kemudiannya cuba dialihkan secara paksa kepada Puan Koh. Contohnya, dalam satu contract note mengenai pembelian 7,000 saham Gopeng pada 6hb Januari 1994, nama Ahli Exco Negeri Melaka pada masa itu iaitu Yang Berhormat Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam tertulis di dalamnya sebanyak dua kali yang kemudiannya dibatalkan dan digantikan dengan nama Puan Koh. Dengan kata lain, Mayban Berhad cuba memaksa Puan Koh menelan kos pembelian saham tersebut bagi pihak orang lain.

Oleh kerana Puan Koh enggan membayar untuk RM20,000 saham Gopeng Berhad, FAP Berhad dan Faber Berhad yang tidak dibeli olehnya, Fixed

Deposit Receiptnya sebanyak RM150,000 telah di 'up-lifted' atau dirampas oleh Mayban Berhad.

Adalah sungguh tidak profesional dan tidak adil Mayban Berhad bertindak demikian dan tanpa memberikan Puan Koh sebarang penyata atau debit advice mengenai kiraan faedah dan lain-lain. Ini bercanggah dengan amalan bank di mana kos tidak boleh dikenakan sesuka hati tanpa dimaklumkan kepada pelanggan bank. Kesemua yang disebutkan di atas boleh dirujukkan kepada salinan dokumen yang disahkan oleh pihak peguam.

Selepas perkara ini dirujukkan dengan Bank Negara Malaysia, Mayban Berhad menawarkan untuk menyelesaikan perkara ini dengan membatalkan tuntutan pembelian 4,000 saham Faber Berhad dan 9,000 saham FAP Berhad dengan syarat Puan Koh mesti membayar kos 7,000 saham Gopeng Berhad dengan harga RM24 sesaham. Ini menunjukkan bahawa Mayban Berhad sendiri telah mengakui mereka telah melakukan satu kesalahan dan bahawa mengenakan bayaran untuk 13,000 saham FAP Berhad dan Faber Berhad adalah tidak munasabah. Sungguh pun begitu, tidak ada contract note yang diberikan oleh Mayban Berhad kepada Puan Koh sama ada untuk Gopeng Berhad yang dipesan selepas surat perjanjian ditandatangani atau untuk Faber Berhad dan FAP Berhad. Jelas, kerana ia dibeli sebelum dia menandatangani surat perjanjian.

Kejadian atau pembelian seperti ini tidak mungkin berlaku. Dengan kata lain, Mayban Berhad mengakui bahawa saham-saham tersebut tidak dipesan oleh Puan Koh tetapi masih berdegil. Beliau mesti menanggung sebahagian kos kerugian akibat satu kesilapan oleh Mayban Berhad sendiri, bukan oleh Puan Koh.

Tuan Yang di-Pertua, yang mengejutkan ialah Bank Negara Malaysia bersetuju

dengan penyelesaian seperti ini dalam surat-surat bertarikh 16hb Mei, 1995 dan 12hb Jun, 1995. Ini tidak boleh diterima kerana pesanan 7,000 saham Gopeng Berhad pada 17hb Januari, 1994 oleh Puan Koh tidak dibeli langsung oleh Maybank Berhad. Sehingga hari ini Maybank Berhad tidak dapat mengeluarkan contract note pembelian 7,000 saham Gopeng Berhad dengan harga RM24 sesaham pada 17hb Januari 1994 tetapi memaksanya menerima contract note yang dibeli sebelum surat perjanjian ditandatangani iaitu pembelian pada 6hb Januari, 1994. Sebaliknya contract note bernilai 7,000 saham Gopeng Berhad sebanyak RM30.50 sesaham pada 6hb Januari, 1994 ditunjukkan iaitu sebelum surat perjanjian ditandatangani pada 10hb Januari 1994.

Ia juga menunjukkan kegagalan Bank Negara menjalankan tanggungjawabnya menegakkan keadilan dan undang-undang melindungi simangsa demi menutup penyelewengan yang dilakukan oleh Maybank Berhad. Justeru itu, Maybank tidak berhak langsung memaksa Puan Koh membayar satu sen pun untuk saham-saham yang dibeli olehnya.

Maybank Berhad juga bertindak salah dengan merampas fixed depositnya sebanyak RM150,000. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak kementerian boleh memberikan keadilan kepada seorang suri rumah biasa yang mempunyai 5 orang anak dengan memaksa Maybank Berhad memulangkan wang simpanan sepanjang hayatnya sebanyak RM150,000 bersama dengan wang ganti rugi serta mengambil tindakan keras ke atas Maybank Berhad dan pegawai-pegawainya yang terlibat dalam penipuan ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pernah berjanji Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan boleh mengimbangi kelebihan atau kuasa tawaran tidak adil atau unfair

bargaining power, dengan izin, yang dinikmati oleh bank-bank ke atas pelanggan mereka. Bank-bank dengan sumber kewangannya yang banyak serta pakar pengurusan akauntan mampu menolak sebarang tuntutan oleh pelanggan-pelanggan kecil. Pada masa yang sama, Maybank telah melakukan satu kesalahan dengan menjual beli saham atau berdagang dalam saham tidak berlesen pada masa itu.

Akan tetapi, nampaknya tidak ada sebarang tindakan diambil sungguhpun Hock Hwa Bank Berhad telah didakwa di mahkamah kerana kesalahan yang sama tetapi dianggap lebih ringan daripada apa yang dilakukan oleh Maybank. Double standard seperti ini hanya menunjukkan tahap Bank Negara rela menyalahi undang-undang demi menutup skandal penyelewengan Maybank. Ia juga menunjukkan bahawa Maybank Berhad memiliki keistimewaan undang-undang, lebih-lebih lagi bila kedua-dua Gabenor Bank Negara yang sekarang dan yang lepas merupakan Chief Executive Officer (CEO) Maybank Berhad sebelum ini.

Kegagalan Bank Negara mengambil tindakan hanya menunjukkan ketidakadilan dan biasness kepada Maybank, bukan sahaja mengorbankan kredibiliti dan integriti Bank Negara, tetapi juga kepentingan pengguna-pengguna biasa. Macam mana kerajaan akan berjaya meyakinkan pelabur-pelabur asing bahawa prosedur kewangan adalah telus, bebas dan adil? Perlu diingatkan bahawa kes ini merupakan ujian atau test case komitmen Menteri Kewangan dan Bank Negara membela nasib pengguna biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya pihak kementerian tentang kedudukan arahan Menteri Kewangan kepada Bank Negara mengkaji syarikat-syarikat kewangan memulangkan lebihan kadar faedah 2% daripada kadar faedah pasaran kepada semua pembeli kereta

Proton baru. Ini dinyatakan oleh sepucuk surat oleh Setiausaha Sulit Dato' Seri Anwar, Encik Mohamad Ahmad dalam surat jawapannya pada 4hb Ogos, 1995.

Dalam surat saya yang bertarikh 30hb Julai 1995, saya telah menyatakan amaran Dato' Seri Anwar kepada semua syarikat kewangan agar mengenakan kadar faedah yang munasabah untuk pinjaman kereta jenis Proton baru dan bukan lebih daripada kadar faedah pasaran tidak akan berkesan kalau tidak disusuli dengan tindakan keras ke atas syarikat kewangan yang masih memakai amalan-amalan tidak sihat dan tidak beretika.

Syarikat kewangan mengenakan kadar faedah sebanyak 8% untuk pinjaman kereta Proton baru dan kereta lain pada masa itu 8%. Sungguhpun kadar faedah pasaran semasa adalah 6%, malah, kereta lama pun dipinjam dengan kadar faedah 6%. Sungguhpun selepas itu telah dikurangkan kepada 7%, tetapi sepatutnya dikurangkan kepada 6%. Mengapakah pihak kementerian tidak memaksa syarikat kewangan ini mengurangkannya terus kepada 6% kalau hendak membela nasib pengguna-pengguna kecil atau biasa?

Sepatutnya, kadar faedah untuk pinjaman kereta baru kurang daripada 6% memandangkan kereta lama boleh dipinjam dengan kadar 6%. Sebaliknya, kadar faedah lebih tinggi ini dikenakan. Keadaan sedemikian wujud kerana syarikat kewangan panel Proton mempunyai monopoli. Permintaan besar kereta Proton membolehkan pembeli kereta Proton dipaksa mengambil pinjaman 8% pada tahun lepas dan 7% sekarang kalau ingin mendapatkan kereta dengan cepat. Justeru itu, timbul keadaan ganjil di mana kadar faedah untuk pinjaman kereta adalah jauh lebih tinggi daripada kadar faedah pinjaman untuk kereta lama.

Yang lagi teruk ialah untuk peminjam-peminjam kereta Proton yang meminjam

sebelum EON mengurangkan kadar faedah daripada 8% kepada 7% tidak dapat menikmati pengurangan ini dan tetap dipaksa membayar kadar 8%. Saya tidak faham mengapa pihak kerajaan masih tidak mahu bertindak dalam perkara ini untuk memastikan pelanggan mendapat layanan yang adil. Kalau 7% dikenakan kepada pinjaman baru, maka untuk pinjaman lama, kadar yang sama juga harus dikenakan.

Tetapi, pokoknya, kalau kadar pasaran 6%, mengapa 6% tidak boleh dikenakan untuk pembeli kereta Proton? Di sini saya tidak nampak dan saya tidak faham macam mana kepentingan pengguna dibela oleh pihak kementerian dan Bank Negara kecuali Bank Negara nampaknya lebih suka membela nasib EON dan juga syarikat kewangan yang berkenaan. Ini adalah satu perbezaan yang amat ketara kerana kalau perbezaan 1% untuk pinjaman sebanyak RM40,000 dengan tempoh pinjaman selama 5 tahun, jumlah faedah yang perlu dibayar, kalau 8% setahun sepanjang 5 tahun, jumlah faedah yang perlu dibayar adalah RM16,000. Kalau kadar faedah adalah 6%, pengguna hanya perlu membayar jumlah faedah sebanyak RM12,000 atau perbezaan besar sebanyak RM4,000 dan 7% ialah sebanyak RM14,000 dengan perbezaan sebanyak RM2,000. Ini bermakna setiap 1% adalah perbezaan RM2,000. Ini satu perbezaan yang agak besar.

Di sini saya harap bahawa kementerian boleh mengatasi masalah ini kerana ini membabitkan bilangan pengguna yang sangat besar dalam negara kita dan adalah penting bahawa kementerian bukan sahaja memaksa pemulangan faedah kepada pinjaman untuk kereta lama yang dikenakan kadar 8%, tetapi juga memastikan kadar faedah pasaran dikenakan ke atas semua pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru di sini bahawa sudah tiba

masanya pihak kementerian mengkaji semula cara kiraan faedah oleh syarikat kewangan. Ini adalah kerana keuntungan sebelum cukai syarikat kewangan telah naik kepada RM1.5 bilion pada tahun 1995 berbanding dengan RM963.2 juta untuk tahun 1994.

Berdasarkan sebab bahawa keuntungan ini hanya boleh diperolehi kerana sokongan yang diberikan oleh para pelanggan, adalah sudah tiba masanya bahawa keuntungan besar ini disalurkan balik kepada para pelanggan dan di sini saya ingin mencadangkan bahawa syarikat kewangan menunjukkan penghargaan kepada pengguna yang menyokong mereka dengan menukarkan kiraan kadar faedah untuk pinjaman sewa beli berdasarkan kiraan bulanan daripada kadar rata (flat rate).

Untuk pinjaman sewa beli, kadar yang digunakan adalah flat rate di mana bayaran yang dibuat oleh pengguna tidak diambil kira dalam kiraan faedah yang perlu dibayar. Ini bermakna kalau saya meminjam RM10,000 dengan kadar faedah maksimum 10%, untuk tempoh masa lima tahun saya akan membayar RM5,000 tanpa mengira bahawa mungkin pada bayaran yang terakhir tidak sampai RM200 atau RM300. Saya rasa kiraan faedah semacam ini adalah sangat tidak adil kepada para pengguna. Sungguhpun nampaknya 7% atau 6% tetapi ini nominal interest rate. Real interest rate hampir dua kali ganda. Kalau 10% real interest ratenya 18%. Saya rasa kalau inilah perkiraan, ini merugikan para pengguna dan memandangkan bahawa syarikat kewangan pada keseluruhannya telah mencapai keuntungan yang sangat besar ini, saya rasa demi kepentingan pengguna biasa, kadar kiraan faedah mesti ditukar daripada flat rate kepada monthly rest iaitu bermakna kalau setiap bulan saya bayar, principal amount saya akan dikurangkan dan interest akan dikira semula berdasarkan amaun prinsipal baru

yang telah dikurangkan. Bukan seperti sekarang, faedah akan tetap dikira berdasarkan prinsipal asas iaitu RM10,000 yang saya pinjam pada awal tanpa mengira saya telah membayar mungkin separuh daripada principal amount itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ini satu Rang Undang-undang yang penting. Bolehkah saya minta lebih masa sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya beri Yang Berhormat sedikit masa tetapi saya mengingatkan bahawa kita ada satu Rang Undang-undang lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya faham. Saya faham tetapi ini satu Rang Undang-undang yang sangat....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau mengikut perkiraan saya kita tidak akan ada cukup masa.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hanya ada beberapa hujah sahaja. Oleh sebab itu, saya harap bahawa syarikat-syarikat kewangan boleh diarahkan untuk menukarkan kiraan faedah dan juga tentang bank-bank perdagangan. Keuntungan sebelum cukai bank perdagangan telah naik kepada RM4.8 bilion dalam tahun 1995 daripada RM3.9 bilion dalam tahun 1994 dan saya rasa dengan kenaikan keuntungan hampir 30% ini, bank-bank perdagangan tidak patut mengenakan bayaran perkhidmatan. No more service charge! Mengapa perlu kenakan service charge bila mereka sudah untung begitu besar? Saya rasa mereka patut menunjukkan tanggungjawab sosial dengan memastikan bahawa bayaran perkhidmatan yang dikenakan itu

dimansuhkan sama sekali dan juga untuk pinjaman bukan sahaja untuk rumah kos rendah tetapi untuk rumah kos sederhana. Saya harap bahawa pihak kementerian boleh mengarahkan bukan sahaja bank tetapi syarikat kewangan supaya memberikan subsidi untuk pinjaman rumah-rumah tersebut. Kalau kita hendak membantu golongan tidak berada, saya rasa itulah cara yang paling berkesan supaya mereka yang membeli rumah kos rendah dan rumah kos sederhana boleh menikmati kadar faedah yang telah disubsidikan oleh bank-bank tersebut dan sudah tiba masanya bahawa perkara ini diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya tentang garis panduan oleh Bank Negara Malaysia bahawa ahli-ahli politik tidak boleh melibatkan diri dalam bank-bank dan institusi kewangan. Setakat ini adakah ahli-ahli politik menyalahi atau bank-bank menyalahi arahan ini bahawa ahli politik tidak boleh menjadi ahli pengarah dalam bank dan kalau begitu apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dan bilakah juga BAFIA akan merangkumi semua institusi kewangan, semua bank termasuk Bank Islam, Bank Pertanian Malaysia, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional yang terlibat dalam aturcara (instrument) kewangan? Saya rasa kalau kita hendak satu sistem yang tuntas, yang telus dan juga menunjukkan komitmen, layanan adil dan sama rata kepada semua institusi kewangan, sudah tiba masanya bahawa rang undang-undang ini boleh dikenakan kepada bank-bank dan institusi-institusi tersebut.

Dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa Bank Negara Malaysia boleh menguruskan perniagaan sektor kewangan ini dengan baik kerana apa yang berlaku dengan defisit kewangan, sektor perkhidmatan merupakan satu sektor yang amat penting. Saya rasa mungkin pada tahun ini, tahun pertama, di mana basic balance negara kita telah

mengalami defisit yang agak besar. Saya rasa mungkin sampai RM4 bilion dan di mana peratus merupakan peratus dengan izin, retail import, sebanyak 4 bulan berbanding dengan 5.3 bulan pada 1994 dan 7.8 bulan pada 1993.

Basic balance deficit sebanyak RM4.4 bilion ini saya rasa belum pernah dialami oleh negara kita dalam masa yang begitu lama dan sungguhpun kita mengalami defisit akaun yang besar RM17.8 bilion, tetapi kalau basic balance kita masih positif, ini tidak begitu mencurigakan. Tetapi apa yang berlaku dalam tahun ini ialah basic balance ialah negatif - RM4.4 bilion defisit di mana Bank Negara Malaysia terpaksa mengeluarkan, international reserve mereka untuk menampung kekurangan ini. Saya harap bahawa pihak kementerian dan Bank Negara Malaysia boleh menguruskan perkara ini dengan baik dan adakah kita dijangka mengalami basic balance deficit pada tahun yang akan datang kerana perkara ini adalah sangat penting untuk kestabilan ekonomi negara dan supaya kita dapat memperkukuhkan lagi perkembangan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kuala Nerus.

9.07 mlm.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah membuat satu pindaan kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan pada kali ini. Lebih-lebih lagi pada seksyen 33 iaitu bertujuan meminda seksyen 124 untuk mengesahkan perjalanan Bank Islam dan perniagaan kewangan Islam oleh institusi berlesen dan untuk menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah.

Satu perkara yang jelas berbeza di antara pengamalan sistem kewangan mengikut ala cara Bank Islam ialah di sudut penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariahnya ataupun Syariah Advisory Board, dengan izin. Cuma seperkara yang saya ingin cadangkan supaya satu langkah yang segera perlu diambil tindakan oleh Bank Negara Malaysia adalah Majlis Penasihat Syariah ini tidak seharusnya duduk di bawah pentadbiran ataupun di bawah seliaan setiap institusi kewangan. Sepatutnya Majlis Pengawasan Syariah hendaklah diselihkan oleh satu badan ataupun di sudut kuasanya, 'supremacy'nya hendaklah duduk di bawah seliaan Bank Negara Malaysia. Kerana kalau kita lihat pada hari ini terdapat bank perdagangan iaitu Bank Islam yang melaksanakan konsep perniagaan Islam secara total dan terdapat 23 bank perdagangan yang telah melaksanakan SPTF iaitu Skim Perbankan Tanpa Faedah dan 18 syarikat kewangan serta 3 bank saudagar yang kalau mengikut syarat penubuhan SPTF, bank-bank ini hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah tadi.

Maka adalah mustahil Jawatankuasa Penasihat Syariah untuk menyeragamkan semua hukum, semua masalah SPTF ataupun perbankan Islam, jika sekiranya terdapat banyak majlis pengawasan syariah.

Saya berpendapat sudah tiba masanya kita kumpulkan bijak pandai ini ataupun pengamal-pengamal almuamalah Bank Islam ini, kita kumpulkan dan kita satukan di bawah Bank Negara dan akhirnya yang kita dapat adalah satu hasil yang betul-betul berkualiti mengikut roh perjuangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, perbankan Islam telah bercambah dengan banyak di negara kita sejak akhir-akhir ini hasil dari dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang telah dilancarkan oleh kerajaan sejak awal tahun

lapan puluhan. Perkembangan yang menarik ini telah menyebabkan beberapa siri pindaan Akta Bank dan Institusi Kewangan termasuklah yang kita pinda pada hari ini dan juga termasuk Akta Sewa-Beli 1967; Akta Bank Islam (Pindaan) 1982, 1983 dan 1985 dan barangkali banyak kali lagi kita akan pindakan demi untuk menyesuaikan sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, iaitu Bank Negara ataupun ABIM sebagai rejim pengawalseliaan.

Di sini, di sudut SPTF, apa yang saya lihat adalah kita tidak seharusnya memperbanyakkan tempat. Dalam waktu yang sama kita tidak memelihara kualiti ataupun kita tidak memelihara kehalalan satu-satu produk itu. Ini adalah penting, kerana di dalam transaksi bank 'almuamalah' Islam ini yang lebih penting adalah kita menjaga halalannya itu dan bukanlah kita menghalalkan cara ini. Ini adalah satu perkara yang penting, yang perlu diingat, kerana kalau kita bermatlamat untuk menghalalkan cara, maka kita terpesong. Itulah sebab saya katakan tadi bahawa kita perlu satukan bijak pandai kita, pakar-pakar kita dan kita perlu tubuhkan satu badan yang betul-betul dapat mengawal, betul-betul dapat menyemak produk-produk bank yang baru, yang kita laksanakan.

Kalau kita lihat negara-negara Islam seperti Pakistan, pada saya Pakistan telah tidak berjaya melaksanakan kaunter-kaunter perniagaan ataupun kaunter-kaunter SPTFnya. Adakah kita ingin menjadi negara yang kedua dalam kerancangan kita untuk menggalakkan sistem 'Almuamalah' Islam ini, kita buka kepada semua orang, kita buka kepada bank saudagar, kita buka kepada bank-bank perdagangan yang kakitangannya sendiri pun tidak mengetahui apakah itu konsep perniagaan tanpa riba mengikut cara Islam? Ini adalah satu perkara yang penting, pada saya walaupun kita tidak

terdapat banyak tempat perniagaan mengikut cara Islam tetapi yang lebih penting, kita menjaga kualitinya. Kita menjaga mutu kehalalannya dan bukannya dasar menghalalkan cara yang mungkin akan terjadi dengan apa yang saya lihat, dengan banyaknya kaunter-kaunter SPTF yang ada di negara kita. Perkara ini jelas kalau kita pergi atau kita jelajah daripada satu institusi kewangan ataupun kita pergi kepada bank perdagangan daripada satu bank ke satu bank yang lain.

Sebenarnya saya sendiri telah menjelajah. Bila kita masuk sahaja di bahagian pembiayaan ataupun bahagian kredit, bila kita mahukan satu pembiayaan berbentuk Islam, katanya "kita masih belum bersedia". Alangkah dukacitanya kalau kita lihat terpampang di papan-papan kenyataan dan tanda-tanda yang begitu seronok untuk dibaca.

Kita langkah sahaja ke dalam bank, konsep ataupun akaun semasa di bawah 'Alwadi'ah' begitu sedap dibaca, konsep pembiayaan perumahan secara Islam 'Al-Bai' Bithaman Ajil'. Konsep sewaan secara 'Al-Hijarah' dan apabila kita bercakap, kita berunding, kita berbincang, kita soal-meny soal di antara satu sama lain jelas pada saya bahawa orang-orang ini, pegawai-pegawai ini tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya. Inilah yang dikatakan kita menghalalkan cara kita, kerana kita sebagai seorang pegawai bank, kita tidak dapat menzahirkan apakah konsep sebenar yang kita bawa, yang kita hayati. Saya rasa ini adalah satu kelemahan yang saya kira, kelemahan ini boleh dibaiki jika kita merujuk kepada satu institusi yang telah berjaya.

Di negara kita institusi yang berjaya, tidak lain dan tidak bukan adalah Bank Islam, yang pada 1hb Julai 1983 telah memulakan operasinya sehinggalah dapat menubuhkan Altakafful Islam, sehinggalah dapat menubuhkan unit teras Islam, sehinggalah dapat menubuhkan

'Alkafallah', sehinggalah dapat menubuhkan syarikat-syarikat sewaan iaitu 'Al-Hijarah' dan yang akhirnya menubuhkan Bank Islam Research and Training (BIRT).

Saya yakin dan percaya bahawa dasar untuk memperbanyakkan kaunter-kaunter ini kurang baik - itu pada pendapat saya. Saya suka mencadangkan supaya.....

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Kawan saya ini, kena berilah.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit dari jiran saya ini. Adakah Yang Berhormat dari Kuala Nerus berpuas hati dengan perkembangan Skim Perbankan Tanpa Faedah ini memandangkan pada pendapat saya skim ini tidak begitu menyeluruh. Sekiranya beliau tidak berpuas hati apakah sebabnya skim ini tidak mendapat sambutan daripada orang ramai dan skim ini tidak menyeluruh ke seluruh negara? Terima kasih.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Pada saya, Skim SPTF sehingga kini saya tidak berpuas hati dan sehingga kini tidak berjajalah. Kerana kalau kita kaji dari segi sokongan rakyat, apa yang berlaku pada hari ini, aset di sudut deposit yang ada pada kumpulan, tak kira Bank Islam campur SPTF yang saya bilang tadi, 23 bank perdagangan, 18 syarikat kewangan, 3 bank saudagar, hanya merangkumi 1.1% sahaja daripada keseluruhan tabungan. Walaupun kita lihat bahawa pada keseluruhannya peningkatannya daripada tahun 1993 hingga 1995 adalah 245.8%, tetapi angka ini saya yakin dan percaya adalah sumbangan dan kontribusi daripada aset ataupun jumlah aset yang dikontributkan

oleh Bank Islam dan sumbangan ini bukanlah sebahagian besarnya daripada SPTF.

Sebagaimana yang saya perkatakan bahawa orang-orang ataupun pendeposit-pendeposit yang rata-rata membuka akaun menyimpan di Bank Islam SPTF ini adalah orang-orang kampung, individu-individu. Maka angka yang saya sebutkan tadi adalah menunjukkan sokongan daripada individu-individu kepada bank-bank ini. Jadi, pada saya banyak lagi perubahan-perubahan yang perlu kita buat untuk meyakinkan bukan sahaja pendeposit-pendeposit perseorangan ataupun orang-orang kampung, malah kita perlu mengadakan promosi untuk memperkenalkan produk-produk baru supaya ianya boleh diterima oleh tokoh-tokoh korporat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu saya utarakan di sini adalah berkenaan dengan 'domain account'. Walaupun akta ini di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, saya rasa sudah sampai masanya domain account ini diberi satu perbezaan di antara institusi kewangan biasa, institusi kewangan sekular dengan institusi kewangan Islam. Saya cadangkan supaya adakan perbezaan ini oleh kerana mengikut Akta Wang Tidak Dituntut ini yang diselihkan oleh Bank Negara, bila sampai waktunya enam bulan dikira domain, dan selepas tujuh tahun barangkali dihantar kepada Bank Negara.

Di dalam Islam domain ini tidak ada. Kita perlu kaji perkara ini dalam apa masalah sekali pun kita kena merujuk kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah tadi. Tidak ada domain. Saya katakan tidak ada domain, macam mana boleh ada domain sedangkan seorang Islam datang kepada bank untuk menyimpan di bawah konsep Alwadi'ah, di bawah konsep Mudharabah. Konsep Mudharabah ini sebenarnya adalah satu konsep 'kongsi untung dan rugi'. Bila dia datang ke bank, dia simpan. Kalau ada untung, dia beri

sama rata, kalau rugi ditanggung bersama. Jadi, adakah munasabah bila kita simpan dengan bank, cukup waktunya kita sudah akad di antara kita dengan bank, tetapi oleh kerana kita tidak datang, tiba-tiba akad kita itu telah beralih di antara akad kita dengan komersil bank, telah beralih kepada akad kita yang kita tidak buat dengan Bank Negara di mana duit kita disimpan.

Saya telah mengutarakan masalah ini dan telah berbincang dengan banyak ulama, dan ramai di antaranya bersetuju dengan saya. Walaupun mengikut perundangan yang ada bahawa kita tertakluk kepada konsep domain account ini, tetapi saya suka mencadangkan supaya kajian perlu dibuat untuk menyesuaikan dengan konsep perniagaan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya rasa bersabit dengan 'credit enquiry' ataupun laporan sulit bank di antara bank dengan bank, di antara satu bank dengan bank yang lain, rupa-rupanya ada juga ketidakikhlasan di antara satu bank dengan bank yang lain. Pada kebiasaan, menjadi satu amalan biasa bila bank 'A' meminta laporan daripada bank 'B' tentang pelanggan yang akan mendapatkan pembiayaan daripadanya. Itu menjadi satu kebiasaan. Sebagai contoh, kalaulah pelanggan itu 'good pay master' dia kata 'no comment', dengan izin, tidak ada komen. Jadi, bila bank yang menerima laporan itu mengatakan 'no komen' ataupun tidak ada laporan, sudah tentu kalau dia hendak dapatkan pembiayaan yang baru ataupun kalau pun dia hendak tambahkan, hendak besarkan perniagaannya, sudah tentu dia menganggap bahawa bayaran bulannya dengan bank yang lama tidak memuaskan.

Banyak lagi contoh-contoh, banyak lagi terminalogi-terminalogi yang digunakan 'at the moderate mean' ataupun 'small mean' dan sebagainya. Perkara ini adalah perkara penting, kerana peniaga-

peniaga kecil, lazimnya peniaga-peniaga kecil bila hendak memperbesarkan perniagaannya, dia tidak pergi kepada satu bank sahaja. Dia pergi kepada bank lain—tambah pula sekarang ini banyak pula cawangan-cawangan bank, jadi yang menentukan kedudukan rekod adalah credit enquiry ataupun laporan sulit di antara bank dengan bank.

Saya rasa Bank Negara mempunyai pakar-pakar dalam bidang ini, jadi cubalah kita buat, cubalah kita fikirkan bagaimanakah cara yang paling baik supaya laporan ini tidak datang daripada komersil bank ataupun institusi kewangan, tetapi datangnya daripada third party, demi untuk kebaikan peniaga-peniaga yang saya kira amat bergantung kepada bank. Saya kira Bank Negara boleh buat perkara ini kerana kalau kita lihat dahulu pun masalah cek-cek tendang di bawah Biro Maklumat Cek (BMC), kita lihat masalah itu cukup merunsingkan kita. Tetapi pada hari ini dengan langkah yang bijak yang telah dilaksanakan oleh Bank Negara, kita telah dapat mengurangkan masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang akhir adalah soal dokumen perundangan bank. Ini pun satu masalah, dokumen perundangan bank.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Labuan tidak dapat peluang, dia jaki saya dapat peluang bercakap. Untuk penjelasan sedikit, saya tertarik

dengan pandangan daripada Kuala Nerus, seorang tokoh pemuda dari Terengganu yang sedang meningkat—syabas.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi cek tendang ataupun aktiviti pemalsuan. Pemalsuan ini boleh berunsurkan daripada penggunaan cek. Baru-baru ini dalam akhbar kita mendengar pemalsuan dari segi penggunaan instrument kewangan yang lain seperti electro-credit, pengeluaran bank guarantees. Apa pandangan Yang Berhormat dari segi pindaan yang ada ini, sama ada perkara-perkara yang kita dengar sekarang ini berlaku, bukan hanya sekadar pemalsuan cek, pemalsuan letter-credit, pemalsuan bank guarantee—adakah dengan pindaan yang ada ini perkara-perkara yang kita dengar sekarang ini lebih banyak berlaku akan terhindar pada masa-masa akan datang. Saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Soal pemalsuan ini sememangnya soal yang susah untuk kita kawal kerana barangkali orang yang hendak mencuri rumah kita itu dia lebih handal daripada kita. Ini pun satu perkara lagi. Saya setuju dengan Rompin ini iaitu dalam pindaan lain, kalaulah kita hendak pinda Akta Bank dan Institusi Kewangan ini, saya mencadangkan kepada Bank Negara supaya kita masukan satu peruntukan iaitu penggunaan SWIFT message, iaitu satu instrument untuk memindahkan dengan cara baru iaitu SWIFT (Society for Worldwide International Fund Transfer). Ini adalah satu cara untuk mengatasi masalah ini di mana documentary credit secara fizikal yang merupakan cara lama, cara tradisional, kita tidak payah guna lagi, kita mesti compulsory SWIFT message ini kepada semua bank dan institusi kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Labuan. Nampaknya kita kesuntukan masa yang begitu genting sekali, saya harap Yang Berhormat dapat menyudahkan ucapan dalam masa 20 minit.

9.30 mlm.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Saya cuba. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Bank dan Institusi Kewangan (Pindaan) 1996 ini. Saya rata-rata ingin menyokong di atas pindaan yang di buat ke atas Akta ini yang secara amnya akan dapat mempertingkatkan pengawalseliaan ke atas institusi-institusi bank dan institusi kewangan di negara kita ini supaya ianya selari dengan perkembangan dan kemajuan ekonomi negara kini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa fasal yang disebutkan dalam akta ini jelas menunjukkan bahawa ianya akan berupaya untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti institusi-institusi bank yang ada ini. Jadi, saya amat bersetuju misalnya, pindaan ke atas fasal 68 iaitu bagi menambahkan lagi penalti sebagai kesalahan yang dilakukan oleh bank ataupun pegawai-pegawai bank di negara kita ini di mana kita sering mendengar bahawa ada pegawai-pegawai bank yang terlibat dalam beberapa kesalahan, misalnya, sebuah bank di Labuan yang kehilangan berjuta-juta ringgit di atas sebab ada penipuan dan ada kerjasama di antara pegawai bank dan peniaga tersebut.

Jadi, kita berharap dengan peningkatan penalti yang dikenakan ini akan menjadi deterrent kepada pegawai-pegawai bank yang bertugas. Jadi, satu perkara yang saya ingin sentuh juga ialah Fasal 24(a)(iii) yang bertujuan memberikan kuasa kepada menteri untuk memberikan kelulusan

pengecualian bagi pegangan maksimum yang dibenarkan dalam institusi-institusi kewangan, iaitu misalnya individu dibenarkan sehingga 10% dan perbadanan maksimumnya 20%.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sehingga hari ini masih lagi terdapat bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan negara kita ini yang masih belum memenuhi keperluan ini sehingga peruntukan ini dikekalkan ataupun dipinda dalam pindaan kali ini. Kalau tidak silap saya perkara ini telah pun diperkuatkuasa sekian lama dan sepatutnya ianya telah pun dapat dilupuskan pegangan dalam syer institusi-institusi kewangan di negara kita ini yang kalau masih ada lagi bank-bank atau institusi-institusi yang belum lagi memenuhi keperluan ini, saya ingin tahu apakah bank-bank tersebut, sama ada bank-bank tempatan ataupun bank-bank kepunyaan asing.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 26(b) juga adalah merupakan satu peruntukan yang membolehkan perletakan hak ke atas tanah yang bermilik di bawah Ordinan Tanah di Negeri Sabah. Ini adalah merupakan suatu langkah yang positif bagi membolehkan ramai pemilik hartanah di Sabah dapat meletakkan hak tanah-tanah bermilik ini kepada bank di mana sebelum ini terdapat masalah, khususnya daripada bank-bank komersil.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya mengatakan tadi ini adalah merupakan satu langkah yang positif kepada pembangunan dan perkembangan bank-bank dan institusi kewangan di negara kita ini dan sebelum saya meneruskan secara spesifik ke atas beberapa perkara, saya ingin menyatakan kepentingan saya sebagai Ahli BSKL untuk menyentuh beberapa perkara yang tersebut di dalam akta ini, khususnya Fasal 2(1)(xi) yang bertujuan mengadakan takrif baru bagi sekuriti. Takrif ini adalah

dikehendaki untuk memberikan Bank Negara kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk mengawal kewangan sekuriti oleh institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah disebutkan oleh rakan saya daripada Kota Melaka tentang terdapatnya bank-bank ataupun institusi kewangan yang menjalankan perniagaan sekuriti dalam konteks exempt dealer ataupun peniaga yang dikecualikan di mana masih terdapat, misalnya, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—Maybank masih lagi memberikan perkhidmatan pembelian serta penjualan saham yang dipohon ataupun yang diarah oleh client bank tersebut, yang mana secara langsung ini adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Sekuriti sepertimana yang telah dikenakan ke atas sebuah bank iaitu Hock Hua Bank yang mana telah menjalankan urusan perniagaan ini dan didapati bersalah.

Jadi, dalam konteks ini, saya ingin mendapat penjelasan serta kepastian daripada Bank Negara serta juga Suruhanjaya Sekuriti supaya dapat menggariskan serta definisinya dapat di berikan penjelasan yang lebih tepat, setakat manakah bank-bank ini boleh berurus niaga dalam pasaran saham, walaupun di dalam akta pindaan ini disebut secara khusus tentang definisi tersebut tetapi bagaimanakah perkara ini masih lagi berleluasa dan saya rasa sehingga kini pun masih juga terdapat bank-bank ataupun cawangan-cawangan bank tertentu yang masih secara aktif menjalankan perniagaan saham ini.

Saya juga berharap supaya Bank Negara tidak akan memperluaskan pemberian exempt dealer ini kepada bank supaya ianya tidak akan menjejaskan perniagaan broker saham yang dijalankan oleh syarikat-syarikat broker saham berlesen di negara kita ini.

Jadi, dalam konteks ini, kalau ianya diperluaskan maka sudah tentulah 60 buah syarikat broker saham di negara kita ini akan bersaing dengan 36 buah bank di negara kita yang mempunyai lebih daripada 1,000 cawangan di seluruh negara. Jadi, ianya akan mendatangkan persaingan yang hebat di antara bank dengan syarikat-syarikat broker saham di negara kita ini.

Saya juga kluatir kerana bank mempunyai kakitangan yang tidak dimestikan untuk mempunyai lesen untuk berurusniaga dalam saham sekiranya mereka ini kita definisikan sebagai exempt dealer dan siapakah dalam bank ini yang kita boleh sebutkan sebagai exempt dealer, adakah semua pegawai-pegawai kakitangan bank ini kita boleh sebutkan sebagai exempt dealer. Jadi, kalau ini berlaku maka ianya mendatangkan ketidakadilan kepada pekerja-pekerja ataupun kepada pemegang-pemegang lesen untuk berniaga saham.

Saya mengharapkan supaya Bank Negara ataupun Suruhanjaya Sekuriti untuk mengeluarkan satu guideline yang terperinci untuk memastikan tidak ada pertelingkahan pendapat dalam konteks exempt dealer ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sebutkan ialah bank dan institusi kewangan di negara kita ini adalah merupakan suatu institusi yang diharapkan untuk membantu serta menyokong perkembangan pasaran modal di negara kita ini tetapi malangnya masih terdapat banyak bank-bank yang tidak berbuat demikian, walaupun pihak kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan capital market ini di mana sepatutnya Bank Negara menetapkan yang mana kadar maksimum untuk jumlah pinjaman ialah kepada tahap 15% tetapi bagi saya merupakan suatu exposure yang agak kecil untuk tujuan pembiayaan saham kepada mereka yang layak

mendapatkannya. Dan bank juga saya rasa, tidak begitu positif ke arah ini dan kurang berminat untuk memberikan pinjaman bagi tujuan pembiayaan pembelian atau perniagaan saham pada hari ini.

Kita mengharapkan Bank Negara akan dapat memainkan satu role untuk mengarahkan supaya bank-bank ini lebih positif dan lebih terbuka supaya dapat membantu perkembangan pasaran modal di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin menyentuh tentang perkembangan industri sekuriti pada masa kini di mana adalah diharapkan pada penghujung tahun 1996 ini semua kaunter-kaunter di BSKL akan dimasukkan di dalam sistem CDS, bererti ini akan mendatangkan satu lagi masalah dan akan terus menghimpit perkembangan pasaran modal di negara kita ini di mana pada masa kini banyak terdapat bank-bank yang tidak bersedia untuk menerima ataupun untuk membiayai pembelian ataupun perdagangan yang telah disenaraikan sebagai kaunter CDS ini sebagai koletral. Jadi, ianya menyebabkan yang saya namakan sebagai struggle of funds dalam pasaran yang terdapat.

Jadi, ini akan menghalang perkembangan seterusnya. Jadi, kita mengharapkan supaya bank-bank dan institusi kewangan di negara kita ini lebih positif ke arah ini dan boleh menerima. Bila kita bertanya kepada pihak berkuasa, bank-bank di negara kita ini mengatakan, 'sudah bersedia' tetapi sebenarnya dalam realitinya atau dalam konteks praktikalnya mereka mengenakan pelbagai kerenah birokrasi mereka untuk discourage, dengan izin, penggunaan ataupun pembiayaan perdagangan saham yang disebutkan ataupun dimasukkan ke dalam kaunter CDS ini.

Akhirnya, bila ini juga terpaksa dilakukan oleh setengah-setengah syarikat

broker saham, ianya bukan akan membantu ke atas keuntungan syarikat tersebut tetapi ianya merugikan syarikat broker saham dan terpaksa bekerja untuk institusi kewangan pula. Bagi saya, ini ialah merupakan satu langkah yang tidak adil, yang diambil oleh syarikat ataupun bank-bank di negara kita ini.

Jadi, saya mengharapkan supaya kementerian dan juga Bank Negara dapat meneliti supaya bank-bank di negara kita ini tidak diketepikan dengan tindakan-tindakan yang agresif oleh beberapa bank jiran kita, misalnya daripada Singapura yang mana telah menyediakan pakej-pakej yang lebih menarik, yang lebih mudah untuk dilaksanakan.

Jadi, saya ingin menyarankan supaya kementerian serta Bank Negara dapat meneliti soal ini dan mengarahkan supaya bank-bank ini lebih positif ke arah ini supaya pasaran modal di negara kita ini tidak akan terbantut, dengan itu

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya nampak dalam hujah-hujah Ahli dari Labuan, minta penjelasan sedikit, tumpuan beliau kepada isu-isu pasaran saham. Saya mengucapkan syabas sebab isu pembangunan pasaran saham ini amat penting untuk negara kita.

Saya tertarik juga dengan persoalan yang dibangkitkan tentang CDS account. Saya hendak bertanya selain daripada halangan-halangan yang telah disebutkan oleh Labuan tadi, tentang bank-bank ataupun masalah yang dihadapi oleh bank-bank, kerana saham-saham ini dalam CDS account daripada bank-bank ini mengeluarkan pinjaman. Saya hendak bertanya apa pandangan Labuan, bagaimana kesannya kepada orang-orang kampung di luar bandar? Sebab kalau dahulu trading ataupun penjualan dan pembelian saham ini dengan skrip, orang kampung pun boleh melibatkan diri dalam

pasaran saham. Tetapi dengan CDS ini, orang kampung kena buka dahulu CDS account.

Adakah dengan pengalaman Labuan sebagai Ahli Parlimen dan juga orang yang agak aktif dalam pasaran saham ini, bagaimana pandangan beliau dalam perkara ini? Saya minta sedikit penjelasan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, rakan saya dari Rompin walau pun duduk di tempat kerusi orang lain, (*Ketawa*)....Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, orang kampung tidak pernah pun membuat complain tentang masalah CDS. Ini kerana sebelum ini bila mereka belajar berniaga saham pun, mereka pun tidak mengendahkan sama ada untuk mendapatkan saham ataupun melihat skrip tersebut. Jadi, tidak ada beza bagi mereka, sama ada ianya menyusahkan atau tidak, tetapi yang menyusahkan ialah sekarang ini pembiayaan pada beberapa kaunter khususnya di kaunter di CDS ini yang tidak mendapat respond yang menarik atau positif atau menggalakkan daripada bank-bank atau institusi-institusi kewangan di negara kita. Inilah satu perkara yang saya rasa perlu dibincangkan dan perlu mencari jalan.

Saya melihat ini lebih serius apabila penghujung tahun ini (1996), kesemua kaunter di BSKL ini akan dimasukkan dalam CDS, kita akan seratus peratus scriptless trading, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, khususnya kaunter di papan kedua ini dan setengah-setengah bank juga tidak mahu menerima kaunter-kaunter yang disenaraikan di papan pertama. Jadi, walaupun mereka menerima tetapi mengenakan pelbagai kerenah yang akhirnya tidak akan mendatangkan keuntungan kepada broker saham ataupun kepada yang mendapatkan kemudahan kewangan daripada institusi ini. Kita mengharapkan ini dapat diperbaiki

seterusnya dan akan dapat membantu perkembangan pasaran modal di negara kita ini.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta Timbalan Menteri menjawab.

9.54 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dari Kuala Nerus dan Labuan serta beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh pelbagai aspek.

Tentang soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Labuan mengenai berapa keskah pengecualian daripada seksyen 46 untuk pemilik syer di institusi kewangan itu. Setakat tahun 1996 mulai daripada 1989 lebih kurang 90 kes telah diberi pengecualian. Ini adalah atas sebab-sebab, antara lain, untuk melaksanakan skim penyelamatan untuk beberapa institusi kewangan yang, dengan izin, 'ailing financial institution'. Dasar kerajaan adalah untuk membenarkan hanya pemilik yang fit and proper untuk memiliki syer-syer dalam institusi kewangan. Jadi, pengecualian ini hanya diberikan kepada mana-mana perseorangan ataupun korporat sekiranya syarat berikut dalam seksyen 118 dapat dipenuhi, iaitu:

- (i) Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak memudaratkan penggalakan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia;
- (ii) bahawa pengecualian berkenaan tidak berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian.

Mengenai perniagaan saham yang dijalankan oleh cawangan-cawangan bank, ini merupakan perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank kepada masyarakat terutamanya di luar bandar dan di beberapa tempat yang mungkin tidak mempunyai perkhidmatn broker saham. Oleh itu rangkaian cawangan bank adalah menyeluruh. Adalah wajar untuk bank-bank ini diberi taraf berniaga terkecuali untuk menggembelngkan wang masyarakat luar bandar untuk pasaran modal negara.

Tentang penglibatan bank dalam urus niaga saham, yang sebenarnya, ini seperti yang saya katakan tadi diluluskan kepada bank-bank seperti yang di luar bandar itu adalah untuk tujuan yang khas. Soal competition ataupun persaingan dengan broker itu tidak timbul sebab pesanan belian itu adalah diberikan pada akhirnya kepada broker-broker saham yang berkenaan.

Tentang kes yang ditimbulkan yang telah berlaku di Mayban Berhad cawangan Melaka itu berkaitan dengan seorang yang bernama Puan Koh, sebenarnya ini haruslah diselesaikan di mahkamah oleh pihak-pihak yang berkenaan dan bukanlah dalam Parlimen ini dan saya percaya, akta yang sedia ada ABIK kita ini dengan akta-akta yang lain memang telah menegak keadilan dan ketelusan untuk kewangan dan ekonomi negara ini.

Berkaitan dengan syarikat kewangan yang memberikan...

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, bangun.

Tuan Lim Guan Eng: (Sesuatu terjatuh)

Seorang Ahli: Marahkah?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak marah, gentar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang angka yang saya minta tadi, saya tahu sekarang sudah larut malam. Bolehkah saya dapat jawapan bertulis tentang jumlah institusi di mana 5% kuasa pengecualian telah diberikan oleh pihak Menteri dan juga jumlah individu yang terlibat dan juga bilangan institusi kewangan yang mendapat pengecualian ini.

Yang kedua, tentang jawapan tadi bahawa adalah terpulang kepada mahkamah untuk menyelesaikan masalah di antara Mayban Berhad dan Puan Koh Lay Bin, bolehkah perkara ini diambil atau diuruskan oleh pihak kementerian, lebih-lebih lagi apabila kes ini adalah sangat jelas bahawa berlaku sesuatu penyelewengan kerana saya rasa Puan Koh ini seorang yang biasa, dia tidak mampu untuk pergi ke mahkamah tetapi dia telah, she was wronged, dia telah menjadi mangsa. Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sama ada angka-angka yang disebutkan itu mengenai pegangan yang dipegang oleh perseorangan ataupun korporat itu adakah merupakan satu-satu perkara yang rahsia ataupun telahkah melanggar akta kerahsiaan, kalau tidak memang akan saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Mengenai kes Puan Koh itu, saya akan cuba telitikan kes ini kemudian kalau dapat kita bantu kita cuba bantu kalau tidak mungkin perlulah diselesaikan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 57 iaitu Akta Bank dan Institusi Kewangan 1987 (ABIK) perlantikan pegawai eksekutif memerlukan kelulusan Bank Negara Malaysia. Di dalam meluluskan permohonan tersebut, keputusan Bank Negara Malaysia adalah berpandukan

kepada kriteria minimum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah jadual kedua iaitu pemohon hendaklah seorang yang layak dan sesuai, bercompetent, jujur dan waras pertimbangan. Oleh yang demikian, masalah sama ada perlantikan ahli politik itu tidak timbul kerana dari segi politik, mereka yang terlibat dalam politik tidak dibenarkan untuk menjadi ahli lembaga pengarah. Tidak terdapat juga sebarang perlantikan yang ada kaitan dengan ahli politik setakat ini.

Tuan yang di-Pertua, mengenai current account deficit, beberapa langkah telah pun diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan defisit akaun semasa dan sudah dibuktikan iaitu lama-kelamaan jurang defisit itu dapat kita kurangkan dan reserve negara masih dalam keadaan yang sihat yang tidak memberi sebab untuk membimbangkan kita.

Mengenai soal yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus berkaitan dengan Bank Islam, yang sebenarnya Bank Islam adalah dikawal selia oleh Akta Bank Islam. Majlis Penasihat Syariah yang dimaksudkan dalam akta ini adalah sebenarnya semata-mata satu pindaan baru yang dimasukkan di bawah seksyen 24 dan akta ini adalah tidak terpakai bagi sesuatu Bank Islam.

Kecuali yang telah diperuntukkan dalam seksyen 33, yang sebenarnya tiada apa-apa pun di dalam akta ini ataupun Akta Bank Islam yang melarang atau menyekat mana-mana institusi berlesen daripada menjalankan perniagaan perbankan Islam ataupun apa-apa perniagaan cawangan Islam sebagai tambahan kepada perniagaan yang sedia ada dengan syarat bahawa institusi berlesen itu hendaklah berunding dengan bank sebelum menjalankan perniagaan perbankan Islam ataupun perniagaan kewangan Islam.

Jadi, bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa mana-mana

institusi berlesen yang hendak menjalankan perniagaan perbankan ataupun perniagaan kewangan Islam hendaklah tertakluk kepada peruntukan akta ini iaitu dengan menjelaskan dan memastikan iaitu semua produk yang dijalankan dan dijual itu adalah tidak melibatkan mana-mana elemen yang bertentangan dengan agama Islam.

Untuk menepati dan mengiktirafkan sama ada produk-produk itu adalah mematuhi apa-apa arahan ataupun apa-apa syarat yang diperlukan, hendaklah perkara ini diluluskan dengan perundingan dengan Majlis Penasihat Syariah. Jadi, soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya adalah tidak berkaitan dengan akta yang kita hendak pinda pada hari ini. Tujuan, niat ataupun cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus itu iaitu supaya dapat kita mengambil tindakan dan untuk kita menjadikan negara ini sebagai satu pusat kewangan Islam adalah memang menjadi hasrat kerajaan dan kita juga cuba dengan sedaya upayanya dengan kecekapan yang kita dapat pada hari ini dari segi kepakaran, pengetahuan dan sebagainya perlu kita tambah sebelum kita dapat menjayakan hasrat ini.

Bagi institusi konvensional yang menawarkan SPTF, mereka perlu mematuhi garis panduan Bank Negara yang ketat. Bagi memastikan persaingan akaun SPTF dengan konvensional, maka institusi-institusi yang menjalankan dan menawarkan SPTF itu pada masa sekarang perlu melatih kakitangan dengan pengetahuan yang cekap mengenai perbankan Islam dan latihan juga diadakan melalui BIRT iaitu Bank Islam Research and Training Centre dan juga setakat ini SPTF telah menunjukkan prestasi yang baik.

Pada 31 Disember 1995, deposit SPTF iaitu RM4.9 bilion, manakala pembiayaan melalui ini ialah RM3.5 bilion dan ini

adalah merupakan satu jumlah yang besar memandangkan SPTF hanya dilancarkan pada bulan Mac 1993.

Mengenai SWIFT, Bank Negara dan institusi kewangan di Malaysia sememangnya menggunakan perkhidmatan SWIFT untuk pemindahan dana mulai tahun 1980-an. Malahan pula di Malaysia juga mempunyai perkhidmatan SPEDS iaitu Sistem Pemulihan Elektronik untuk Dana dan Sekuriti untuk memindahkan wang dan di antara institusi kewangan tanpa menggunakan cek atau lain-lain suratcara.

Mengenai Biro Kredit Pusat iaitu mengenai maklumat tentang satu-satu akaun perseorangan ataupun korporat, telah dipinda supaya di bawah seksyen 113 iaitu maklumat tentang sesuatu akaun itu dapat diberitahu kepada bank-bank yang lain supaya maklum balas itu dapat digunakan sebagai satu pengawalseliaan untuk satu-satu akaun di bank-bank di Malaysia ini.

Tuan yang di-Pertua, tentang domain account unclaimed money, di bawah Akta Wang Tak Dituntut, akaun yang domain yang sebenarnya bukanlah dipindahkan kepada Bank Negara, tetapi ini adalah dipindahkan kepada Jabatan Akauntan Negara bukan untuk simpanan semata-mata sahaja, tetapi tuan punya wang ini masih boleh mempunyai hak untuk menuntut baki yang ada di dalam akaun yang domain pada bila-bila masa sahaja mengikut cara-cara yang ada di dalam akta tersebut.

Walau bagaimanapun, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat mengenai diasingkan akaun domain dari akaun Islam dan sekular itu adalah satu cadangan yang perlu kita teliti dan pihak Bank Negara akan menjalankan penyelidikan sama ada ini adalah sesuai ataupun tidak.

Tentang had pinjaman untuk pembelian saham yang tidak melebihi 15% daripada

bank, masalah ini ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan. Yang sebenarnya bank memang ada menyediakan pinjaman untuk pembelian saham tetapi mereka telah mengehadkan sampai satu tahap maksimum iaitu 15% daripada jumlah pinjaman sahaja. Ini adalah garis panduan prudent bagi memastikan bank tidak terlampau terdedah dalam pembiayaan tersebut.

Tuan yang di-Pertua, saya rasa ini adalah lebih kurang hujah-hujah yang telah ditimbulkan dan kalau saya tersilap di mana-mana, memang ada catitan dan akan saya timbulkan dan saya akan ambil perhatian.

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja.

Dato' Wong See Wah: Sudah habislah. Saya rasa eloklah kalau ada, boleh kita bincang di luar. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan Rang Undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 68 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.13 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumi, suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan sebagai Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Akta 533 pada 16hb Februari, 1995.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menetapkan 1hb Mac, 1996 sebagai tarikh Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mula berkuatkuasa dan ianya telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Jilid 40 No. 5 bertarih 29hb Februari, 1996. Berikutan dari penguatkuasaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ini semua pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri melainkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan mana-mana pegawai yang tidak membuat opsyen untuk berkhidmat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertukar

status daripada pegawai awam kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia adalah sebagai agen kepada kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, pentaksiran, pungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain yang dipersetujui di antara kerajaan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Bagi membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia serta memberi mereka access kepada material-material yang diklasifikasikan, maka beberapa peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 perlulah dipinda. Pindaan-pindaan terpaksa dibuat kepada seksyen 2, 136, 137, 138 dan seksyen 144 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di atas adalah untuk membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri menurunkan kuasanya kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di samping memberi access kepada pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kepada material-material yang telah diklasifikasikan untuk menjamin urusan kutipan cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 berjalan dengan licin dan lancar.

Pada keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah bagi memastikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dapat beroperasi dengan kuasa-kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sepertimana peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53.

Manakala pindaan kepada seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 pula

bertujuan untuk membolehkan pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mempunyai access kepada material-material yang telah diklasifikasikan untuk menjamin urusan kutipan cukai pendapatan berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

10.17 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang rang undang-undang yang dibentangkan tadi supaya kita ada satu sistem cukai yang konsisten dan juga adalah selari dengan hasrat kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan kepada Dewan yang mulia ini ekoran pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang real property gains tax, dengan izin, bilakah real property gains tax akan dikuatkuasakan? Kerana terdapat banyak kekeliruan di antara pemilik-pemilik hartanah dari luar negara di mana mereka tidak pasti bilakah ia akan dilaksanakan. Ada negeri-negeri yang anggap bahawa semua hartanah yang dijual sama ada yang dimiliki oleh mereka 10 tahun yang lepas atau 15 tahun yang lepas, kalau ia dijual selepas Belanjawan diumumkan, maka kadar yang baru ini akan dikenakan ke atas pemilik-pemilik hartanah dari luar negara. Oleh itu, saya

harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menerangkan perkara ini. Ini ialah kerana banyak kekeliruan telah timbul dan melambatkan proses penjualan atau penaksiran cukai yang harus dibayar oleh pemilik hartanah daripada luar negara.

Yang kedua ialah tentang perkara yang sama, tentang levi yang dikenakan kerana terdapat percanggahan tentang interpretasi atau tafsiran yang dibuat oleh beberapa negeri. Bilakah levi RM100,000 yang dikenakan ke atas pembeli hartanah dari luar negara dan dalam tahap mana ia akan dilaksanakan?

Itulah sahaja hujah saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong. Semua ada peluang, Yang Berhormat. Jangan risau.

10.20 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini dan nampaknya dengan meminda beberapa seksyen, kita harap dapat mewujudkan kelicinan untuk mengutip hasil bagi menambahkan hasil untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita dapat mengutip dengan banyak, dengan berkesan, dengan efisien, Lembaga Hasil Dalam Negara Malaysia (LHDNM) mestilah benar-benar memperlindung semua kakitangannya dengan menghapuskan segala jenis diskriminasi dan ketidakadilan termasuk sistem kenaikan pangkat yang perlu mempunyai keadilan dan kesaksamaan. Hanya dengan terma-terma kerja atau keadaan kerja yang baik, barulah kakitangan lembaga dapat bekerja dengan rajin, cekap, bersih, beramanah dan bersopan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1993, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mencadangkan supaya Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) dinaikkan taraf sebagai Lembaga menjadi LHDNM. Akta LHDNM telah diluluskan pada tahun 1995, sekarang usaha untuk mengkorporatkan JHDN sudah pun di peringkat yang terakhir dan mengikut Yang Berhormat tadi sudah bermula fungsi pada 1hb Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, opsyen-opsyen yang telah ditawarkan kepada semua kakitangan JHDN, berapa orang telah dipilih menyertai Lembaga, berapa telah memilih pergi ke jabatan lain atau bersara? Bagaimana opsyen-opsyen tersebut dapat memelihara masa depan para kakitangannya memandangkan JHDN atau LHDNM dengan sendirinya boleh mewujudkan hasil, terma-terma yang lebih menarik bolehlah ditawarkan kepada para pekerjanya?

Kita mestilah memberikan perhatian yang sepenuhnya pada semua pegawai dan pekerja JHDN atau sekarang LHDNM kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengutip hasil negara.

Pada tahun lepas, Tuan Yang di-Pertua, JHDN telah mengutip RM22 bilion setelah Menteri Kewangan mengurangkan cukai pendapatan syarikat daripada 32% kepada 30%. Kira-kira 380,000 pembayar cukai atau 30% tenaga pekerja Malaysia dikecualikan daripada membayar cukai, dengan insentif-insentif ini nampaknya hasil bertambah.

Pada tahun 1994, Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil yang telah dikutip ialah RM20 bilion. Menurut Belanjawan 1996 cukai pendapatan persendirian telah dikurangkan daripada 32% kepada 30%. Ini bermakna 525,000 pembayar cukai akan dikecualikan daripada membayar cukai. Ini kita hendak tahu sama ada LHDNM

dapat mengutip dengan lebih banyak? Kita berharap para pekerja, para kakitangan lembaga dapat mengutip lebih banyak hasil bagi negara. Kalau kutipan tahun 1995 adalah RM22 bilion, mungkin tahun ini dapat kita mencapai tahap RM24 bilion - mungkin ataupun RM25 bilion, kerana hasrat kita ialah untuk meningkatkan prestasi lembaga dan mengkorporatkan JHDN....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): JHDN.

Dr. Tan Seng Giaw: JHDNnya ialah hasrat untuk meningkatkan prestasi yang lebih tinggi. Kita mestilah menjaga para pekerja dengan baik. Biasanya para pekerja yang berada dalam keadaan selesa, sejahtera dan adil, berdaya maju dan sungguh berikhtiar untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Kita haruslah memastikan sistem pengambilan kakitangan, sistem kenaikan pangkat, gaji, elaun, ganjaran, skim pencen atau KWSP di lembaga adalah adil dan saksama. Seperti saya sebutkan tadi, semua jenis diskriminasi dan lain-lain ketidakadilan seperti nepotisme, pilih kasih atau penyelewengan mestilah dihapuskan sama sekali.

Semua kenaikan pangkat perlulah berteraskan kepada meritokrasi, jangan kita pilih kasih lagi, jangan kita wujudkan diskriminasi di lembaga. Setelah dikorporatkan sebagai lembaga untuk mempertingkatkan dedikasi dan kecekapan kakitangan, soalan yang timbul ialah adakah lembaga ini akan diswastakan kelak? Jika dedikasi dan kecekapan meningkat, adakah ini telah membuka jalan kepada penswastaaan?

Tuan Yang di-Pertua, tugas para kakitangan lembaga termasuk mendidik orang ramai mengenai pembayaran cukai. Dengan adanya schedule tax deduction scheme dan insentif-insentif cukai adalah diharapkan orang-orang, syarikat-syarikat

di Malaysia mestilah membayar cukai mereka pada masa yang ditetapkan.

Di zaman moden, Tuan Yang di-Pertua, para pekerja lembaga mestilah memahami revolusi maklumat. Orang ramai adalah lebih sofistikated, taksiran cukai hendaklah dibuat dengan tepat. Jika para pembayar cukai berasa kecewa atau menampil ke lembaga untuk mendapat penjelasan atau memperbetul kesilapannya, para kakitangan wajarlah bersopan - wajarlah bersopan. Kesopanan patutlah diserapkan sebagai salah satu nilai lembaga selain daripada kerajinan, kebersihan, kecekapan, amanah dan dedikasi.

Dengan dunia lebih sofistikated lembaga akan menghadapi lebih banyak cabaran, misalnya para majikan yang mengupah pekerja-pekerja asing termasuk pemain-pemain dan koc-koc bola sepak asing yang gagal mematuhi peraturan-peraturan lembaga dan tidak membayar cukai dan orang-orang yang belum menjelaskan cukai tetapi hendak keluar daripada negara. Ini memang banyak masalah seperti ini, misalnya di antara tahun 1991 dan 1993, saya diberitahu bahawa 8 pemain bola sepak dan kocnya tidak membayar cukai lebih RM220,000.

Saya percaya ada lebih banyak lagi yang tidak bayar dan lembaga perlulah berhati-hati untuk mengikuti perkembangan di liga premier kita yang ramai pemain asing dan koc. Ini memang salah satu gejala yang baru di dunia baru ini.

Pada tahun lepas nampaknya JHDN telah menghalang 882 individu termasuk 205 orang asing daripada meninggalkan negara ini kerana mereka belum membayar lebih RM125 juta. Ini bermakna kegiatan dan kaedah yang digunakan oleh lembaga perlulah lebih sofistikated termasuk kita mesti memastikan rekod orang-orang asing yang masuk ke negara ini dan bekerja di negara ini supaya rekod di Jabatan

Imigresen dan juga rekod di lembaga perlulah diselaraskan, kerana kita tidak mahu rekod di imigresen itu berlainan dengan rekod di lembaga. Kalau ini berlaku, saya percaya lebih banyak orang yang akan terlepas daripada membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kaedah yang baru yang diwujudkan oleh Lembaga untuk mengesan orang-orang yang mengelak cukai? Saya percaya masih ada banyak orang yang tidak membayar cukai, terutamanya orang yang mendapat status pemastautin tetap di luar negara, kerana sering keluar daripada negara dan tidak membayar cukai. Mungkin ada beribu-ribu orang seumpama ini yang tidak membayar cukai. Apakah kaedah yang ditetapkan oleh Lembaga untuk menyelesaikan masalah moden seumpama ini? Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin, selepas itu kementerian diminta jawab.

10.32 mlm.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin): Pertama kali saya melihat Kepong, dia bersedia sedikit pada hari ini. Selalu dia bercakap dengan tangannya keluar. Hari ini dia bercakap tak ada menggerakkan tangan, syabaslah, tetapi dia menggunakan mulut sahaja bercakap. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengucapkan syabas kepada kerajaan, khususnya kementerian mengemukakan rang undang-undang ini supaya dapat meningkatkan lagi usaha atau untuk melaksanakan Akta LHDNM ini di mana Jabatan Hasil Dalam Negeri kita akan diperbadankan sebagai satu badan yang kita kira dapat mengemaskini dan melicinkan lagi satu aktiviti negara yang amat penting, iaitu kutipan cukai pendapatan.

Dalam perkara ini, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, iaitu khususnya saya nampak sesuai kita mengucapkan syabas kepada Ketua Pengarah yang lalu yang bersara. Saya nampak bahawa Tan Sri - sekarang sudah bersara. Saya nampak bahawa dalam kepimpinan beliau dan usaha jabatan, bahawa satu peningkatan yang amat baik kita nampak dari segi cukai pendapatan yang dikutip, dan kita mengucapkan syabas.

Oleh kerana pendapatan yang amat tinggi ini dikutip oleh negara, kerajaan dapat menggunakan peruntukan kewangan ini untuk membangunkan negara khususnya bagi program-program aktiviti pembangunan dan juga program-program untuk menjaga, membantu yang lemah, yang miskin dan juga mereka dari kumpulan-kumpulan sosial yang perlu dibantu. Dalam perkara ini saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen - sudah mendapat Dato'? Macam mana ni, Sultan Selangor lupa. Ini orang kuat Menteri Besar Selangor.

Bagaimana data yang terkini dengan prestasi, kalau dahulu jabatan, dan mulai pada 1hb Mac ini sudah menjadi satu badan, satu lembaga, bagaimana setakat tahun 1996 ini. Bagaimana unjuran prestasi yang akan kita dapat sepanjang tahun 1996? Adakah sama yang dijangka seperti tahun 1995 atau lebih baik? Ini satu perkara kalau dapat kita sebut kepada rakyat yang akan menjadi satu natijah yang baik kepada negara. Dalam hal ini, saya juga hendak bertanya, saya bersetuju dengan Kepong, bagaimana mereka yang mengelak daripada membayar cukai pendapatan, terutama sekali kutipan-kutipan daripada kumpulan yang informal. Kalau syarikat-syarikat itu 'sdn. bhd.'. syariat-syarikat berhad, mereka ini berdaftar dengan ROC, dengan izin, mereka ini cukup dengan statistiknya, senang dikira. Ini mereka

yang berniaga seperti yang jual kepala ikan, roti canai yang melanggan orang-orang, kadang-kadang datang dengan Mercedes, dengan Volvo, BMW. Sudah pastilah pendapatannya agak besar juga. Yang tak pernah pergi, Kepong, dia bukan erti makan kepala ikan. Orang 'beyuazi', bukan mengerti.

Bagaimana jabatan menghadapi perkara ini? Juga dengan kumpulan-kumpulan yang disebutkan oleh Kepong, kumpulan glamour, pemain bola sepak, penyanyi kita dengar dapat jualan yang amat tinggi, the golden disc, jubilee disc dan sebagainya. Bermakna pendapatannya amat besar. Tetapi ini tidak ada satu mekanisme atau asas data untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri hendak mengandaikan pendapatan mereka. Jadi, bagaimana, saya minta sedikit penjelasan - saya pun tak tahu, mungkin ada perkataan pendekatan-pendekatan yang tersendiri. Saya mengucapkan syabas, saya dengar satu ceritalah Jabatan Hasil Dalam Negeri hingga tunggu di RTM untuk menahan satu penyanyi kerana tak bayar cukai pendapatan. Ini satu-satu approach yang unik, saya mengucapkan syabas. Mungkin rakyat mahu mendengar apa usaha-usaha yang kadang-kadang kita kurang dengar untuk menghadapi mereka dalam kumpulan informal tadi daripada mengelakkan membayar cukai pendapatan, sebab ini merupakan satu tanggungjawab kita sebagai seorang warganegara Malaysia.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, bila jabatan ini diperlembagakan, saya yakin bukan sahaja setakat hanya badan tulang belakang sahaja, sudah semestinya mekanisme juga akan diperbadankan, dipermodenkan. Dalam isu ini, saya hendak bertanya sedikit, setakat mana kejayaan atau usaha Lembaga sekarang ini pada 1hb Mac 1996 dalam segi penggunaan IT, teknologi baru ini, computerisation. Saya difahamkan pada satu ketika kalau borang-borang yang

dihantar dari segi taksiran cukai, kadang-kadang satu bilik yang besar pun penuh. Kalau penggunaannya setakat hanya sebagai manual, sudah pasti memakan masa yang panjang, perkhidmatan kepada pelanggan lembaga, iaitu orang ramai akan terjejas.

Saya hendak bertanya, setakat mana proses penaksiran ini sudah menggunakan komputer? Macam peperiksaan sekarang ada objektifnya, masuk komputer dan keluar jawapannya. Setakat mana penggunaan komputer, IT dari segi proses penaksiran cukai pendapatan? Setakat mana kejayaan kita, setakat mana yang kita buat? Saya hendak bertanya, adakah 50% daripada pembayar cukai kita sudah ditaksir menggunakan komputer ataupun 60% kah? Amat baik sekali kalau rakyat diberitahu dalam mengemaskinikan lagi penaksiran ini menggunakan IT ataupun penggunaan komputer.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ini yang terakhirlah dan saya bersetuju dengan Kepong. Waktu malam ini kita boleh bersetujulah sebab ketua DAP tak ada. Kalau saya bersetuju dengan dia, kalau ketua pembangkang itu ada, lain pula ceritanya. Anak dia ada, minta maaf. Anak dia beritahu ayah dia. Saya pun hendak menunggu juga bila anak hendak ambil alih ayah dia, senang sedikit.

Dari segi cukai pendapatan, adakah dengan kadar yang ada ini bahawa kita sudah kompetitif, berbanding dengan kadar-kadar cukai pendapatan di rantau ini. Pertama dari segi cukai pendapatan korporat ini supaya menarik lebih pelaburan, lebih pelabur-pelabur datang ke negara kita. Kita mengucapkan syabas, kita sudah banyak turun. Kalau kita lihat tiga tahun yang lalu, 1% dua tahun, 2% setahun. Apakah perancangan masa depan untuk menurunkan supaya cukai kita ini dengan izin, "competitive". Yang keduanya, dari segi orang ramai, the

personal income tax, cukai pendapatan warganegara peribadi. Adakah kerajaan bercadang mengkaji kembali dari semasa ke semasa, hendak menurunkan lagi supaya lebih ramai lagi rakyat negara kita dengan ekonomi yang berkembang, lebih ramai lagi yang kurang membayar cukai pendapatan supaya lebih ramai mendapat manfaat daripada perkembangan ekonomi negara kita, kerana tax base kita sudah hampir besar.

Akhirnya saya minta juga sedikit pandangan kalau dapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memaklumkan. Kita tahu bahawa salah satu matlamat/objektif melembagakan Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah supaya perkara-perkara yang kita dengar attrition ratenya, dengan izin, banyak pegawai-pegawai kita yang pakar dalam tax ini meletakkan jawatan, sama ada menjadi partner dalam tax consultant, syarikat tax consultant tempatan atau mereka ini bekerja di syarikat besar, sebab itu Jabatan Hasil Dalam Negeri menghadapi sedikit tekanan dari segi kehilangan pegawai-pegawai yang senior yang pakar di Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Oleh kerana itu dengan adanya sekim yang baru ini, insya-Allah, bila Lembaga ini wujud, apa dia bezanya? Adakah gajinya lebih baik, scheme of servicenya lebih baik, apa dia kebaikannya yang bertambah baik ini? Gajinya 30% lebih tinggikah? Kalau dahulu keretanya hanya Proton Saga, pegawai tingginya hanya diberi Volvokah, apa dia perbezaan scheme of service yang baru ini - pukul ratanya. Secara amnya adakah lebih baik daripada yang dahulu? Sebab di sini ramai, sudah pukul 11.00 pun datang bekerja. Mungkin lepas ini balik ke Jabatan Hasil Dalam Negeri, tengok fail saya pula, mungkin hutang saya - saya bayar income tax. (Ketawa)

Ini perlu kita beri jaminan supaya penuntut-penuntut universiti yang akan mendapat ijazah mereka tidak lama lagi,

mereka sedar bahawa dengan jabatan ini diperbadankan, sudah ada skim yang baru, yang lebih menarik, kalau boleh biarlah market competitive, dengan izin. Bermakna bila dia memasuki sebagai pekerja selepas mereka graduate, mendapat ijazah, sama ada mereka itu memasuki sebagai pegawai dengan tax consultant dan mereka memasuki juga sebagai pegawai di Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, career passnya agak sama, masa depannya cerah dari segi scheme of service, dari segi skim-skim yang lain, bila mereka bekerja dengan Lembaga ini sama atau sama dari segi pasarannya dengan syarikat-syarikat swasta.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas sekali lagi kepada kerajaan khususnya kementerian kerana kita lihat Lembaga ini, insya-Allah, dengan adanya pindaan ini dapat benar-benar bergerak sebagai satu Lembaga yang kita hasratkan sebab agenda kutipan pendapatan, agenda mendapatkan revenue negara ini amat penting sekali.

Saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta menjawab.

10.44 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Rompin yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan akta ini.

Yang Berhormat Kota Melaka telah menanyakan mengenai area property gain tax yang dikuatkuasakan selepas belanjawan diisytiharkan. Semua harta tanah yang diluluskan oleh bukan

pemastautinan tetap dan bukan rakyat Malaysia selepas tarikh belanjawan dikenakan cukai potongan harta tanah pada kadar tetap 30%. Mengenai levi yang dikenakan, percanggahan interpretasi yang diperkatakan tadi, Kementerian Kewangan sedang menyediakan garis panduan mengenai perkara ini dengan kementerian-kementerian yang lain.

Yang Berhormat Kepong menyebutkan mengenai keadilan dan kesaksamaan LHDNM.....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa semua pelupusan selepas belanjawan diumumkan, adakah ini bermakna kalau harta tanah ini dimiliki oleh orang asing lebih daripada 20 tahun dia pun dikenakan kadar 30% ini? Tentang levi, bilakah garis panduan yang tetap akan diluluskan dan diberikan kerana kalau perkara ini dilambat-lambatkan semua penjualan atau urusan akan tergantung di situ sahaja.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Mengenai levi yang berbeza di antara negeri-negeri, apa yang telah dibuat oleh kementerian ialah meminta Kementerian Tanah menyatukan balik, supaya ada keserasian di antara konsep levi yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan dengan konsep yang dikenakan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Perkara ini telah pun dilakukan dan apa yang akan dilakukan ialah satu mesyuarat akan diadakan di antara Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan Kementerian Kewangan untuk mengadakan garis panduan mengenai perkara ini.

Yang diperkatakan tadi mengenai harta tanah tidak kira berapa lama harta itu di pegang dan dilupuskan, apa yang saya katakan tadi ialah selepas tarikh belanjawan dikenakan, cukai keuntungan harta tanah pada kadar tetap 30%.

Yang Berhormat Kepong telah pun menyatakan mengenai keadilan dan kesaksamaan LHDNM apabila ia dilembagakan. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Kepong kerana mengatakan mengenai perkara-perkara ini dan kita merasakan bahawa perkara ini perlu dan dalam lembaga nanti transparency atau ketelusan, kesaksamaan, keadilan dan sebagainya itu akan menjadi tunggak acara kita.

Yang Berhormat Kepong mengatakan bilakah LHDNM ini akan dikorporatkan? Apa yang telah kita lakukan ialah bukan dikorporatkan tetapi dilembagakan sahaja. Opsyen-opsyen yang telah ditawarkan kepada pekerja-pekerja di Lembaga, kita dapati bahawa opsyen itu, pegawai-pegawai dan staff yang membuat opsyen menolak untuk memasuki Lembaga Hasil Dalam Negeri ialah seramai 382 orang dan pegawai Jabatan Hasil yang belum membuat opsyen pada 1hb Mac - yang bertaraf pegawai ialah seramai 196 orang dan mereka ini tidak akan masuk dalam Lembaga tetapi akan masuk di bawah Jabatan yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan ada yang kembali kepada perkhidmatan asal (parent service).

Masa depan pekerja.....

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih, saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Tadi ada disebutkan

tentang ramai pegawai-pegawai daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri yang tidak berhajat untuk memasuki skim perkhidmatan di bawah Lembaga. Jadi, saya ingin tahu apakah di antara sebabnya mengapa begitu ramai pegawai-pegawai daripada jabatan ini tidak mahu memasuki skim ini? Adakah kerana skim penggajian ataupun terma-terma perkhidmatan yang tidak menarik sehingga mengapa ramai yang tidak berminat untuk memasuki Lembaga pada masa akan datang? Terima kasih.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, kalau kita lihat pada keseluruhan 196 orang yang membuat opsyen tidak mahu masuk merupakan segelintir sahaja. 47 orang daripada pegawai dan staff, mereka mahu bersara terus kerana umur mereka pun sudah lanjut, jadi, saya rasakan bukan kerana condition of service, seperti yang diperkatakan itu tidak memuaskan. Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa option of service yang diutarakan sungguh menarik, tidak lebih dan tidak kurang, bersamaan juga dengan pegawai-pegawai dari EPF.

Jadi, kita rasakan bahawa apa yang mereka lakukan untuk tidak mahu memasukinya bukan kerana servis tetapi setengahnya hendak masuk dalam jabatan kerana selain daripada lembaga, kita ada ketua pengarah di bawah jabatan. Jadi, kita ada dua organisasi yang parrallel berjalan. Apa yang kita lakukan sekarang ini dengan adanya pindaan, semua kuasa-kuasa akan diberi oleh ketua pengarah kepada lembaga untuk menjalankan siasatan, memungut hasil, membuat taksiran dan sebagainya.

Mengenai masa depan pungutan yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sukalah saya menyatakan di sini bahawa buat ketika ini kita telah memungut lebih kurang RM22 bilion dan

kita berharap bahawa pungutan kita pada masa yang akan datang selepasnya kita lembagakan mencapai RM23.5 ke-RM24 bilion dijangka kutipan.

Mengenai mendidik orang ramai supaya dapat membayar cukai, kita sekarang ini ada program yang kita lakukan supaya orang ramai dapat tampil ke hadapan dan kita memberi penerangan kepada mereka, bukan sahaja di jabatan tetapi juga di tempat-tempat awam dan kita dapati bahawa response daripada orang awam mengenai perkara ini sangat menggalakkan.

Apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai orang-orang yang melarikan diri daripada membayar cukai, suka saya menyatakan di sini bagi individu yang tidak bermastautin, bilangannya adalah seperti berikut. Pada tahun 1995 kita ada 242 kes dan amaun cukai yang tidak dibayar ialah sebanyak RM10,348,092.30 dan pada tahun ini hingga 31hb Mac, 1996 bilangannya ialah 61 kes dan amaun cukai yang tidak dibayar ialah RM2,227,363.85.

Bilangan individu yang bermastautin dan dilarang meninggalkan Malaysia adalah seperti berikut. Sekiranya orang-orang yang bermastautin di sini yang hendak melarikan diri, apa yang dilakukan oleh lembaga ialah memberitahu Pegawai Imigresen mengenai butir-butirnya dan mereka itu tidak dibenarkan meninggalkan Malaysia.

Pada tahun 1995, bilangannya ialah seramai 892 orang dan amaun cukai ialah sebanyak RM135,396,244.94 dan pada tahun 1996 sehingga 31hb Mac, 1996 bilangan kes ialah sebanyak 192 orang dan amaun cukai ialah sebanyak RM7,971,921.66.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Beberapa Ahli: (*Mengganggu*)

Dr. Tan Seng Giaw: Pendek sahaja, satu sahaja. Ini memang menarik, satu soalan yang menarik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila soal terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Soal terus ya! Banyak kacaulah, saya pun hendak pendekkan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat, bila seseorang warganegara Malaysia meninggalkan negara untuk mengelakkan daripada membayar cukai, misalnya mereka lari ke Australia dan berapa tahunkah moratorium bagi mereka kalau mereka hendak balik ke sini? Bila mereka lari daripada Malaysia misalnya bermastautin di Australia, kemudian hendak balik, berapa tahun? Kita ada senarai di dalam Imigresen yang menghalang mereka balik, kalau balik ditangkap? Sama ada selepas sepuluh tahun mereka boleh balik dengan bebas?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong, sekiranya seseorang itu lari ke Australia dan tidak membayar cukai, kita akan hidupkan nama dia itu sepanjang masa dan apabila dia teringin hendak balik makan kuetiau di Chow Kit Road, kita akan tangkap mereka. (*Ketawa*)

Bagi menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Rompin, pengumuman IT, program-program IT memang luas telah dilaksanakan dan program PUSH iaitu Permodenan Untuk Sistem Hasil 1994 hingga 1998 sedang dijalankan dan amaun yang akan dibelanjakan untuk IT ini ialah sebanyak RM140 juta dan pada masa sekarang sistem komputer untuk menaksir kes-kes pengajian sedang dijalankan.

Bagaimana mereka yang mengelak dari membayar cukai, ada cerita-cerita yang telah pun diperkatakan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Kepada orang-orang yang tidak membayar cukai seperti orang yang menjual kepala ikan, apa yang kita lakukan ialah, pegawai-pegawai kita akan duduk makan di sana (*Ketawa*) dan selepas itu kita akan mencatatkan berapa anggarannya pendapatan mereka pada satu hari dan cukup bulan nanti kita akan hantar borang untuk mereka mengisi dan membayar cukai pendapatan mereka.

Pegawai-pegawai kita, kita mengharapkan seperti yang saya telah katakan tadi, bahawa ramai daripada mereka telah masuk lembaga dan mereka mendapat gaji yang lumayan, lebih kurang dengan EPF dan selain daripada itu apabila mereka buat option, mereka juga akan menerima pencen pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja semua jawapan-jawapan yang telah saya jawab bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan dan mana yang tidak dijawab akan diambil perhatian. Terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga *6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Majlis Mesyuarat ini sukalah saya mengambil kesempatan ini bagi pihak saya dan rakan sejawat saya mengucapkan Selamat Hari Raya Haji Aidiladha kepada Ahli-ahli sekalian yang beragama Islam dan dengan ini saya menangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin bersamaan 6hb Mei, 1996.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.00 malam.